

e-prosiding
**Wacana Perpaduan
Kalangan Belia**
Era PKP 2.0





e-prosiding

Wacana Perpaduan Kalangan Belia

Era PKP 2.0






e-prosiding

Wacana Perpaduan Kalangan Belia

Era PKP 2.0



Penyelenggara

Nur Azuki Yusuff
Muhammad Hafizuddin Huji



Hak cipta FBI 2021

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin daripada Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

WACANA PERPADUAN KALANGAN BELIA ERA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 2.0
e-ISBN

Diterbitkan oleh:

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan,
Universiti Malaysia Kelantan,
Kampus Bachok, 16300,
Bachok, Kelantan.
Telefon: +609-779 7445
Email: fbi@umk.edu.my



SENARAI KANDUNGAN

<i>ALU-ALUAN DEKAN FBI</i>	VII
<i>PRAKATA</i>	VIII
<i>LATAR BELAKANG</i>	1
<i>OBJEKTIF</i>	1
KERTAS 1 : MASYARAKAT MAJMUK SEBAGAI KUNCI KEHARMONIAN SEJAGAT MENURUT PERSPEKTIF BELIA	
<i>Abstrak</i>	3
<i>Latar Belakang</i>	3
<i>Objektif Kajian</i>	4
<i>Metodologi</i>	5
<i>Analisis Data</i>	5
<i>Dapatan Kualitatif</i>	11
<i>Perbincangan</i>	11
<i>Rumusan</i>	12
<i>Rujukan</i>	13
KERTAS 2 : PERSEPSI BELIA TERHADAP KESAN DASAR PENJAJAHAN KEPADA PERPADUAN KAUM	
<i>Abstrak</i>	14
<i>Kata kunci: penjajahan, kesedaran isu perpaduan, masyarakat majmuk</i>	14
<i>Pendahuluan</i>	14
<i>Permasalahan</i>	15
<i>Objektif Kajian</i>	15
<i>Metodologi</i>	15
<i>Analisis Dapatan</i>	15
<i>Perbincangan</i>	18
<i>Rumusan</i>	20
<i>Rujukan</i>	20
KERTAS 3 : PERBEZAAN FAHAMAN POLITIK MENGGUGAT PERPADUAN KAUM: KAJIAN PERSEPSI BELIA	
<i>Abstrak</i>	22
<i>Pendahuluan</i>	22
<i>Objektif Kajian</i>	23
<i>Metodologi</i>	23
<i>Analisis Tinjauan</i>	23
<i>Perbincangan</i>	26
<i>Rumusan</i>	27
<i>Rujukan</i>	28
KERTAS 4 : ISU PEMECAHBELAH PERPADUAN KAUM BERDASARKAN PROVOKASI AHLI POLITIK MENURUT PERSPEKTIF BELIA	
<i>Abstrak</i>	29
<i>Pendahuluan</i>	29
<i>Latar Belakang Permasalahan</i>	29
<i>Objektif Kajian</i>	30
<i>Metodologi</i>	30
<i>Analisis Dapatan</i>	31
<i>Perbincangan</i>	34
<i>Rumusan</i>	35
<i>Rujukan</i>	35
KERTAS 5 : PERBEZAAN AMALAN EKONOMI MENGIKUT KAUM MENJADI RACUN PERPADUAN	
<i>Abstrak</i>	36
<i>Latar Belakang Permasalahan</i>	36
<i>Objektif kajian</i>	37
<i>Metodologi</i>	37
<i>Analisis Dapatan</i>	37
<i>Latar belakang Demografi Responden</i>	37
<i>Perbincangan</i>	41
<i>Rumusan</i>	43
<i>Rujukan</i>	43
KERTAS 6 : SENTIMEN PERKAUMAN DALAM KALANGAN BELIA; KES STUDI MAHASISWA FAKULTI PERUBATAN VETERINAR UMK	
<i>Abstrak</i>	44
<i>Pendahuluan</i>	44
<i>Latar Belakang Permasalahan</i>	44
<i>Objektif Kajian</i>	45
<i>Metodologi</i>	45
<i>Perbincangan Dapatan Kajian</i>	45
<i>Perbincangan</i>	47
<i>Rumusan Hasilan</i>	49
<i>Rujukan</i>	49



KERTAS 7 : INTERETHNIC MARRIAGE IN MALAYSIA: A NEW PERSPECTIVE	
<i>Abstract</i>	50
<i>Background / Issue Complication</i>	50
<i>Research Purpose</i>	51
<i>Methodology</i>	51
<i>Analysis Result</i>	52
<i>Discussion</i>	54
<i>Research Summary Result</i>	56
<i>References</i>	57
KERTAS 8 : PUNCA DAN CARA PENYELESAIAN ISU SENSITIVITI KAUM DAN AGAMA DI MALAYSIA DENGAN MENGAMBILKIRA PANDANGAN BELIA	
<i>Abstrak</i>	58
<i>Latar Belakang dan Permasalahan</i>	58
<i>Objektif Kajian</i>	59
<i>Metodologi</i>	59
<i>Sumber Internet</i>	
<i>Soal Selidik</i>	
<i>Analisis Data</i>	59
<i>Perbincangan</i>	61
<i>Rumusan</i>	63
<i>Rujukan</i>	64
KERTAS 9 : PERSPEKTIF BELIA BERKAITAN ISU PEMANSUHAN SEKOLAH VERNAKULAR DAN PELARASAN SEKOLAH KEBANGSAAN UNTUK SEMUA KAUM DI MALAYSIA	
<i>Abstrak</i>	65
<i>Latar Belakang Permasalahan</i>	65
<i>Objektif Kajian</i>	66
<i>Metodologi</i>	66
<i>Analisis Dapatan</i>	67
<i>Perbincangan</i>	67
<i>Rumusan</i>	71
<i>Rujukan</i>	71
KERTAS 10 : PEMUPUKAN PERPADUAN MELALUI IDEA SEKOLAH SATU ALIRAN MENURUT PERSEPSI BELIA	
<i>Abstrak</i>	73
<i>Kata kunci: sekolah satu aliran, perpaduan, vernakular</i>	73
<i>Latar Belakang Permasalahan dan Teori</i>	73
<i>Objektif Kajian</i>	74
<i>Metodologi kajian</i>	74
<i>Analisis Dapatan</i>	76
<i>Perbincangan: Cadangan Penyelesaian</i>	79
<i>Rumusan</i>	80
<i>Rujukan</i>	80
KERTAS 11 : PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA BAGI MENINGKATKAN PERPADUAN DALAM KALANGAN BELIA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) DAN SWASTA (IPTS)	
<i>Abstrak</i>	82
<i>Latar Belakang</i>	82
<i>Objektif Kajian</i>	82
<i>Metodologi</i>	83
<i>Analisis Dapatan</i>	83
<i>Perbincangan</i>	87
<i>Rumusan</i>	89
<i>Rujukan</i>	89
KERTAS 12 : PERSEPSI BELIA BERKAITAN; ADAKAH TULISAN JAWI AGENDA ISLAMISASI?	
<i>Abstrak</i>	91
<i>Latar Belakang/ Permasalahan</i>	91
<i>Objektif Kajian</i>	92
<i>Metodologi</i>	93
<i>Analisis</i>	93
<i>Perbincangan</i>	98
<i>Rumusan</i>	98
<i>Rujukan</i>	99
JAWATANKUASA PELAKSANA PERJALANAN PROGRAM	
	101
	102



ALU-ALUAN DEKAN

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersama-sama kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat ILAHI kerana diberi keizinan-Nya untuk kita semua bertemu dan menghadiri Wacana Perpaduan Kalangan Belia Era PKP 2.0 2021 pada April 2021 ini. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Jabatan Sains Kemanusian, FBI di atas usaha dan inisiatif untuk menganjurkan wacana ini. Tahniah juga kepada semua pihak yang membantu menjayakan program sokongan pembelajaran bagi kursus USK10202 Penghayatan Etika dan Peradaban dan USK1022 Hubungan Etnik.

Saya mengharapkan agar wacana ini dapat memberi pendedahan berguna kepada para peserta berkaitan dengan isu perpaduan. Saya berharap, pembentang kertas kerja di dalam wacana ini dapat mencambahkan idea yang bernalas. Dalam masa yang sama, saya percaya bahawa para ilmuwan dan para peserta dapat memberikan sumbangan penting dan seterusnya, berkongsi idea-idea tersebut kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Sains Kemanusian, UMK di atas pengajuran wacana ini. Semoga wacana ini akan mencapai objektif pengajurnya.

Dr. Burhan Che Daud
Dekan,
Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan



PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera dan Salam Penghayatan Etika dan Peradaban

Alhamdulillah, buku program dan kandungan kertas kertas ini berjaya disiapkan berdasarkan komitmen bersama. Program Wacana Perpaduan Kalangan Belia Era PKP 2.0 2021 ini perlu diadakan bagi mencapai sasaran kerja tahunan jabatan kami selaku penggerak kecemerlangan ilmu berkaitan kenegeraan dan aspirasi negara. Perlu dinyatakan di sini bahawa penggunaan “era PKP 2.0” disebabkan peristiwa wacana dan tempoh pengumpulan data oleh para pengkaji terhadap belia berlangsung sepanjang era itu.

Sebagai sebuah Universiti yang berteraskan keusahawanan bagi kesejahteraan global, UMK perlu bersama Kerajaan Malaysia menjayakan usaha perpaduan negara. Berdasarkan pengamatan semasa, tahap kecaknaan mahasiswa terhadap isu perpaduan amat perlu diperkasakan. Jabatan Sains Kemanusiaan mengambil daya inisiatif dengan mengadakan program ini supaya semua pelajar UMK yang mengambil kursus Hubungan Etnik dan Penghayatan Etika dan Peradaban berpeluang mengjayakannya dalam suasana yang bersemangat dan penuh keinsafan. Oleh itu, amatlah wajar dan tepat sekali program ini dilaksanakan di Universiti ini.

Naib Canselor juga menitik beratkan pembinaan semangat nasionalisme dalam kalangan belia/pelajar UMK. Tambahan pula, FBI dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan pelbagai aktiviti serta program yang menarik minat pelajar menghayati nilai hidup berbangsa berprinsipkan Rukun Negara.

Buku ini turut meraikan kemampuan pelajar dalam menyediakan kertas kerja berimpak melalui kajian yang mereka jalankan di samping membina jaringan pemikir muda yang berusaha memartabatkan usaha menggerakkan agenda kecemerlangan negara di peringkat UMK dengan kerjasama semua pihak.

Akhir kata, penerbitan ini adalah antara prasyarat menyediakan inisiatif mengkaji ruang dan peluang untuk menjadikan FBI dan UMK sebagai entiti pengupaya kecemerlangan integrasi dan agenda negara berdasarkan pengalaman pelaksanaan sedia ada di Universiti Awam.

Terima kasih,

Prof. Madya Dr. Nur Azuki Yusuff
Pengarah Program



PENGENALAN LATAR BELAKANG

- Merujuk kepada bengkel sasaran kerja tahunan 2021 yang dilansungkan pada Disember 2020 lalu, Jabatan Sains Kemanusiaan mencadangkan beberapa program sokongan pembelajaran. Program ini adalah antara program sokongan subjek USK 1022 Hubungan Etnik (HE) dan USK10202 Penghayatan Etika dan Peradaban
- Dalam mendepani pembangunan negara dengan revolusi industri 4.0, komuniti mahasiswa selaku belia Negara perlu mendalami dan menghidupkan semangat perpaduan negara. Program ini bertujuan menyediakan medium perkongsian secara ilmiah dan kritis mengenai agenda kesepaduan sosial dan perpaduan negara melalui penghayatan Perlembagaan negara.
- Jabatan Sains Kemanusiaan berusaha memastikan semua pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menghayati nilai murni dan keagamaan bertepatan dengan Rukun Negara. Hasrat yang murni ini boleh dicapai dengan mewujudkan satu program yang melibatkan semua pelajar secara langsung sesuai dengan aktiviti sokongan pembelajaran mereka. Semoga dengan suasana yang kondusif ini nanti, objektif bersama ini akan dapat direalisasikan

OBJKTIF

- Program ini bertujuan memberi peluang penglibatan pelajar UMK memaksimumkan penghayatan nilai murni dan etika kesepaduan yang ditanam sepanjang proses P&P kursus teras universiti selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Menyediakan medium pembelajaran dalam suasana yang menyeronokkan melalui aktiviti yang disediakan, di samping memberikan penghargaan kepada kematangan dan kepintaran mereka dengan penerbitan bahan tugasannya.
- Mewujudkan nilai murni dalam kalangan warga UMK agar visi dan misi UMK bagi menghasilkan graduan yang cemerlang dari segi ciri-ciri keusahawanan dan menyerlah semangat patriotisme melalui pertandingan yang dianjurkan.
- Sebagai program sokongan P&P dalam usaha melahirkan mahasiswa yang memiliki jiwa merdeka.





Kertas 1:
MASYARAKAT MAJMUK SEBAGAI KUNCI KEHARMONIAN SEJAGAT MENURUT PERSPEKTIF BELIA

Adib Dzafirah Mohd Khairul Fidzal, Corneylius Colodius, Muhammad Kasyfi Mohd Yazid, Aravin Kumaran S Thiruvarasu, Kosheilasri Subbarao, Alwafi Nordin

Abstrak

Masyarakat majmuk Malaysia telah melalui pelbagai cabaran dan dugaan dalam membina keharmonian. Antara cabaran yang dihadapi iaitu isu pergaduhan, imigrasi warga asing yang menyumbang kepada perubahan status negara aneka kepelbagaian "superdiversity". Kertas ini berusaha melihat pihak yang manakah memainkan peranan besar untuk meningkatkan perpaduan di Malaysia, mengenalpasti tahap kesejahteraan dalam menjalankan hubungan antara kaum dan mengenalpasti tahap interaksi antara kaum serta persepsi tentang satu sama lain, di samping membincangkan permasalahan aneka kepelbagaian 'superdiversity' yang dapat menggugat keharmonian sejagat. Melalui kaedah soal selidik menggunakan google meet, kajian mendapati jika ingin dibandingkan dengan tahap keharmonian negara pada 10 tahun yang lalu, tiada perubahan yang besar dapat dikecapi terutamanya dari segi aspek perpaduan dalam perkauman. Kebanyakan rakyat Malaysia dianggap mengamalkan konsep etnisiti, namun mungkin masih ada minoriti rakyat yang masih mengamalkan konsep etnosentrisme walaupun sejak insiden 52 tahun (tragedi 13 Mei 1969) yang lalu.

Kata kunci: Majmuk, keharmonian, superdiversity

Latar Belakang

Masyarakat bermaksud kumpulan manusia yang hidup bersama-sama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu. Negara Malaysia merupakan negara yang terkenal dengan keunikannya, iaitu salah sebuah negara yang harmoni walaupun rakyatnya terdiri daripada masyarakat majmuk. Majmuk itu terbentuk daripada beberapa bahagian kesatuan atau dalam konteks masyarakat, ia terdiri daripada beberapa kumpulan etnik. Masyarakat majmuk adalah satu kumpulan manusia yang terdiri daripada pelbagai rumpun bangsa yang membentuk satu kesatuan, khususnya dalam aspek politik, ekonomi dan sosial bagi membentuk satu kumpulan yang bersatu padu.

Negara Malaysia terkenal dengan keunikannya, iaitu merupakan salah sebuah negara yang harmoni walaupun rakyatnya terdiri daripada masyarakat majmuk. Masyarakat majmuk menurut definisinya, adalah sekumpulan manusia yang terdiri daripada pelbagai jenis etnik menetap di sesuatu tempat secara teratur dengan cara-cara tertentu. Masyarakat majmuk di Malaysia adalah berdasarkan kepelbagaian budaya kaum-kaum dan pemisahan fizikal, namun bersatu di bawah sesebuah sistem politik dan perlembagaan yang sama, iaitu sistem demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran raja berperlembagaan. Bagi negara Malaysia, rakyatnya termasuk kaum utama, iaitu kaum Melayu, Cina, dan India, serta suku kaum yang lain, misalnya Orang Asli, Bajau, Kadazan-Dusun, Iban dan Baba-Nyonya. Setiap rakyatnya juga mempunyai kepercayaan masing-masing, seperti agama Islam, Buddha, Kristian, Hindu, dan juga Taoisme dan Konfusiosme. Dengan ini, terbentuknya sebuah negara heterogenios yang dinamakan negara Malaysia.

Negara Malaysia diduduki oleh masyarakat yang berpelbagai kaum dan kepercayaan, di mana kata mudahnya adalah masyarakat majmuk, justeru mewakili pelbagai etnik yang unik. Dengan ini, konsep etnik merangkumi dua konsep, iaitu etnisiti dan etnosentrisme, namun majoriti rakyat Malaysia berpegang teguh terhadap konsep etnisiti. Bagi konsep etnisiti, perkara ini merupakan sesebuah kumpulan etnik yang mempunyai perasaan kekitaan, misalnya kebudayaan etnik tersebut yang mempamerkan sejarah, nilai dan sikap kaum tersebut. Seterusnya, konsep etnosentrisme merujuk kepada kepercayaan dan kebanggaan sesebuah kaum yang berpendapat bahawa kaum tersebut adalah jauh lebih baik daripada kaum yang lain. Rakyat Malaysia dipercayai mengamalkan konsep etnisiti kerana masyarakat Malaysia mengamalkan akomodasi terhadap kumpulan etnik yang berbeza, justeru membentuk persefahaman dan integrasi rakyat



Malaysia sebagai sebuah negara bermasyarakat majmuk yang harmoni. Namun begitu, mungkin terdapat segelintir masyarakat Malaysia yang mengamalkan konsep etnosentrisme?

Konsep etnosentrisme, seperti yang diterangkan di atas, secara tersiratnya berkaitan dengan rasisme, iaitu sesuatu anggapan individu bahawa etniknya adalah lebih baik daripada etnik-etnik yang lain. Perbezaannya adalah konsep etnosentrisme adalah diamalkan di antara kalangan sesebuah kaum, manakala rasisme adalah di antara seseorang individu sahaja. Namun begitu, pengamalan salah satu atau kedua-dua konsep tersebut tercetusnya diskriminasi terhadap kaum-kaum yang lain, justeru beranggapan bahawa kaum yang lebih inferior layak ditindas.

Terdapat sejarah hitam penting bagi rakyat Malaysia yang berlandaskan sikap etnosentrisme, iaitu tragedi 13 Mei 1969 di mana terdapat rusuhan kaum dan rapuhnya perpaduan rakyat. Tragedi ini tercetus di antara kaum Melayu dan kaum Cina yang bermula dari aspek Politik, di mana perarakan kemenangan yang diadakan oleh kaum Cina untuk meraikan kemenangan parti pembangkang bagi Pilihan Raya Umum (PRU) tiga hari sebelumnya mencetus provokasi besar, justeru membakar perasaan dendam dan marah kaum Melayu. Dengan ini, pergaduhan, kemusnahan harta benda awam serta pembunuhan dan pertumpahan darah antara kaum tersebut berlaku secara pantas di Kuala Lumpur. Perkara ini merugikan rakyat serta menjatuhkan martabat negara, justeru membuktikan peribahasa kalah jadi abu, menang jadi arang.

Namun begitu, tragedi 13 Mei 1969 bukanlah satu-satunya isu etnosentrisme dan rasisme yang berlaku di Malaysia. Walaupun 51 tahun yang lalu sejak berlakunya tragedi tersebut, masih tercatat kejadian-kejadian melibatkan rusuhan kaum yang menyebabkan rakyat Malaysia berpecah belah. Terkini, pada Disember 11 tahun 2020, seorang pengarah filem kaum Cina ditindas dan berlaku salah faham oleh kaum Melayu oleh kerana kandungan poster filemnya yang kontroversi dan dianggap menghina kaum Melayu. Oleh itu, timbulnya persoalan di mana masihkah lagi konsep rasisme dan etnosentrisme diamalkan walaupun 63 tahun negara Malaysia mencapai kemerdekaan melalui perpaduan sesebuah masyarakat majmuk.

Kini, pada tahun 2021, Malaysia bukan lagi sebuah negara bermasyarakat majmuk dengan kaum Melayu, India dan Cina serta etnik-etnik Sabah dan Sarawak, namun Malaysia dikenali sebagai negara yang aneka kepelbagaiannya (*superdiversity*). Aneka kepelbagaiannya wujud oleh kerana untuk memenuhi keperluan ekonomi, perubahan politik serta kebebasan mobiliti masyarakat dunia dan kemajuan sains dan teknologi. Dengan ini, etnik-etnik di Malaysia bertambah dengan kemasukan warga yang berasal daripada pelbagai negara, seperti Indonesia, Nepal, Vietnam, Bangladesh, dan Filipina. Oleh itu, jumlah penduduk di Malaysia pada tahun 2020 mencatat sebanyak 32.7 juta orang, di mana bukan warganegara terdiri daripada 3.0 juta orang.

Kajian yang dilakukan adalah untuk memberi persefahaman yang lebih mendalam terhadap masyarakat majmuk di Malaysia, terutamanya tentang pendapat dan perspektif rakyat Malaysia sendiri. Dengan ini, kajian ini dijalankan untuk lebih memahami bahawa rakyat Malaysia mengamalkan konsep etnisiti ataupun konsep etnosentrisme, di mana rakyat Malaysia menyokong dan beradaptasi ataupun membantah tentang masyarakat majmuk dan aneka kepelbagaiannya (*superdiversity*). Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis perpaduan dan keharmonian masyarakat majmuk dalam negara Malaysia adalah seperti yang dibanggakan dan dinyatakan dalam media massa dan rakyat Malaysia sendiri.

Objektif Kajian

Dalam melaksanakan kajian tentang masyarakat majmuk di Malaysia, pengkaji tubuhkan beberapa objektif kajian untuk mengenal pasti kunci utama untuk mencapai keharmonian sejagat.

1. Membincangkan tentang pihak yang manakah memainkan peranan yang paling besar untuk meningkatkan perpaduan di Malaysia.
2. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesejahteraan dalam menjalankan hubungan antara kaum dalam kelangan masyarakat kini. Selain itu,
3. Kajian ini direalisasikan bagi mengenalpasti tahap interaksi hubungan antara kaum dan persepsi tentang satu sama lain.



- Kajian ini juga membincangkan tentang permasalahan aneka kepelbagaian ‘superdiversity’ yang dapat menggugat keharmonian sejagat.

Metodologi


Kajian yang dijalankan ialah berbentuk kajian kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif yang digunakan adalah untuk mengetahui pendapat masyarakat tentang peringkat keharmonian yang wujud dalam kelangan masyarakat majmuk di Malaysia. Pengkaji menggunakan borang soal selidik secara atas talian yang menumpu kepada kekuatan dan kelemahan kemasyarakatan di Malaysia. Jumlah responden yang menjawab borang soal selidik pengkaji adalah sebanyak 129 responden yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti etnik Melayu, India, Cina, Dusun dan lain-lain etnik daripada penduduk di serata Malaysia. Responden pengkaji juga terdiri daripada pelbagai kumpulan umur iaitu bermula daripada umur 13 sehingga 50 tahun ke atas. Hal ini disebabkan, pengkaji berpendapat bahawa perbezaan kategori informan dapat mengukuhkan hasil kajian pengkaji iaitu dengan memperoleh pendapat atau aspek yang pelbagai dan dari sudut yang berbeza seperti daripada pengalaman mereka berinteraksi dengan masyarakat yang berlainan etnik di Malaysia. Pengkaji juga memberi peluang kepada responden untuk memberikan pandangan mereka terhadap inisiatif yang harus diambil untuk merapatkan lagi ikatan silaturahim antara pelbagai etnik di Malaysia.

Kajian kualitatif adalah kajian yang tidak boleh dijelaskan dengan berdasarkan data sahaja. Kajian ini merupakan kajian berbentuk pemerhatian secara menyeluruh yang terdiri daripada emosi, motivasi dan empati. Oleh yang demikian, pengkaji memilih untuk menjalankan kajian ini dengan menemu bual beberapa orang veteran iaitu ibu bapa pengkaji sendiri tentang pandangan mereka terhadap isu aneka kepelbagaian “superdiversity” yang berlaku di Malaysia. Pengkaji memilih mereka sebagai kumpulan sasaran pengkaji kerana pengkaji berpendapat bahawa golongan masyarakat yang berumur 40 tahun dan ke atas dapat memberikan pandangan yang lebih matang dan wajar tentang isu yang dapat mengancam keharmonian perkauman di Malaysia.

Analisis Data


Melalui dapatan kajian yang diperoleh hasil daripada borang soal selidik yang pengkaji gunakan, pengkaji merangkumkan hasil dapatan kajian seperti berikut:

Kajian ini dibahagikan kepada dua jenis kajian iaitu kajian kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif yang dijalankan terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A Dan Bahagian B. Bahagian A adalah berkenaan profil demografi oleh setiap responden yang menjawab soal selidik pengkaji melalui aplikasi Google Form.




Rajah 1: Umur responden

73.6% iaitu majoriti daripada responden-responden berikut adalah daripada golongan umur 20 hingga 29 tahun. 12.4 % pula adalah daripada kategori 30 hingga 49 tahun. 10.1 % adalah daripada golongan 13 hingga 19 tahun dan 3.9 % pula adalah daripada golongan 50 tahun ke atas.




Rajah 2: Jantina Responden

61.2% daripada responden-responden berikut adalah golongan perempuan manakala 38.8 % pula adalah golongan lelaki.




Rajah 3: Etnik responden

Seterusnya, daripada 129 responden yang menjawab soal selidik ini, 41.9 % daripada responden-responden berikut merupakan kaum Melayu, 38.8 % pula adalah daripada kaum India. 7 % adalah daripada kaum dusun, 2.3% adalah daripada kaum cina dan selebihnya adalah daripada pelbagai jenis kaum di Malaysia seperti bidayuh, bajau, bugis, telegu, bisaya dan punjabi.




Rajah 4: Agama responden

129 responden yang menjawab Google Form ini, 48.1 % daripada responden-responden berikut adalah penganut agama Islam, 34.9 % pula adalah penganut agama Hindu. 14.7 % daripada responden-responden berikut adalah penganut agama Kristian.



Rajah 5: Lokasi tempat tinggal Responden

Seramai 65.9% daripada responden-responden berikut adalah dari bandar manakala 34.1 % pula adalah dari luar bandar.



Rajah 6: dapatan kajian

Daripada 129 responden yang menjawab Google Form ini, 42.6 % daripada responden-responden berikut sangat bersetuju bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang bersatu dalam kelangan masyarakat yang berbilang kaum dan budaya manakala 1.6 % pula tidak bersetuju terhadap pernyataan tersebut.



Rajah 7: dapatan kajian




Daripada 129 responden yang menjawab soal selidik ini, 29.5 % daripada responden-responden berikut bersetuju bahawa mereka tidak pernah mengalami pengalaman buruk berkaitan masalah perkauman, 14 % pula tidak bersetuju terhadap pernyataan tersebut.




Rajah 8: dapatan kajian

Seramai 24.8 % daripada responden-responden berikut sangat bersetuju bahawa luahan perasaan negatif dan tidak berpuas hati tentang masyarakat dan budaya secara terbuka adalah penting untuk keharmonian sejagat manakala 15.5% pula tidak bersetuju terhadap pernyataan tersebut.



Rajah 9: dapatan kajian

Sebanyak 41.1 % daripada responden-responden berikut sangat bersetuju bahawa perkahwinan antara kaum boleh menyumbang kepada perpaduan negara. Walau bagaimanapun, 4.7% pula tidak bersetuju terhadap pernyataan tersebut.




Rajah 10: dapatan kajian

Sebanyak 76.7 % daripada 129 responden yang menjawab soal selidik berikut sangat bersetuju bahawa mereka mempunyai ramai rakan yang berlainan kaum dan agama. 2.3% pula tidak bersetuju terhadap pernyataan tersebut.




Rajah 11: dapatan kajian

Sebanyak 69.8 % daripada responden-responden sangat bersetuju bahawa mereka tidak mempunyai masalah pergaulan dengan masyarakat yang berlainan etnik. 3.9% pula tidak bersetuju terhadap pernyataan tersebut.



Rajah 12: dapatan kajian

Sebanyak 72.1 % daripada responden-responden sangat bersetuju bahawa mereka sentiasa meraikan pencapaian masyarakat etnik lain tanpa merasa iri hati manakala sebilangan sahaja yang tidak bersetuju terhadap pernyataan tersebut iaitu sebanyak 0.8% sahaja.



Rajah 13: dapatan kajian

Daripada 129 responden yang menjawab soal selidik ini, 51.9 % daripada responden-responden berikut sangat bersetuju bahawa perpaduan dalam kelangan masyarakat yang majmuk dapat dikecapi di Malaysia walhal 3.9 % pula tidak bersetuju terhadap pernyataan tersebut.



Rajah 14: Dapatan kajian

Majoriti daripada semua responden bersetuju bahawa masyarakat sekeliling memainkan peranan yang terbesar dalam membentuk perpaduan negara.

Dapatan Kualitatif



Kajian kualitatif pula, pengkaji dapati bahawa pihak yang ditemu bual tidak bersetuju dengan pernyataan yang dijelaskan iaitu aneka kepelbagai “superdiversity” merupakan salah satu punca ancaman keharmonian dan rasisme berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia pada zaman ini.

Perbincangan

Menurut hasil kajian yang pengkaji realisasikan, terdapat beberapa isu yang perlu ditelusuri dan bincangkan dengan lebih mendalam bagi mencapai objektif kajian dalam masa yang sama membantu pengkaji untuk merumuskan kajian ini.

Dalam kajian kuantitatif, 41.1% daripada responden-responden berasa sangat bersetuju dan 29.5% bersetuju dengan kenyataan tentang perkahwinan antara kaum yang boleh menyumbang kepada perpaduan negara. Pada dasarnya, perkahwinan antara kaum boleh membawa kepada wujudnya etnik campur melalui anak yang dilahirkan. Contohnya, perkahwinan antara individu beretnik Cina dan India akan melahirkan anak yang beretnik Cindian. Sebahagian berpendapat bahawa anak yang beretnik campur ini boleh menyebabkan berlakunya pergaduhan di antara dua buah keluarga yang berlainan kaum dalam menentukan identiti anak tersebut. Namun, hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa situasi tersebut tidaklah menggugat kesatuan dalam kalangan sesebuah keluarga dan masyarakat. Hal ini kerana, masyarakat zaman sekarang mempunyai sikap yang lebih terbuka dengan memandang ke arah yang positif terhadap kelebihan yang diperolehi anak tersebut untuk memahami dua jenis kaum yang berbeza, justeru membantu meningkatkan perpaduan dalam negara Malaysia dan mencapai objektif kajian.

Seterusnya mengenai rakan yang berlainan kaum dan agama. Majoriti daripada mereka iaitu sebanyak 76.7% sangat bersetuju bahawa mereka mempunyai ramai rakan yang berlainan kaum, agama. Jika dilihat pada sesebuah organisasi pekerjaan pada zaman sekarang, para pekerjanya boleh dikatakan dalam bentuk aneka kepelbagianan “superdiversity”, dimana mereka bukan sahaja terdiri daripada pelbagai kaum dan agama yang terdapat di Malaysia, tetapi juga terdiri daripada individu yang bukan warganegara contohnya warga Indonesia, Nepal, Vietnam dan sebagainya. Pengkaji berpendapat bahawa, aneka kepelbagian “superdiversity” ini akan menjadi faktor berlakunya perpecahan di antara mereka kerana berlainan fahaman. Contohnya, wujud kelompok-kelompok yang membezakan antara mereka daripada segi taraf kehidupan atau sebagainya. Namun, hasil kajian menunjukkan aneka kepelbagian “superdiversity” ini tidak menyebabkan perpecahan antara mereka malah membantu meningkatkan lagi kesefahaman antara satu sama lain tidak kira warna kulit. Hal ini disebabkan, semangat dan tekad untuk sama-sama berjaya demi mencapai matlamat yang sama dalam pekerjaan menjadi punca berlakunya persahabatan dan perpaduan antara mereka.

Selain itu, kajian mendapati bahawa majoriti di antara mereka iaitu 69.8% tidak mempunyai masalah pergaulan dengan masyarakat yang berlainan etnik. Dalam kehidupan seharian, dapat melihat wujudnya



segelintir kelompok masyarakat yang membezakan antara etnik. Kelompok-kelompok ini biasanya dilihat di tempat awam contohnya pasar raya, restoran dan taman rekreasi. Melalui penelitian ini, pengkaji beranggapan bahawa masyarakat yang pelbagai etnik ini mempunyai masalah rasisme yang mana mereka enggan bergaul dengan individu yang berlainan etnik. Namun demikian, kajian ini membuktikan bahawa, hanya 5.5% daripada mereka yang bersikap sedemikian dan majoriti daripada mereka tidak ada masalah untuk bergaul dengan masyarakat yang berlainan etnik. Hal ini disebabkan, masyarakat zaman ini saling bergantung antara satu sama lain demi mencapai matlamat masing-masing sama ada di sekolah atau di alam pekerjaan. Boleh juga dikatakan bahawa interaksi hubungan antara kaum pada masa ini meningkat ke arah yang lebih positif.

Pelbagai inisiatif boleh diambil untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim antara masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Langkah yang paling efektif untuk merapatkan jurang antara kaum adalah melalui penggunaan media massa dengan cara meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan hubungan antara etnik di Malaysia. Media massa berperanan untuk membantu memupuk perpaduan negara melalui penyampaian maklumat dan pembentukan pandangan masyarakat. Media massa berperanan untuk menerapkan nilai-nilai positif ke arah memajukan semangat perpaduan. Sebagai contoh, pihak yang bertanggungjawab sewajarnya menayangkan rancangan tentang kepelbagaian kaum dan etnik di Malaysia. Melalui media massa, pengetahuan asas dan adat resam pelbagai etnik dapat disebarluaskan. Hal ini dapat membantu seseorang itu memahami unsur kebudayaan sesuatu kaum. Media massa terutamanya media cetak juga hendaklah menyemai semangat perpaduan melalui artikel-artikel yang sahih dan tidak menyentuh isu-isu sensitif. Masyarakat yang menggunakan media sosial juga seharusnya tidak mengambil mudah dengan sentimen perkauman. Mereka juga seharusnya tidak mudah terpengaruh dengan sentimen yang negatif yang boleh mewujudkan pergaduhan yang berkaitan dengan perkauman supaya perpaduan akan lebih terjamin.

Dalam kajian kualitatif, hasil kajian menunjukkan keputusan yang berlawanan daripada sangkaan. Menurut pandangan yang diperoleh, aneka kepelbagaian “superdiversity” di Malaysia tidak sewajarnya dikaitkan dengan isu rasisme yang berlaku, malah isu ini sebenarnya mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Antara kepentingannya adalah semua boleh mengetahui pelbagai budaya yang diamalkan bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia. Kebudayaan merupakan elemen yang sangat penting dalam aspek kehidupan kerana dengan mempelajari sesuatu perkara dari negara yang berlainan atau memerhati sikap positif yang diamalkan oleh individu berlainan negara, bukan sahaja semua dapat teladani sikap mereka malah dapat membantu semua memperbaiki diri sendiri ke arah yang lebih baik. Dalam aspek pekerjaan, aneka kepelbagaian “superdiversity” ini dapat membantu sesebuah organisasi itu menjadi lebih maju dengan berkongsi pelbagai pendapat dan cara yang berbeza dalam menyelesaikan masalah atau memutuskan sesuatu keputusan. Oleh yang demikian, aneka kepelbagaian “superdiversity” bukanlah punca utama wujudnya kembali isu rasisme ini di negara Malaysia. Mungkin masalah ini hanya berpunca daripada segelintir masyarakat yang enggan menukar corak pemikiran mereka ke arah yang lebih positif dan meluas sahaja.

Rumusan

Kajian ini menggambarkan bahawa majoriti warga Malaysia tidak mempunyai masalah pergaulan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Era modenisasi menjadi salah satu faktor masalah perkauman semakin berkurangan jika di bandingkan dengan tragedi-tragedi yang berlaku. Hal ini disebabkan, matlamat masyarakat kini lebih berfokus ke arah kemajuan ekonomi berbanding soal perkauman. Namun begitu, masalah perkauman yang masih berlaku bukanlah disebabkan aneka kepelbagaian ‘superdiversity’ semata mata tetapi masih kurangnya inisiatif yang belum diambil oleh semua pihak sama ada individu, masyarakat mahupun kerajaan. Aneka kepelbagaian ‘superdiversity’ yang terdapat didalam Malaysia bukanlah halangan dalam membina perpaduan walaupun terdapat secebis bara yang cuba menyalaikan api perkauman.

Natijahnya, masyarakat majmuk perlu dilihat sebagai keunikan negara yang dapat membangun tanpa penindasan sesuatu etnik. Keunikan masyarakat majmuk perlu diraikan supaya generasi akan datang hidup aman makmur tanpa mengenal erti perkauman.



Rujukan

- Hadi, A., Muzliza, M. (2019, Ogos 01). 50 Tahun Selepas Rusuhan Kaum, Hubungan Kaum Kian Meruncing Di Malaysia. *Berita Benar*. <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-racial-13mei-190801-08012019135129.html>
- Nur Azuki Yusuff (2007) *Pengajaran Pengalaman Konflik Hubungan Etnik di Malaysia: Sorotan Faktor Berdasarkan Penganalisisan Masyarakat*. In: Kursus Induksi Modul Umum Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 2007: Universiti Utara Malaysia.
- Nur Azuki Yusuff (2016) *Perpaduan etnik di Malaysia*. Kota Bharu: Penerbit UMK.
- Nur Azuki Yusuff, Tan Hong Cheng, Kevin Fernandez, Yohan Kurniawan (2016) *Perpaduan berpaksikan titik kesamaan fungsi pelbagai agama dengan mengambil kira Islam sebagai agama rasmi di Malaysia*. In: Persidangan Pemantapan CITRA Kenegaraan 4 (COSNA4) ‘Mencorak Masa Hadapan’, 14 Mac 2016, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Nur Azuki Yusuff (2009) *Pembangunan 1Malaysia: isu persaudaraan masyarakat Islam dan bukan Islam melalui aktiviti kerja sosial*. Seminar Kemahiran Insaniah Dan Kerja Sosial 2009 (SKIKS 09), 24 - 26 Julai 2009, Universiti Teknikal Malaysia (UTEM), Melaka
- Peristiwa 13 Mei: Pengajaran perlunya masyarakat bersatu padu. (2019, Mei 13). *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/27800/BERITA/Nasional/Peristiwa-13-Mei-Pengajaran-perlunya-masyarakat-bersatu-padu?__
- Riduan, M.N. (2020, Mei 13). 13 Mei: Belajar dari luka, getir sejarah. *Harakahdaily*. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/05/13/13-meい-belajar-dari-luka-getir-sejarah/>



Kertas 2:
PERSEPSI BELIA TERHADAP KESAN DASAR PENJAJAHAN KEPADA PERPADUAN KAUM

Chan Xin wen, Farhan Danial Muhammad Syazwan Thana, Mohammad Fakhrul Amin Yeop Zainuddin, Ong Siew Zee, Wan Ahmad Syafiq Wan Salman.

Abstrak

Kebangkitan isu ketidaksamaaan dalam hak kaum yang melibatkan dalam penglibatan bidang politik, ekonomi dan sosial lahir kesan daripada dasar penjajahan. Padahal perkara hak kaum dimaktub dalam Perlembagaan Malaysia sejak merdeka lagi. Oleh yang demikian, persoalan tentang kesan dasar penjajahan yang mendorongkan kepada isu ketidakseimbangan dalam hak kaum ditimbulkan. Objektif kajian ialah melihat pendapat belia khususnya mahasiswa UMK terhadap kesedaran berkaitan tentang isu perpaduan kaum yang bersinambungan dengan dasar penjajahan, khususnya British dan Jepun, dan kesedaran terhadap kepentingan perpaduan dalam masyarakat majmuk. Kajian ini juga bagi mengkaji pengetahuan sejarah dalam kalangan belia. Kaedah kuantitatif melalui borang soal selidik dan kualitatif yang melalui rujukan bahan ilmiah digunakan untuk menjalankan kajian ini. Hasil kajian secara amnya menunjukkan kebanyakan responden (>90%) bersetuju dengan perkaitan kesan dasar penjajahan terhadap perpaduan kaum dan ia masih dapat dilihat kini. Oleh yang demikian, usaha untuk mengukuhkan perpaduan kaum dengan memperkasakan ilmu sejarah serta kesedaran rakyat terhadap impak isu perpaduan kaum terhadap pembangunan negara dan bangsa.

Kata kunci: penjajahan, kesedaran isu perpaduan, masyarakat majmuk

Pendahuluan

Kajian ini mengetengahkan kesan dasar penjajahan pihak British dan Jepun, masing-masing yang bermula pada tahun 1824 dan 1941 di Tanah Melayu terhadap perpaduan kaum di Tanah Melayu pada zaman penjajahan dan kesannya terhadap status perpaduan di Malaysia kini. Mod penjajahan kedua-dua pihak ini memberi kesan kepada perbezaan dalam penglibatan aktiviti pembangunan negara, status dan hak kaum, serta pembentukan cara berfikir dan corak minda penduduk Tanah Melayu. Berdasarkan T G Mc Gee melalui rencananya “Population: A Preliminary Analysis” (1965), pihak British membawa masuk buruh Cina dan India, namun menggunakan taktik dasar pecah dan perintah agar perpaduan antara kaum tidak dapat dicapai. Dasar ini memberi kesan yang besar kepada corak pemikiran antara kaum, terutamanya dari segi penglibatan ekonomi dan pentadbiran. Prejudis antara kaum ditambah teruk apabila penjajahan diambil alih oleh pihak Jepun. Antara peristiwa yang penting adalah penubuhan parti komunis yang menyebabkan pembalahan kaum di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, secara dangkal, isu perpaduan kaum yang menggugat keselamatan rakyat jarang berlaku, namun hal ini tidak membawa makna bahawa rakyat Malaysia mencapai konsep satu bangsa. Hal ini demikian, masih ada lagi masalah perpaduan kaum seperti insiden yang berlaku di Kampung Medan 2001, peristiwa Low Yat 2015 dan rusuhan di Kuil Sri Mahamariamman USJ 2018. Begitu juga, insiden yang terkini, belanjawan 2021, berkenaan dengan peruntukan yang dikurangkan kepada sekolah kebangsaan jenis Tamil, begitu juga, dengan isu sindiran “kulit hitam” dalam Dewan Rakyat pada Julai tahun ini. Sedikit banyak dari perkara yang disebutkan itu, semua dapat menyedari bahawa isu perpaduan kaum masih wujud dalam kalangan rakyat.

Oleh yang demikian, latar belakang kajian ini berusaha mengetengahkan kesan dasar penjajahan terhadap perpaduan kaum dan berusaha untuk mencari titik kesinambungan antara isu perpaduan kaum pada zaman penjajahan dan masalah perpaduan kaum di Malaysia pada kini.

Permasalahan

Permasalahan utama bagi kajian tinjauan ini ialah adakah dasar penjajahan British dan Jepun membangkitkan isu perpaduan kaum di Tanah Melayu dan adakah impaknya masih dapat dikesani sehingga ke kini?

Objektif Kajian

Pada umumnya kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji tahap kesedaran serta kefahaman mahasiswa terhadap isu-isu perpaduan berdasarkan kesan penjajahan yang dahulu di Malaysia. Objektif kajian bagi kajian ini ialah:

1. Mengumpul pandangan belia (mahasiswa UMK) terhadap kesedaran berkaitan tentang isu perpaduan kaum yang bersinambungan dengan dasar penjajahan.
2. Mengukur tahap pengetahuan sejarah belia yang berkaitan kepada isu perpaduan kaum di Malaysia.
3. Mengkaji faktor sampingan atau faktor selain daripada dasar penjajahan terhadap isu perpaduan kaum.


Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan. Kajian ini dilakukan berdasarkan rujukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan persampelan, pengukuran dan analisis data. Tempat kajian yang dipilih adalah Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Responden yang dipilih dalam kajian ini adalah golongan mahasiswa UMK. Pengkaji menghantar soal selidik secara talian kepada 50 orang responden yang terdiri daripada golongan mahasiswa UMK. Kaedah ini digunakan adalah untuk memudahkan pengumpulan data, terutamanya pada waktu pandemik Covid-19 ini.

Borang soal selidik merangkumi jumlah 7 soalan, menggunakan Skala Libert ya atau tidak untuk bahagian A dan B, manakala bahagian C menggunakan metod soal jawab. Selain itu, bagi melengkapkan kajian tersebut, rujukan dari pelbagai sumber seperti buku, blog, dan laman sesawangan yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat yang berkenaan.

Analisis Dapatan

Adakah anda bersetuju bahawa dasar yang digunakan oleh pihak penjajah menyebabkan isu perpaduan kaum di Tanah Melayu?
50 responses




Carta 1: Carta pai menunjukkan peratus tahap persetujuan responden tentang kesan dasar penjajahan terhadap perpaduan kaum di Tanah Melayu.

Berdasarkan dapatan borang soal selidik, seramai 92% responden iaitu seramai 46 orang responden dari 50 orang bersetuju bahawa dasar yang digunakan oleh pihak penjajah menyebabkan isu perpaduan kaum di tanah melayu. Umumnya majoriti menerima fakta bahawa dasar yang digunakan penjajah menjadi punca



timbulnya isu hubungan kaum. Manakala, seramai 8% responden iaitu seramai 4 orang responden tidak bersetuju mengenai kenyataan tersebut.


Pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu, semua kaum dibahagikan dan diberi ruang ekonomi dalam bidang yang berbeza.
50 responses



Carta 2: Carta pai memaparkan peratus tahap persetujuan responden tentang kesan dasar pengasingan pola ekonomi terhadap perpaduan kaum di Tanah Melayu.

Berdasarkan dapatan borang soal selidik, seramai 90% responden, iaitu 45 orang responden daripada jumlah 50 orang responden bersetuju bahawa dasar pengasingan pola ekonomi memberi kesan yang negatif terhadap perpaduan kaum di Tanah Melayu seperti wujudnya stigma negatif yang merendah-rendahkan sesuatu kaum yang tidak maju dalam sektor ekonomi. Manakala, seramai 10% responden, iaitu seramai 5 orang responden daripada jumlah 50 orang responden tidak bersetuju mengenai kenyataan tersebut.

Pada zaman penjajahan British, pihak British telah memperkenalkan sistem pendidikan vernakular yang mengasingkan penduduk Tanah Melayu mengiku...ktikkan sukatan pembelajaran dari negara asal.
50 responses




Carta 3: Carta pai menunjukkan peratus tahap persetujuan responden tentang kesan dasar pendidikan vernakular terhadap perpaduan di Tanah Melayu.

Berdasar carta pai 3, seramai 88% (44 orang) responden bersetuju tentang kesan dasar pendidikan vernakular terhadap perpaduan di Tanah Melayu kerana dia akan menyebabkan tiada keserasian perpaduan dalam kalangan pelajar dan juga masyarakat di Tanah Melayu. Manakala, 12% responden (6 orang responden) tidak bersetuju dengan kesan dasar pendidikan vernakular terhadap perpaduan di Tanah Melayu.




Pendudukan Jepun di Tanah Melayu menyebabkan berlakunya ketidakstabilan dan meletus konflik perkauman antara orang Melayu dengan Cina (kewujudan parti komunis).
50 responses



Carta 4: Carta pai menggambarkan peratus tahap persetujuan responden tentang kesan penjajahan Jepun terhadap perpaduan kaum

Berdasarkan dapatan borang soal selidik, seramai 94% responden, iaitu 47 orang responden daripada jumlah 50 orang responden bersetuju bahawa dasar penjajahan Jepun memberi impak negatif terhadap perpaduan kaum di Tanah Melayu, khususnya berkaitan dengan penubuhan parti komunis yang menjelaskan perpaduan kaum, terutamanya kaum Melayu dan Cina. Manakala, terdapat juga minoriti, iaitu 6% responden (3 orang responden) yang tidak bersetuju berkenaan kenyataan tersebut.


Adakah anda bersetuju bahawa isu perpaduan kaum yang disebabkan oleh dasar penjajah kuasa asing masih dapat dilihatkan pada hari ini?
50 responses



Carta 5: Carta pai menunjukkan peratus tahap persetujuan responden tentang kewujudan isu perpaduan kaum kini di Malaysia akibat dasar penjajahan zaman sebelum Merdeka.

Berdasarkan carta pai di atas, seramai 88% responden, iaitu berjumlah 44 orang daripada 50 orang keseluruhannya bersetuju bahawa isu perpaduan kaum yang dicetuskan oleh dasar penjajah kuasa asing masih lagi dapat dilihat sehingga ke kini terutamanya berkaitan tentang sosioekonomi. Manakala terdapat sebilangan responden, 12% responden bersamaan dengan 6 responden daripada 50 responden, tidak bersetuju berkenaan dengan perkara di atas.

Pada pandangan anda, apakah faktor selain dari dasar penjajahan yang menyebabkan isu perpaduan kaum kini di Malaysia?
50 responses



Carta 6: Carta bar menggambarkan peratus responden tentang faktor selain daripada dasar penjajahan yang mendorong kepada kewujudan isu perpaduan kaum di Malaysia.

Berdasarkan carta bar dari borang soal selidik, 78% responden bersetuju bahawa faktor yang menyebabkan isu perpaduan kaum kini di Malaysia disebabkan oleh peranan ahli politik. Selain itu, 76% responden adalah disebabkan oleh sikap individu itu sendiri dan 60% responden adalah dari sistem pendidikan. Faktor yang terakhir, 13% responden adalah dari segi lain-lain faktor tentang kewujudan isu perpaduan kaum di Malaysia.

Perbincangan

Kajian ini dijalankan dalam kalangan belia iaitu mahasiswa UMK, sebanyak 50 data responden dikumpul dan dianalisisakan dalam bahagian analisis dapatan. Calon responden yang dipilih adalah para mahasiswa. Hal ini demikian, menurut Sivamurugan Pandian (2010), generasi muda hendaklah lebih memahami aspirasi negara, dan selalu bersedia untuk berkorban kepada pembangunan negara dan memberi fokus untuk mengisi era pembangunan negara pada masa akan datang. Jadual di bawah merupakan demografi responden.

Jantina	Lelaki - 23 Perempuan - 27
Keturunan	Melayu – 27 Cina - 11 India - 8 Bumiputera - 4 Lain-lain - 0
Tahun pengajaran	Tahun 1- 4 Tahun 2- 9 Tahun 3- 2 Tahun 4- 30 Tahun 5- 5

Jadual 1: Demografi responden kajian

Berdasarkan kepada analisis dapatan carta 1, majoriti responden bersetuju bahawa dasar penjajahan yang digunakan oleh pihak penjajah seperti British dan Jepun memberi impak kepada perpaduan kaum kepada penduduk di Tanah Melayu. Soalan kajian ini ditimbulkan adalah untuk mencapai salah dua daripada objektif kajian ini, iaitu mengkaji pengetahuan sejarah negara dalam kalangan mahasiswa UMK dan kesedaran para mahasiswa terhadap kesinambungan isu perpaduan kaum dengan kesan dasar penjajahan.

Pada tahun 2010, Timbalan Perdana Menteri pada masa tersebut, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan mata pelajaran Sejarah dijadikan sebagai salah satu subjek wajib lulus di peringkat SPM bermula pada tahun 2013. Beliau juga berkata bahawa para remaja kini kurang memahami sejarah negara. Oleh itu, kebanyakan antara mereka yang tidak menghargai keadaan yang ada pada waktu sekarang. Keadaan di sini merujuk kepada, selain pembangunan negara, ia juga merujuk kepada perpaduan kaum yang semakin teguh berbanding kepada masa dahulu, terutamanya sebelum Merdeka. Oleh yang demikian, bagi mengelakkan pengulangan isu perpaduan kaum yang kritikal, yang akan menggugat keamanan dan keselamatan negara serta rakyat, mata pelajaran sejarah hendaklah diperkasakan bukan sahaja peringkat sekolah menengah, malah juga peringkat mahasiswa. Walaupun konklusi bahawa kebanyakan mahasiswa UMK mempunyai kesedaran mengenai impak dasar penjajahan kepada perpaduan kaum, namun terdapat juga golongan minoriti (8%) yang menolak perkara ini. Hal ini dapat dijelaskan bahawa masih ada golongan kecil yang kurang kesedaran terhadap isu perpaduan kaum dan sejarah negara. Selain daripada menggariskan kepentingan mata pelajaran Sejarah, usaha yang lain untuk meningkatkan pengetahuan sejarah para mahasiswa, mahupun rakyat Malaysia, serta menanam perasaan perpaduan kaum adalah melalui peranan sosial seperti peranan sinematografi. Filem yang bertema sejarah Malaysia masih kurang



dihasilkan, hanya 7 buah filem yang mengisahkan sejarah negara sahaja dihasilkan setakat tahun 2015. (UTC, 2015).

Berdasarkan analisa dari carta 2 majoriti responden bersetuju bahawa dasar yang digunakan penjajah membawa kepada isu perkauman. Pihak penjajah membawa penghijrahan imigran secara beramai ramai dari China dan India. Kemasukan tersebut megubah strutul kependudukan asal tanah melayu. Dasar Pecah dan Perintah iaitu dimana kaum Melayu, Cina dan India dipisahkan dari segi sosial dan ekonomi diamalkan, pengamalan jangka panjang dasar ini menyebabkan berlakunya pengasingan penempatan, agama, pendidikan, kewujudan akhbar pelbagai bahasa serta kewujudan Persatuan pelbagai kaum yang dapat dilihat sehingga masa kini.

Berdasarkan carta pai 3, sebanyak 90% responden bersetuju tentang dasar pendidikan vernakular memberi kesan terhadap perpaduan di Tanah Melayu. Untuk menyelesaikan permasalahan kesan dasar pendidikan vernakular adalah dengan penubuhan Sekolah Wawasan di mana ia membawa perubahan dalam sistem pendidikan negara. Sekolah Wawasan bererti sekolah rendah yang berkonsepkan belajar bersama sama dalam satu kawasan yang sama tanpa mengira kaum atau agama. Setiap sekolah mempunyai bangunan sendiri yang boleh disambung antara satu sama lain dengan menggunakan jambatan penghubung (KPM, 2010a). Oleh itu, dengan usaha yang dilakukan ini perpaduan dalam kalangan pelajar.

Analisis dapatan carta 4 adalah persepsi mahasiswa mengenai kesan dasar penjajahan Jepun dalam perpaduan kaum di Tanah Melayu. Isu perpaduan kaum di Tanah Melayu berpunca daripada penubuhan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) oleh Parti Komunis Malaya (PKM) yang bertujuan untuk menentang pendudukan Jepun. MPAJA bekerjasama dengan pihak British bagi menentang pihak Jepun. Walaubagaimanapun, PKM mengambil kesempatan untuk berkuasa menerusi MPAJA di Tanah Melayu sepihak Jepun menyerah kalah dengan melancarkan beberapa siri keganasan dan rusuhan. Hal ini membuatkan orang Melayu bertindak balas terhadap kekejaman PKM sehingga tercetusnya pergaduhan antara kaum di Tanah Melayu. Perkara ini menimbulkan isu rasis pada kini, contohnya diskrimasi dalam pasaran buruh, bahawa majikan Cina tidak menerima perkerja kaum Melayu dan sebaliknya. (Othman, M. N. A., & Pengurusan, F. E. (2012).)

Carta pai 5 menunjukkan peratus tahap persetujuan responden tentang kewujudan isu perpaduan kaum kini di Malaysia akibat dasar penjajahan zaman sebelum Merdeka. Berdasarkan borang soal selidik, seramai 88% responden bersetuju bahawa isu perpaduan kaum yang dicetuskan oleh dasar penjajah kuasa asing masih lagi dapat dilihat sehingga ke kini. Hasil kajian ini mendapati mahasiswa di Universiti Malaysia Kelantan menunjukkan kesedaran terhadap isu-isu perpaduan kaum di Malaysia. Isu perpaduan di Malaysia yang masih boleh dilihat adalah perbezaan politik mengikut kaum. Kewujudan persatuan berdasarkan kaum dan etnik tertentu memperkuatkan identiti sesuatu kumpulan dan menimbulkan perasaan syak wasangka kerana setiap kumpulan hanya memperjuangkan hak dan kepentingan kumpulan tertentu sahaja. Parti-parti politik yang berdasarkan kepada suku kaum juga memainkan pelbagai isu sensitif seperti hak keistimewaan sehingga menimbulkan lagi masalah perpaduan. Politik sepatutnya menyatukan rakyat-rakyat Malaysia bukan merobohkan. Oleh itu, orang politik dan pemimpin tidak kira agama dan etnik, perlu menginsafi dan menyedari bahawa tanggungjawab memupuk kebersamaan ialah hak bersama, bukan melaga-laga serta mendorongkan perbezaan yang memecahkan. Untuk menangani isu ini, sebuah parti politik yang merangkumi semua kaum dan etnik di Malaysia perlu diwujudkan dengan misi yang memperjuangkan dan mempertahankan hak bersama sebagai orang Malaysia.

Dalam analisa dapatan carta bar 6 yang berkisar tentang faktor-faktor selain daripada dasar penjajahan terdahulu yang menyebabkan isu perpaduan kaum di Malaysia, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa majoriti responden bersetuju tentang ahli-ahli politik bertanggungjawab menyebabkan isu perpaduan pada masa kini. Soalan ini ditimbulkan bersesuaian dengan objektif kajian ini iaitu untuk mengkaji pendapat mahasiswa terhadap kesedaran berkaitan tentang isu perpaduan kaum yang bersinambungan dengan dasar penjajahan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perpaduan bermaksud penggabungan, persesuaian, kecocokan, perihal bersatu atau bergabung menjadi satu dan persatuan. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab dan patriotik adalah menjadi kewajipan semua untuk mempertahankan keharmonian dengan menahan diri daripada melakukan perkara yang dapat menimbulkan kekacauan dalam masyarakat.



Mutakhir ini, isu perpaduan turut dimanipulasikan oleh kebanyakan ahli politik pada pasca Pilihanraya Umum ke-14 terdahulu. Perkara ini memberi kesan mendalam dalam hubungan kaum yang selama ini terbina sejak kemerdekaan lagi. Modus ini ampuh dan diguna pakai oleh ahli politik sehingga menyebabkan kebencian orang Melayu terhadap kerajaan pada waktu itu. Kebencian ini berjaya menarik minat rakyat Malaysia kerana mereka dimomokkan bahawasanya harta negara dijarah oleh bukan Bumiputera, kesamarataan pendidikan dan pengecualian hak Bumiputera diura-urakan oleh ahli politik pembangkang. Padahal perkara itu tidak benar sekali. Malah isu perkauman menjadi ketara dan semakin berleluasa digunakan. Perkara ini dapat diibaratkan seperti alat pecah dan perintah ‘moden’. Menurut Annuar Musa 2018, parti UMNO tidak akan bertahan dengan menggunakan isu-isu perkauman walaupun parti tersebut amat bergantung kepada sokongan orang Melayu. Jelaslah bahawa isu perkauman ini tidak menguntungkan kepada rakyat, malah ia dapat menimbulkan kekacauan dan kebencian dalam golongan ‘marhaen’. Senjata paling ampuh untuk menangani masalah ini adalah dengan rakyat menolak sekeras-kerasnya ahli politik yang bermain isu perpaduan ini. Tugas yang paling mendesak bagi rakyat kebanyakan kini tanpa mengira etnik dan agama dan fahaman politik adalah memastikan keharmonian kaum dan agama kekal utuh dan mereka perlu memperjuangkan usaha membentuk Bangsa Malaysia yang bersatu-padu.

Rumusan

Secara konkulsinya, pendapat belia tentang kesedaran berkaitan isu perpaduan kaum yang bersinambungan dengan dasar penjajahan dikumpulkan dan dianalisisi. Dari dapatan kajian, majoriti mahasiswa UMK bersetuju bahawa antara faktor yang menyebabkan isu perpaduan kaum adalah dasar penjajahan, khususnya yang diimplimentasikan oleh British dan Jepun. Selain itu, kebanyakan antara kalangan mereka juga bersetuju dengan kesinambungan perkara tersebut dengan hubungan etnik antara kaum di Malaysia pada kini. Berdasarkan dapatan kajian, didapati jua tahap pengetahuan mahasiswa UMK berkaitan dengan sejarah negara Malaysia adalah sederhana tinggi, terutamanya tentang sejarah dan impak dasar penjajahan terhadap negara, dalam konteks kajian ini, aspek perpaduan.

Walaupun kajian ini menunjukkan kesedaran yang agak tinggi dalam kalangan mahasiswa UMK tentang perpaduan kaum, namun isu perpaduan kaum masih wujud dalam masyarakat Malaysia. Oleh itu, kajian ini juga mengumpul pendapat mahasiswa UMK tentang faktor lain yang mendorong kepada isu perpaduan di Malaysia, kebanyakannya berpendapat bahawa pengaruh ahli politik dan sikap individu juga merupakan faktor yang mendorong kepada isu perpaduan kaum selain daripada kesan dasar penjajahan.

Oleh itu, pelbagai cara dan usaha untuk mengukuhkan perpaduan kaum perlulah dijalankan. Selain daripada peranan sosial seperti sinematografi, permerkasaan mata pelajaran sejarah dan penubuhan sekolah berwawasan, ideologi dan objektif parti politik hendaklah berubah, idealism parti yang hanya memperjuangkan hak-hak kaum tertentu tidak harus diwujudkan, jika ingin membangunkan konsep satu bangsa, apatahlah maknanya membeza-bezakan kepentingan masing-masing mengikut kulit warna atau kaum? Malah, rakyat Malaysia sewajarnya berkongsi hak yang sesama rata tanpa mengikut kaum dan budaya. Penubuhan parti politik yang menperjuangkan hak rakyat tanpa mengira kaum, haruslah ditubuhkan.

Kesimpulannya, isu perpaduan kaum di Malaysia merupakan isu yang lama diwujud sejak dari zaman penjajahan kuasa asing. Walaupun isu perpaduan kaum pada masa kini kurang serius dalam konteks yang akan mengancam keamanan negara, namun, sikap rasis hendaklah dihentikan demi pembangunan negara. Dengan ini, kajian ini mencapai objektif kajian yang disenaraikan.

Rujukan

- Ahmad, R., Hassan, H., & Bahari, A. (2013). Persepsi Mahasiswa Terhadap Isu-Isu Perpaduan: Kajian ke Atas Pelajar-pelajar Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). *MALAYSIAN JOURNAL ON STUDENT ADVANCEMENT*, (16).
- Bernama (2013). Astro Awani: Syarat wajib lulus Sejarah bukan untuk membebankan pelajar. Dilayari pada 14 Disember 2020, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/syarat-wajib-lulus-sejarah-bukan-untuk-membebankan-pelajar-25123>



- Fadilah, B. (2009). Pembangunan Politik Dalam Hubungan Etnik. Dilayari pada 17 November 2020, dari http://eprints.utm.my/id/eprint/14762/1/FadilahZaini2009_PembangunanPolitikdalamHubunganEtnik.pdf
- Gill, S. S., Ramli, M. R., & Talib, A. T. (2015). Kesedaran patriotik dalam kalangan belia bandar di Semenanjung Malaysia. KRITIS: Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universitas Hasanuddin, 1(1), 111-120.
- Hadith, P. (2012). Perpaduan dan Persaudaraan: Dari Quran dan Hadith. Dilayari 25 November 2020, dari <http://www.ahmad-sanusi-husain.com/2012/09/perpaduan-dan-persaudaraan-dalil-dari.html>
- Haniffa, M. A. (2017). Konflik kaum selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu: kajian awal berdasarkan sumber lisan. *Jurnal Peradaban*, 10, 16-37.
- Haniffa, M. A., & binti Mohamad, A. N. A. Impak Penjajahan British Dan Jepun Terhadap Hubungan Melayu-Cina Di Tanah Melayu The Effects of British and Japanese Occupations Towards Chinese-Malay Relationship in Malaya.
- Hanrahan, Gene Z (1971). *The Communist Struggle in Malaya*. University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- Nur Azuki Yusuff (2007) *Pengajaran Pengalaman Konflik Hubungan Etnik di Malaysia: Sorotan Faktor Berdasarkan Penganalisaan Masyarakat*. Kursus Induksi Modul Umum Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Universiti Utara Malaysia.
- Nur Azuki Yusuff (2016) *Perpaduan etnik di Malaysia*. Kota Bharu: penerbit UMK
- Osman, S. (1979). Perkauman dan perpaduan. Akademika, 14(1).
- Othman, M. N. A., & dan Pengurusan, F. E. (2012). Diskriminasi dalam pasaran buruh: kajian kes di sektor swasta. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII*, 923.
- Perlembagaan Persekutuan Ulang Cetak. (2016). Dilayari pada 14 November 2020, dari <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/FC/PERLEMBAGAAN%20PERSEKUTUAN%20ULANG%20CETAK%202016.pdf>
- Ridauddin Daud (2020). Sinaran harian: Cara menangani isu perkauman. Dilayari pada 7 Disember 2020, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/65449/ANALISIS-SEMASA/Cara-menangani-isu-perkauman>
- Roslan.M. (2018). Isu-isu Sensitif dalam Masyarakat Majmuk. Dilayari pada 7 Disember 2020, dari http://eprints.um.edu.my/19625/1/ISU-ISU_SENSITIF_DALAM_MASYARAKAT_MAJMUK.pdf
- Sivamurugan Pandian, (2010)." Managing Diversity: From Independence To 1 Malaysia". Managing Success in Unity. Department of National Unity and Integration Prime Ministers Department. PUTRAJAYA.
- Zarif, M. M. M. (2016). Penghujahan rasional GAH: Satu Analisis. *HADIS*, 6(12), 21-3



Kertas 3:
PERBEZAAN FAHAMAN POLITIK MENGGUGAT PERPADUAN KAUM: KAJIAN PERSEPSI BELIA

Muhammad Fahmi Ramli, Hafizuddin Gos Hambali, Raghinhya A/P Mohana Dass, Azra Hafizah Kamar, Amirah Husna Abdul Halim, Nur Farahana Zamri, Nur Nerina Aerisyah Zameri

Abstrak

Kertas ini ingin melihat sejauhmana perbezaan fahaman politik mengugat perpaduan kaum di Malaysia. Kajian ini juga bertujuan mendapatkan maklum balas daripada pelbagai peringkat umur dan kaum untuk menyuarakan dan memberi pandangan mengenai isu ini. Signifikan kajian ini adalah kerana Malaysia merupakan negara yang mempunyai pelbagai agama dan etnik yang dilihat mempunyai pelbagai perspektif mengenai politik di Malaysia. Dengan kepelbagaian kaum yang terdapat di Malaysia, kajian ini dapat melihat pelbagai reaksi dan pendapat yang berbeza-beza daripada mereka mengenai politik di Malaysia. Politik di Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran raja berperlembagaan yang diketuai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pemimpin-pemimpin yang dilantik merupakan hasil undian daripada rakyat Malaysia yang bertanggungjawab untuk memilih setiap pemimpin yang mereka mahukan. Selain itu, dalam kajian ini juga, terdapat pelbagai aspek-aspek fahaman serta pemilihan pemimpin yang dipertengahkan untuk mendapatkan maklum balas daripada setiap kaum. Hal ini kerana, terdapat beberapa isu yang berbangkit yang memberi impak dan persepsi pro-negatif mengenai politik di Malaysia.

Kata kunci: Perbezaan politik, gugat perpaduan, belia

Pendahuluan

Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk hasil daripada penjajahan British suatu ketika dahulu. Kemajmukan masyarakat di Malaysia menjadikan politik negara ini bersifat unik. Perkembangan politik negara ini semenjak kemerdekaan, masih didominasikan oleh politik perkauman dan perbezaan pendapat serta tuntutan hak yang dibuat oleh berbagai-bagai kelompok etnik menjadikan keputusan sukar dibuat demi keamanan negara. Parti-parti politik yang diwujudkan berlandaskan kepentingan sesuatu kelompok etnik juga menjadi penyumbang kepada konflik yang berbangkit. Perkembangan politik Malaysia berkait rapat dengan tiga kelompok etnik terbesar iaitu kaum Melayu, Cina dan India.

Beberapa puluh tahun dahulu, Malaysia mencapai kemerdekaan hasil daripada pembentukan kerajaan yang mengamalkan dasar akomodatif untuk mengimbangi tuntutan-tuntutan kaum yang pelbagai dan sering bertentangan. Politik yang mendasarkan perkongsian kuasa dan tuntutan kesamarataan telah mencetuskan tragedi rusuhan kaum 13 Mei. Pengamalan politik demikian tidak dapat mengimbangi kemunduran, terutamanya dari sektor ekonomi. Peristiwa 13 Mei tersebut menjadi titik perubahan konsep kerajaan di bawah pimpinan Tun Abdul Razak. Hegemoni Melayu yang berteraskan kekuasaan politik ‘United Malays National Organisation’ (UMNO) perlu dipertahankan. Inilah yang ditegaskan oleh beberapa sarjana seperti Zakaria Ahmad dan Ho Khai Leong.

Hegemoni Melayu itu telah membawa kepada segregasi politik yang menguntukkan masyarakat Cina dan India berjuang dalam parti etnik mereka sendiri iaitu MIC dan MCA namun berada Bersama UMNO di dalam barisan Nasional. Perkembangan tempo politik kepartian ini mencetuskan gerakan politik untuk menegakkan hak dan kepentingan mereka. Sehingga kini, perbezaan fahaman politik oleh kelompok-kelompok etnik ini boleh mempengaruhi isu perpaduan kaum di Malaysia.



Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi masyarakat terutamanya belia Melayu, Cina Dan India terhadap isu perbezaan fahaman politik yang menjadi asbab tergugatnya semangat perpaduan antara masyarakat majmuk di Malaysia. Antara objektif khusus adalah seperti berikut:

1. Mengkaji tahap kesedaran terhadap isu perbezaan fahaman politik dan kesannya terhadap semangat perpaduan antara etnik di Malaysia.
2. Mengkaji persepsi belia daripada etnik yang berbeza terhadap isu perbezaan fahaman politik dan impaknya terhadap perpaduan rakyat.
3. Mengkaji persepsi belia terhadap pengaruh agama dan etnik dalam wujudnya perbezaan fahaman politik di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan atau “survey” bagi merekodkan persepsi dan kefahaman masyarakat berbeza etnik di Malaysia terhadap isu perbezaan fahaman politik yang menjadi punca tergugatnya semangat perpaduan antara masyarakat. Kajian ini melibatkan seramai 100 orang responden yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India yang beragama Islam, Hindu, Kristian dan Buddha. Borang soal selidik diedarkan kepada responden melalui atas talian atau “Online Google Form”.

Soalan yang dikemukakan terdiri daripada 9 soalan. Soalan-soalan yang dikemukakan antaranya termasuklah ciri-ciri yang penting dan diambil kira dalam mengundi semasa pilihan raya, persepsi masyarakat terhadap masalah perpaduan yang berpunca daripada perbezaan fahaman politik dan harapan masyarakat terhadap parti politik yang diundi.

Analisis Tinjauan

KATEGORI UMUR	BILANGAN RESPONDEN
21 - 23 TAHUN	54
24 - 26 TAHUN	17
27 TAHUN KE ATAS	29
JUMLAH	100

Jadual 1: Umur Responden

Berdasarkan dapatan kajian pada Rajah 1, responden yang berumur 21 ke 23 tahun ialah seramai 54 orang mewakili 54%. Responden yang berumur 24-26 tahun ialah seramai 17 orang yang mewakili 17% manakala responden yang berumur 27 tahun ke atas ialah seramai 29 orang yang mewakili 29%. Kajian ini menunjukkan bahawa jumlah responden yang tinggi ialah responden yang berumur 21 hingga 23 tahun diikuti dengan responden yang berumur 27 tahun ke atas dan responden yang berumur 24 hingga 26 tahun ke atas.

KATEGORI JANTINA	BILANGAN RESPONDEN
PEREMPUAN	63
LELAKI	37
JUMLAH	100

Jadual 2: Jantina Responden

Berdasarkan dapatan kajian di Jadual 2, bilangan responden perempuan ialah seramai 63 orang yang mewakili 63%. Bilangan responden lelaki ialah seramai 37 orang yang mewakili 37%. Jadual 2 menunjukkan jumlah responden perempuan yang menjawab kajian ini ialah lebih daripada jumlah bilangan lelaki.

Agama Responden	Bilangan Responden
Buddha	6
Hindu	16
Islam	73
Kristian	5
Lain-lain	0
Jumlah	100

Jadual 3: Agama responden

Berdasarkan dapatan kajian Jadual 3, bilangan responden yang beragama Islam ialah seramai 73 orang yang mewakili 73%. Bilangan responden yang beragama Hindu ialah seramai 16 orang yang mewakili 16%. Jumlah responden yang beragama Buddha ialah seramai 6 orang yang mewakili 6% dan yang beragama Kristian ialah seramai 5 orang yang mewakili 5%. Analisis survey ini menunjukkan bahawa jumlah responden yang paling tinggi ialah responden yang beragama Islam diikuti dengan responden yang beragama Hindu, Buddha dan Kristian.

Pengundi yang berdaftar	Bilangan Responden
Tidak	27
Ya	73
Jumlah	100

Jadual 4: Jumlah pengundi yang berdaftar

Berdasarkan Jadual 4, jumlah responden yang berdaftar sebagai pengundi ialah seramai 73 orang yang mewakili 73%. Seramai 27 responden ialah pengundi yang tidak berdaftar. Data kajian ini menunjukkan bahawa jumlah responden yang berdaftar untuk mengundi ialah lebih tinggi daripada jumlah responden yang tidak berdaftar. Daripada jumlah pengundi yang berdaftar, data kajian dihasilkan di Jadual 5 untuk menganalisis jumlah pengundi yang pernah mengundi dan tidak pernah mengundi.

Pengundi yang pernah mengundi daripada jumlah yang berdaftar	Bilangan	Peratus(%)
Tidak	34	47
Ya	39	53
Jumlah	73	100


Jadual 5: Jumlah pengundi yang pernah mengundi

Jadual 5 menunjukkan data kajian jumlah responden yang pernah mengundi selepas berdaftar dan jumlah responden yang tidak pernah mengundi walaupun sudah berdaftar. Berdasarkan data kajian di atas, daripada 73 orang responden yang berdaftar, hanya 39 orang yang mengundi yang mewakili 53%. Manakala, hanya 34 orang responden tidak mengundi walaupun sudah berdaftar yang mewakili 47%. Responden yang tidak mengundi kebanyakannya tidak mengundi kerana semasa pilihan raya lepas mereka tidak cukup umur dan lambat mendaftarkan diri. Terdapat juga responden yang mengatakan bahawa mereka malas untuk turut serta dalam pilihan raya.

Ciri-ciri yang penting semasa mengundi	Bilangan responden
Agama dan etnik	40
Agama dan etnik & Kecemerlangan akademik	22
Agama dan etnik, Kecemerlangan akademik, Populariti parti politik	2

Kecemerlangan akademik	26
Kecemerlangan akademik;Populariti parti politik	5
Populariti parti politik	5
Jumlah	100

Jadual 6: Ciri-ciri yang penting semasa mengundi



Rajah 1: Ciri-ciri yang penting semasa mengundi

Berdasarkan Rajah 1, responden memilih beberapa ciri-ciri yang mereka berasa penting semasa memilih pemimpin dan parti politik. Seramai 40 orang responden memilih agama dan etnik sebagai ciri-ciri yang penting. Seterusnya, seramai 26 orang memilih ciri kecemerlangan akademik manakala seramai 22 orang memilih dua ciri yang penting iaitu agama dan etnik serta kecemerlangan akademik. Seramai 5 orang memilih ciri popularity parti politik. Ciri seperti kecemerlangan akademik dan populariti parti politik ialah pilihan 5 orang responden yang lain. Seramai dua orang responden menyatakan bahawa ketiga-tiga ciri iaitu agama dan etnik, kecemerlangan akademik dan populariti parti politik ialah penting dalam pengundian.

Berdasarkan soal selidik tersebut, didapati bahawa seratus peratus responden bersetuju bahawa setiap pendapat berkaitan politik perlu dihormati meskipun ianya lahir daripada individu yang berbeza agama dan etnik. Hal ini demikian kerana, setiap individu mempunyai sisi pandangan yang berbeza berkaitan politik dan mereka berhak mengutarakan pendapat masing-masing selagi ianya tidak membangkitkan isu-isu sensitif seperti isu agama, kaum dan kepercayaan adat resam yang boleh mencetuskan selesaan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Sekiranya pendapat yang diutarakan melampaui batas dan menggugat keharmonian negara ini, ianya berhak dikritik namun kritikan tersebut hendaklah disampaikan dengan bernalu medium yang betul sebagai contoh medium undang-undang. Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi yang harmoni di mana setiap rakyatnya bebas bersuara. Oleh yang demikian, keunikan tersebut perlu dimanfaatkan dalam menambah baik situasi politik di negara ini.

Majoriti responden berpendapat sentimen perkauman dan agama dalam menilai sesuatu pendapat amatlah tidak relevan, sebaliknya, nilailah pendapat yang diutarakan tersebut berdasarkan idea yang ingin disampaikan, dan usaha yang ingin dilaksanakan dalam mencorak politik negara kearah yang lebih baik. Oleh yang demikian, setiap individu wajar diberikan peluang untuk melontarkan pendapat mereka berkaitan politik dan pandangan mereka wajar dihormati.

Melalui soal selidik ini, pelbagai pandangan diberikan oleh para responden berkaitan ekspektasi mereka terhadap ahli politik yang mereka pilih. Ada yang berharap pemimpin yang mereka pilih bijak dalam menstabilkan ekonomi negara dan ada yang menginginkan pemimpin yang dipilih dapat berkhidmat dengan seadilnya mengikut manifesto yang dijanjikan. Namun, akar umbi disebalik semua pandangan yang diberikan adalah mereka menginginkan seorang pemimpin yang berjiwa rakyat dan sentiasa berkhidmat untuk rakyat

dengan sebaiknya tanpa diskriminasi kaum dan agama. Para responden berharap pemimpin yang dipilih dapat menjalankan tugas dengan telus, amanah dan adil dalam membela nasib rakyat seterusnya mengemudi Malaysia ke arah yang lebih baik.

Seterusnya, berdasarkan persoalan tentang wujudkah masalah perpaduan yang dicetuskan oleh permainan politik dan apakah permasalahan tersebut, para responden bersetuju bahawa di negara kini sebenarnya masih wujud isu perpaduan yang timbul hasil permainan politik yang tidak matang. Sebagai contoh, wujud segelintir ahli politik yang menggunakan propaganda ketidakadilan kerajaan dalam menangani kebijakan rakyat yang berbilang etnik.

Selain itu, ada juga isu-isu sensitif yang tidak wajar dibangkitkan sebagai contoh isu agama dan adat dijadikan wadah oleh segelintir ahli politik untuk mempengaruhi minda rakyat demi kepentingan peribadi. Hal ini menimbulkan persengkataan yang kurang menyenangkan terutamanya di wacana maya seperti media sosial. Majoriti, golongan yang terpengaruh dengan hasutan tidak berasas ini adalah anak-anak muda yang kurang pengalaman dalam hal politik.

Para responden mengakui bahawa permasalahan ini bukanlah suatu isu yang dominan dalam perpaduan masyarakat kini namun sekiranya ia tidak diambil serius dan terus diabaikan, para responden bimbang masalah ini bakal berlarutan dan mungkin mengganggu gugat keharmonian negara pada masa hadapan. Oleh yang demikian, para responden berharap agar setiap ahli politik di negara ini berpolitik dengan lebih matang, memperjuangkan isu-isu kebijakan rakyat demi kemaslahatan semua kaum berbanding memperbesar masalah perkauman yang sama sekali tidak pernah wujud pada akarnya.

Analisis berkaitan tahap kepuasan responden terhadap keadaan politik di negara kini menunjukkan majoriti responden kurang berpuas hati dengan senario politik kini. Mereka menyatakan bahawa perasaan kurang senang ini timbul semelihat gelagat segelintir ahli-ahli politik kini bercanggah pendapat dan bertikam lidah menginginkan kuasa pemerintahan tertinggi tanpa memikirkan kebijakan rakyat terutamanya dalam situasi sukar sedilanda pandemik Covid-19 belakangan ini.

Selain itu, keadaan situasi perbincangan di dewan parlimen misalnya jelas menunjukkan kurangnya sikap tolak ansur dan diskusi bernes antara pihak kerajaan dan pembangkang dalam menyelesaikan permasalahan rakyat dan negara. Sebagai rakyat yang hanya mampu menonton perbalahan yang tercetus di dewan parlimen disebalik kaca televisyen, majoriti responden menyatakan bahawa mereka kecewa dengan situasi politik kini. Masih banyak kekurangan yang perlu dibaiki dan mereka amat berharap agar setiap pemimpin yang dipilih lebih bersifat patriotik dan berkhidmat dengan sebaik mungkin dalam memperjuangkan nasib rakyat, bukannya menjalankan tugas untuk kepentingan peribadi semata-mata.

Perpaduan yang ada pada kini mungkin pada zahirnya terlihat kukuh, namun dengan adanya suara-suara sumbang yang masih melaga-lagakan kaum di sebalik keharmonian yang dimiliki kini, bimbang bakal membuatkan kesepadan ini retak dan akhirnya pecah pada masa hadapan. Oleh yang demikian, segala punca yang boleh memangkinkan permasalahan ini menjadi lebih besar misalnya masalah politik kepartian yang dinyatakan di atas hendaklah dibendung sebaiknya.

Perbincangan

Melihat kepada hasil dapatan kajian, hubungan di antara topik utama iaitu “Politik memecah belahan perpaduan” dapat dibuat dengan mengambil kira dari segi faktor umur, jantina, agama. Kajian ini mengupas setiap satu faktor yang boleh dikata merupakan antara unsur penting dapat menentukan hala tuju politik di negara ini.

Perkara pertama yang dibincangkan adalah dari segi faktor umur. Daripada tinjauan kajian yang dilakukan, umur responden yang tertinggi dalam menjawab soalan-soalan kajian berkaitan isu politik adalah di dalam lingkungan 21 hingga ke 23 tahun. Manakala yang kedua tertinggi adalah di dalam lingkungan 27 tahun ke atas dan untuk responden yang berumur di dalam lingkungan 24-26 tahun hanyalah sebanyak 17 orang sahaja. Dari sini, dapat nyatakan mengapa responden dari lingkungan umur 21 hingga 23 tahun adalah yang paling ramai, ini kerana sewaktu di dalam fasa umur inilah anak-anak muda mula diperkenalkan dengan alam politik dan juga mula dipengaruhi pemikirannya oleh sesetengah parti politik sama ada di peringkat institusi mahupun peringkat yang lebih tinggi seperti Kerajaan. Di dalam fasa umur ini jugalah seharusnya ibu



bapa yang merupakan orang yang dianggap lebih berpengalaman seharusnya menceritakan hal sebenar mengenai isu-isu yang ada di Malaysia agar mereka lebih peka dalam membuat pilihan.

Seterusnya perbincangan dari segi faktor jantina dan kaum. Berdasarkan jadual yang ditunjukkan, lelaki lebih mendominasi tentang isu politik, ini kerana sudah menjadi satu normalisasi bahawa lelaki itu bersifat kepemimpinan, namun pada zaman sekarang wanita juga layak memegang jawatan tinggi di dalam bidang politik dan kerajaan, perkara ini dibuktikan oleh Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri yang pertama di Malaysia pada tempoh pemerintahan yang lalu. Kini wanita juga mampu berjuang bersama dalam menyuarakan pendapat mereka. Dari segi faktor agama pula, masyarakat dapat melihat bahawa responden yang beragama Islam merupakan responden terbanyak yang menjawab soalan-soalan didalam kajian yang dilakukan. Secara konklusinya, kaum melayu mengambil serius apabila membicarakan isu politik, malahan sudah terang lagi bersuluh kebanyakan parti-parti politik pada zaman sekarang ditubuhkan oleh kaum Melayu itu sendiri yang mempunyai pandangan pendapat dan ideologi yang berbeza. Dek kerana perbezaan itu nilai persaudaraan diketepikan. Di sini dapat dikatakan bahawa interaksi di dalam sesetengah kaum itu sendiri juga memainkan peranan penting untuk mengelakkan perpecahan kaum. Untuk responden yang beragama Hindu, Buddha dan Kristian yang menjawab soalan kajian pengkaji berkemungkinan mereka adalah individu-individu yang berfikir secara menyeluruh dan merasakan politik memainkan peranan penting didalam menyuarakan pendapat mereka yang dikategorikan sebagai kaum minoriti.

Selain itu, kajian ini juga mengambil kira faktor yang melibatkan jumlah pengundi yang berdaftar dan jumlah pengundi berdaftar yang pernah mengundi, ini kerana setiap undian adalah dikira dan merupakan satu langkah kecil dalam meletakkan hala tuju masa depan negara. Mungkin sesetengah individu mengambil remeh akan perkara ini tapi tanpa mereka sedari masyarakat itu sendiri diberi peluang untuk memilih calon pemimpin dan mengubah takdir negara itu.

Untuk faktor yang terakhir dan merupakan faktor paling utama apabila membicarakan isu yang berhubungkait diantara kaum, agama dan politik ianya adalah ciri-ciri yang dilihat sewaktu proses pengundian calon pemimpin. Di sini pengkaji ingin membincangkan apakah ciri-ciri yang diukur untuk menjadi seorang pemimpin, dan pengkaji juga menyenaraikan beberapa ciri yang dianggap penting semasa proses pengundian. Hasilnya kebanyakan responden memilih ciri agama dan etnik seseorang calon pemimpin itu adalah yang paling utama sewaktu pemilihan calon dan diikuti pula oleh kecemerlangan akademik calon tersebut. Boleh dikatakan disini bukanlah niat pengkaji untuk cuba mambangkitkan isu perkauman apabila menekankan mengenai agama dan etnik calon pemimpin tersebut tetapi ini disebabkan apabila meneliti semula mengapa pemimpin dipilih berdasarkan agama dan etnik adalah kerana peraturan yang digubal dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri yang menyatakan Perkara 3(1) memperuntukkan agama Islam sebagai agama persekutuan tetapi agama-agama lain masih tetap boleh diamalkan dengan aman dan damai dimana-mana bahagian persekutuan. Jadi konklusinya, tujuan sebenar parti politik itu sendiri adalah untuk memperjuangkan dan menyuarakan hak dan suara rakyat yang berbeza kaum dan agama dan bukanlah dijadikan sebagai satu landasan untuk memuaskan kehendak sendiri sehingga melanggar segala peraturan yang ditetapkan. Perbezaan etnik bukanlah satu halangan untuk mencipta perpaduan di Malaysia tetapi halangan sebenar adalah pemikiran dan nilai yang diamalkan oleh seseorang individu itu sendiri, adakah kearah kebaikan atau keburukan.

Rumusan

Berdasarkan kajian dan responden yang dibuat, apa yang dapat dirumuskan bahawa kebanyakan masyarakat Malaysia bersetuju bahawa politik memainkan peranan yang penting dalam kehidupan bermasyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Untuk menyampaikan sesebuah pendapat terutamanya berkaitan dengan sesebuah kaum, ia hendaklah disampaikan dengan menggunakan medium yang tepat bagi mengelakkan sebarang salah-faham yang boleh mambangkitkan sentimen yang menggugat keselamatan negara. Malahan juga, ahli politik hendaklah memainkan peranan yang penting dalam memajukan masyarakat tanpa berpihak pada satu-satu pihak yang berkepentingan buat mereka sahaja. Melalui kajian ini, dapatlan dirumuskan bahawa, ahli politik yang dapat menjalan tugas dengan amanah dan adil, akan dapat memacu masyarakat



dan negara Malaysia kearah yang lebih baik dimasa hadapan. Selain itu, kajian ini juga bersetuju bahawa masih wujud masalah perkauman dalam kelangan rakyat Malaysia melalui propaganda ahli politik bagi mengaut kepentingan masing-masing. Melalui permasalahan ini, wujudnya ketidak puasan hati dikalangan masyarakat apabila ahli politik hanya mementingkan diri masing-masing sahaja. Ahli politik seharusnya memainkan peranan yang lenih proaktif bagi memelihara dan menanamkan semangat perpaduan diantara masyarakat. Akhir kata, politik seharusnya digunakan dengan cara yang baik sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat Malaysia dan ahli politik hendaklah memainkan peranan yang penting bagi memelihara perpaduan yang dicapai oleh negara ini sejak kemerdekaan lagi.

Rujukan

- Ketepi sentimen etnik, jalin kesepakatan masyarakat majmuk. (2020, September 19). Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/09/732943/ketepi-sentimen-etnik-jalin-kesepakatan-masyarakat-majmuk>
- Bayan linnas Siri Ke-209: Politik dalam Islam. (2019, 8). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
<https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3630-bayan-linnas-siri-ke-209-politik-dalam-islam>
- Islam Dan politik. (2020, January 31). HarakahDaily. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/01/31/islam-dan-politik/>
- Nur Azuki Yusuff (2016), Modul Hubungan Etnik, Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan
- Nur Azuki Yusuff, Nik Yusri Musa, Wan Sopian Sori (2012) *Faktor utama konflik etnik dan kemampuan gagasan 1Malaysia menurut perspektif mahasiswa*. Regional Conference on Values and Humanities (RECOVH) 2012: Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Azuki Yusuff , (2007) *Pengajaran Pengalaman Konflik Hubungan Etnik di Malaysia: Sorotan Faktor Berdasarkan Penganalisan Masyarakat*. Kursus Induksi Modul Umum Kumpulan Pengurusan dan Profesional: Universiti Utara Malaysia.
- Nur Azuki Yusuff , (2009) *Pembangunan 1Malaysia : isu persaudaraan masyarakat islam dan bukan islam melalui aktiviti kerja sosial*. In: Seminar Kemahiran Insaniah Dan Kerja Sosial 2009 (SKIKS 09): Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- Pembentukan masyarakat majmuk Di Malaysia. (2009, September 3). Mendaulatkan Martabat Bangsa. Politik Belia Dan Pilihan Raya Umum Ke-14 Di Malaysia. (n.d.). UKM e-Journal System.
<https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/viewFile/41589/10813>



Kertas 4:
**ISU PEMECAHBELAH PERPADUAN KAUM BERDASARKAN PROVOKASI AHLI POLITIK MENURUT
PERSPEKTIF BELIA**

*Hang Yong Yi, Nurin Che Ami, Nur Faqihah Mohd 'Asri, Nik Nur Aidawatie Nik Mat, Hari Haraprien K. Kesavan,
Pritam Tamil Selvan*

Abstrak

Kertas ini bertujuan mengemukakan hasil kajian mengenai isu ahli politik yang cenderung mencetuskan provokasi antara kaum dengan mengemukakan beberapa soalan seperti isu perkauman dan agama yang menjadi salah satu taktik bagi memancing undi. Seterusnya adakah rakyat percaya mengenai isu-isu sensitif yang digunakan oleh ahli politik. Ketiga, adakah dengan mendengar perkara buruk mengenai etnik dapat mengubah persepsi baik terhadap etnik tersebut. Seterusnya, adakah parti-parti politik di Malaysia dapat membantu untuk mengekalkan perpaduan kaum. Pengumpulan data melalui Google form digunakan. Responden adalah daripada golongan belia pelbagai latar belakang. Sebanyak 40 responden mengisi lengkap borang kaji selidik. Dapatkan kajian menunjukkan kecenderungan responden berpendapat bahawa suasana politik negara sering tercetus provokasi antara kaum sebagai taktik untuk menjatuhkan antara satu sama lain. Hasil kajian menyatakan belia bersetuju bahawa sifat perkauman masih wujud dalam kalangan ahli politik demi mengukuhkan kedudukan, pangkat dan kuasa. Maka diharapkan masyarakat majmuk tidak mudah melatah dan menerima bulat-bulat apa yang diperkatakan oleh ahli politik yang boleh mencetuskan huru-hara dan perpecahan kaum.

Kata kunci: politik kepartian, provokasi, perpecahan

Pendahuluan

Perpaduan antara berbilang kaum menjadi tonggak kepada keharmonian sesebuah negara. Umum mengetahui bahawa negara Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik seperti Cina, Melayu India dan sebagainya. Oleh yang demikian, perpaduan antara kaum ini haruslah dipupuk dan dibajai agar ia tidak bergelora sehingga mencetus permusuhan dan membentuk jurang pemisah yang akhirnya akan memusnahkan negara bangsa. Bagi memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia maka ia perlulah bermula daripada akar umbi dan antara golongan yang paling berpengaruh dalam membentuk perpaduan yang jitu adalah golongan atasan iaitu golongan politik yang memegang tumpuk kepimpinan negara. Satu tinjauan awal dilakukan bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai fungsi politik sebagai pencetus perpaduan atau pencetus berpecah belahan.

Latar Belakang Permasalahan

Negara menghadapi pelbagai dugaan pada masa awal kemerdekaan begitu juga sehingga ke kini terutamanya yang melibatkan perpaduan antara kaum. Perbezaan pendapat politik sememangnya wajar namun menjadikan perbezaan itu dengan mencetuskan provokasi antara kaum merupakan suatu yang salah. Perhubungan antara kaum umpama api di dalam sekam dan sedikit pergeseran mampu mencetuskan pertelingkahan besar. Apabila suatu kaum menyinggung kaum yang lain, maka tercetuslah satu pertelingkahan yang besar seperti peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa 13 Mei merupakan peristiwa yang melibatkan pergaduhan antara kumpulan etnik selepas pilihanraya pada bulan Mei 1969. Konflik antara kaum itu berlaku khususnya antara kaum melayu dan cina yang tertumpu di bandar Kuala Lumpur. Kepincangan hubungan antara kaum tersebut yang kuat akhirnya membawa kepada konflik terbuka dan peristiwa itu wajar dilihat dalam konteks yang lebih luas dan tidak hanya tertumpu kepada tarikh itu sahaja. Jika diimbaskan kembali peristiwa tersebut pada tahun 1969, rusuhan kaum yang berlaku merupakan kemuncak

masalah perpaduan di Malaysia sehingga tragedi ini mengakibatkan kehilangan nyawa serta harta benda dan mempunyai kaitan rapat dengan politik negara.

Sifat tamak dan perebutan kuasa dan kedudukan segelintir ahli politik yang menggunakan pelbagai isu sensitif yang melibatkan kaum serta agama sehingga mencetuskan perbalahan dan tidak senang duduk dalam kalangan masyarakat majmuk masih wujud jika dilihat kepada dapatan dari kaji selidik ini. Taktik tidak sihat ini merupakan agenda yang terang-terangan bagi menjatuhkan maruah etnik serta agama yang terdapat di negara ini. Kerakusan kuasa dan harta benda lantaran tamak haloba untuk mengaut kekayaan dan mengikis hasil negara serta pancing undi seolah-olah makanan ruji bagi sesetengah ahli politik. Gelagat dan tingkah laku ahli politik ini tidak disenangi oleh golongan belia dan perlunya ada perubahan dalam tutur kata dan tingkah laku para ahli politik.

Ahli politik seharusnya menunjukkan contoh yang baik dan berusaha sehabis mungkin bagi penyatuan negara bangsa dan memajukan serta memulihkan ekonomi negara. Namun sikap tidak berhemah dan profesional menyebabkan berlakunya huru-hara dalam kalangan masyarakat terutamanya menjelang pilihan raya umum atau pilihan raya kecil. Golongan sebegini saling menuding jari antara satu sama lain bagi membangkitkan hal-hal yang mencetuskan perbalahan dan kucar-kacir yang melibatsama para pengundi. Antara isu yang sering menjadi topik hangat dalam kalangan ahli politik ini ialah isu penggunaan tulisan Jawi, isu pembinaan masjid dan kuil, isu bendera terbalik dan sebagainya.

Rakyat menjadi tempias di sebalik sikap ahli politik yang tidak bertanggungjawab untuk memenangi kerusi undi. Menggembir-gemburkan sesuatu kepada rakyat dan juga menghasut bagi membenci sesetengah ahli politik. Meskipun begitu masih ada dalam kalangan rakyat Malaysia yang bijak dalam menilai setiap khabar angin dan juga berita yang diterima tanpa menerima secara bulat-bulat dan masih mengekalkan ukhuwah antara kaum. Hal ini kerana mereka mengerti bahawa arena politik bukanlah arena yang boleh dipercayai kerana golongan politik lebih mementingkan diri berbanding rakyat. Pengkaji percaya ramai ahli politik yang berjuang dengan ikhlas untuk agama, bangsa dan negara walaupun sebahagian kecilnya adalah sebaliknya. Jadi dalam kajian ini, kumpulan pengkaji berusaha mengupas mengenai kepincangan arena politik dan isu penyalahgunaan kuasa sehingga mencetus provokasi antara kaum demi kepentingan peribadi.

Objektif Kajian

Objektif yang ingin pengkaji capai adalah:

1. Mengetahui pendapat masyarakat berkaitan kenyataan “Politik pemecahbelah perpaduan kaum” oleh ahli politik secara analisis.
2. Mengenalpasti tahap kefahaman dan minat masyarakat terhadap politik Malaysia.
3. Mengenalpasti kepentingan perpaduan kaum di Malaysia.

Kajian ini turut dapat mengenalpasti tahap kefahaman dan minat masyarakat Malaysia sekarang terhadap politik Malaysia. Kajian ini dijalankan supaya rakyat Malaysia sedar betapa pentingnya perpaduan kaum di Malaysia. Hal ini demikian kerana, tanpa perpaduan kaum di Malaysia, keadaan sosial, politik dan seterusnya, ekonomi Malaysia mesti akan merosot.

Walau bagaimanapun, dalam kajian tersebut, isu-isu politik yang pernah dibangkit di Malaysia dan turut dijadi sebagai faktor utama pemecahbelah perpaduan kaum di Malaysia dikumpul. Maklumat-maklumat tersebut yang dikumpul pula membuktikan bahawa betapa penting dan ketara peranan politik dalam isu pemecahbelah perpaduan kaum di Malaysia. Sebagai contohnya, Pilihan Raya Umum 10 Mei 1969 turut menyumbang pemecahbelah perpaduan kaum Malaysia pada tahun 1969. Tragedi itu turut menyebabkan kemerosotan Malaysia dari segi sosial.

Metodologi

Bagi mendapatkan maklumat, pengkaji menggunakan pendekatan daripada kedua-dua bentuk kajian iaitu kualitatif dan kuantitatif. Warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) disasar untuk menjadi responden.



Kaedah pengumpulan data yang pengkaji menggunakan adalah kajian laman sesawang dan soalselidik dalam talian.

Kajian menggunakan “Google Form” sebagai alternatif untuk melakukan kajian dalam bentuk kualitatif dan kuantitatif. Google Form merupakan satu alternatif yang disediakan oleh syarikat *Google, Inc* untuk memudahkan pengguna Google dalam melakukan penyelidikan melalui cara soal selidik. Daripada segi pendekatan bentuk kajian kuantitatif, pengkaji menggunakan kaedah persampelan. Kaedah persampelan merupakan satu subset populasi dan sampel berupaya mewakili keseluruhan populasi. Sampel atau responden-responen yang terpilih dalam soalselidik haruslah mengikut beberapa kriteria dan juga berkaitan dengan isu sama ada secaralangsung atau tidak langsung. Pengkaji mengambil sampel daripada kalangan siswa dan pensyarah UMK. “Google Form” yang dihasilkan mempunyai dua bahagian. Bahagian pertama merupakan bahagian pengumpulan data peribadi responden-responen. Bahagian pertama merangkumi umur responen, jantina responden, etnik responden dan golongan responden. Umur responden yang pengkaji diambil kira adalah masyarakat yang lebih daripada 15 tahun dan ke atas. Seterusnya, jantina responden merupakan lelaki, perempuan dan lain-lain. Selain itu, bagi maklumat etnik, pengkaji menyelitkan semua etnik yang terdapat di Malaysia dalam pilihan untuk mendapatkan respon daripada semua masyarakat yang berada di Malaysia. Soalan terakhir bagi bahagian pertama adalah mengenai golongan responden. Golongan responden sasaran pengkaji merupakan pelajar, ibu bapa dan pensyarah.

Seterusnya, Bahagian Kedua merangkumi soalan-soalan penting untuk mendapatkan maklumat responden tentang kajian “Politik Pemecah Belah Kaum di Malaysia”. Sebanyak 10 soalan yang mudah difahami oleh para responden disediakan. Soalan-soalan tersebut dipetik dan dihasilkan dengan menggunakan pengetahuan ahli kumpulan dan juga bantuan dari laman sesawang “Google”. Suatu contoh borang kaji selidik diselitkan dalam lampiran untuk rujukan pembaca kajian pengkaji ini.

Pada masa pandemik ini, para pengkaji menggunakan kemudahan teknologi media massa untuk mengedarkan borang ini kepada responden. Selepas borang kaji selidik dihasilkan, pengkaji mengedarkan borang tersebut dalam “Whatsapp Groups”. Selain itu, pengkaji juga membuat rujukan dengan membaca dan merujuk kepada sumber-sumber utama seperti artikel, jurnal, buku dan sebagainya.

Analisis Dapatan

Hasil kajian mendapati sebanyak 40 orang responden yang terdiri daripada belia etnik Melayu (48.1%), Cina (37%), India (7.4%) dan lain-lain (7.4%). Dalam kalangan responden tersebut, hampir 90% responden adalah terdiri daripada golongan pelajar yang berumur lingkaran 21 hingga 29 tahun. Justeru, dalam kalangan responden juga terdiri daripada beberapa orang golongan ibu bapa dan pensyarah.

Bagi soalan pertama iaitu mengenai kesedaran rakyat akan isu yang berbangkit berkaitan dengan perkauman dan agama yang menjadi salah satu taktik ahli politik memcancing undi, seramai 32 daripada 40 responden setuju bahawa isu tersebut datang dari ahli politik itu sendiri bagi meraih sokongan. Seterusnya, seramai 63% responden mengatakan bahawa, sebagai rakyat, mereka tidak percaya dengan isu-isu sensitif yang sering digunakan oleh ahli politik ketika di persidangan dewan rakyat. Selain itu, seramai 28% responden mengatakan bahawa sekiranya mereka mendengar perkara buruk mengenai etnik lain, persepsi baik mereka terhadap etnik tersebut pasti berubah.

Di samping itu, kesemua responden setuju bahawa sifat perkauman masih lagi wujud dalam sesuatu organisasi politik. Tambahan pula, hanya 49% responden yang setuju bahawa parti-parti politik di Malaysia dapat membantu untuk mengekalkan perpaduan kaum. Justeru, seramai 60% responden mengatakan bahawa mereka tidak akan menyokong isu perpaduan kaum yang diperkatakan oleh ahli politik walaupun ia demi kepentingan sendiri. Malah, masih ramai lagi dalam kalangan responden (85%), mengatakan bahawa perbezaan haluan dan pendapat politik sangatlah dipengaruhi oleh kaum, agama dan etnik rakyat Malaysia. Akhir Sekali, kesemua responden masih lagi setuju bahawa parti-parti politik di Malaysia harus bekerjasama demi perpaduan kaum. Kesemua data yang diperoleh dapat dilihat melalui rajah-rajab dibawah.




SURVEY TENTANG POLITIK PEMECAH BELAH KAUM DI MALAYSIA

40 Responses

[Publish analytics](#)

Umur Anda


40 Responses



- 15-20 tahun
- 21-29 tahun
- 30-39 tahun
- 40 tahun dan keatas

Jantina Anda


40 Responses



- Lelaki
- Perempuan
- Lain-lain

3. Adakah dengan mendengar perkara buruk mengenai bangsa lain dapat mengubah persepsi baik anda terhadap bangsa tersebut?

40 Responses




- YA
- TIDAK

4. Adakah anda bersetuju bahawa sifat perkauman masih wujud dalam sesuatu organisasi politik dalam sektor kedudukan, pangkat dan kuasa?

40 Responses




- YA
- TIDAK



7. Adakah anda sebagai rakyat menyokong tentang isu perpaduan kaum yang diperkatakan oleh ahli politik walaupun ia demikian kepentingan sendiri?


42 Respon



- YA
- TIDAK

8. Pernahkah anda mempunyai pendapat yang mungkin akan membangkitkan isu perpaduan kaum?


42 Respon



- YA
- TIDAK

Bangsa Anda

42 Respon



- Malay
- Indian
- Chinese
- Latin


Oelingan Anda

42 Respon



9. Pada pendapat anda, adakah parti-parti politik di Malaysia dapat membantu untuk mengelakkan perpaduan kaum?


42 Respon



- YA
- TIDAK

10. Adakah sistem kuota merupakan suatu faktor yang menyumbangkan kepada politik pemecah-belah kaum?

42 Respon



- YA
- TIDAK

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) · [Terms of Service](#) · [Privacy Policy](#)

Google Forms





Perbincangan

Berdasarkan data daripada soal selidik, golongan pelajar merupakan golongan yang aktif untuk respons dan mengambil berat tentang isu ini. Daripada data tersebut, terdapat segelintir rakyat yang mengaku bahawa ahli politik menggunakan isu-isu sensitif di setiap dewan rakyat diadakan. Ini memberikan kesan yang buruk terhadap rakyat yang hidup dalam harmoni dan aman. Hal ini disebabkan oleh parti-parti politik yang menggunakan isu-isu sensitif supaya mereka dapat memenangi PRU dengan memancing undi. Namun terdapat golongan yang besar yang tidak setuju dengan persoalan ini. Keadaan ini agak membimbangkan kerana semua sepatutnya mengekalkan hubungan yang baik serta menjaga keharmonian dan perpaduan dalam semua keadaan termasuk aspek politik, lebih-lebih lagi menjelang PRU. Konflik politik ini sudah tentu memberi cabaran besar terhadap usaha pembentukan negara bangsa. Di samping itu, terdapat golongan yang setuju bahawa sifat perkauman masih wujud dalam sesuatu organisasi politik dalam sektor kedudukan, pangkat dan kuasa. Dengan ini, perpaduan nasional dilihat masih lagi jauh untuk dicapai dan menjadi permasalahan utama di Malaysia. Namun demikian, jika rakyat mendengar perkara buruk tentang etnik lain, ia tidak akan mengubah persepsi baik terhadap etnik tersebut. Ini yang dapat kaji daripada soal selidik tersebut. Selain itu, parti politik di Malaysia harus bekerjasama demi perpaduan kaum dan ini dapat mencapai Hasrat kerajaan untuk menyatukan semua etnik di bawah satu payung yang dikenali sebagai Bangsa Malaysia.

Selain itu, parti-parti politik di Malaysia boleh membantu dalam mengekalkan perpaduan kaum jika mereka saling menghormati etnik-etnik lain dan tidak menyentuh isu-isu sensitif. Parti-parti politik harus berkerjasama dalam mengekalkan perpaduan kaum dalam masyarakat. Mereka sebenarnya mewakili semangat muhibah dan perpaduan di antara setiap kaum, selain memperlihatkan bagaimana masyarakat yang matang harus berhadapan dengan pilihan raya. Malahan, terdapat segelintir rakyat yang mengatakan bahawa perbezaan haluan dan pendapat politik dipengaruhi oleh kaum dan agama rakyat Malaysia dan ini harus berubah untuk mengelakkan pemecah-belah bangsa. Sistem kuota juga boleh menjadi faktor yang menyumbang kepada pemecah-belah kaum sekiranya tidak dilayan dengan baik. Kesimpulannya, Ahli-ahli politik tidak seharusnya menggunakan isu-isu sensitif terhadap etnik lain bagi kepentingan diri sendiri untuk memenangi pilihan raya. Oleh demikian, mereka harus menggunakan peluang ini untuk memupuk perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat yang hidup dalam berbilang kaum.

Rumusan

Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan agama dan faktor-faktor ini juga mendorong kepada kewujudan pelbagai parti politik yang mengikut etnik dan agama. Berpandukan tajuk tugas “politik pemecah belah perpaduan kaum” yang dapat dirumuskan adalah perpaduan kaum adalah penting dalam sesebuah organisasi terutamanya di negara yang rakyatnya berbilang kaum seperti Malaysia. Demi mewujudkan suasana yang sentiasa harmoni dan seimbang, perpaduan kaum adalah kuncinya.

Pada masa kini pelbagai isu politik sedang hangat berlegar dalam dewan rakyat. Hal ini kerana, politik di Malaysia yang sering melakukan propaganda tentang perpaduan kaum terutamanya pada pilihan rakyat dan mendorong kepada kewujudkan sifat diskriminasi antara kaum. Antara contoh yang boleh diambil dalam konflik politik perpaduan kaum ialah peristiwa bulan Mei pada tahun 1969 yang berlaku dimana kejadian itu berlakunya pertumpahan darah disebabkan oleh politik yang memecah belahan antara kaum. Contoh yang boleh diambil berkaitan dengan politik permecahbelah perpaduan kaum seperti isu tulisan jawi dan tanglung. Maka dengan itu, isu perkauman di semakin menebal dan kerajaan haruslah mengambil langkah yang efektif bagi merawat isu ini demi keharmonian negara.

Selain daripada itu, pelbagai parti politik di Malaysia yang wujud adalah bergantung kepada etnik dan agama serta ideologi. Parti ini masing-masing diketuai mengikut etnik, agama dan ideologi dan lebih rasional jika parti-parti seperti ini bekerjasama bagi mengharmonikan negara dalam menyatupadukan perpaduan kaum.

Seterusnya, bagi mewujudkan perpaduan kaum, peranan setiap ahli politik adalah dengan menghormati perbezaan di setiap parti-parti politik dan juga menghormati sesama sendiri. Setiap parti politik haruslah menekankan perbezaan seperti agama dan mengelak daripada menyebarkan fitnah atau anasir-anasir yang boleh mendorong kepada pemecah belah antara kaum untuk kepentingan sendiri. Kerajaan juga haruslah memain peranan dan menangani isu perkauman yang sering timbul di negara ini dan mengambil tegas dalam hal ini.

Akhir kata, parti-parti politik haruslah bekerjasama antara satu sama lain bagi menstabilkan perpaduan antara kaum di Malaysia dimana rakyatnya adalah berbilang kaum dan agama. Penyalahgunaan kuasa dan penyebaran fitnah diantara kaum haruslah dihentikan terutamanya pada musim pilihan raya bagi kepentingan sendiri yang boleh menimbulkan perasaan benci antara kaum yang boleh memusnahkan negara sekilip mata.

Rujukan

- <https://www.coursehero.com/file/p30slh2/MPU3113-HUBUNGAN-ETNIK-4-20-Objektif-Kajian-Melalui-kajian-ini-beberapa/>
- https://ms.wikipedia.org/wiki/Peristiwa_13_Mei#Isu_perkauman_dalam_pilihan_raya_1969
- Google Form “Politik Pemecah Belah Kaum”
- <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/05/419265/usah-biar-politik-jejas-hubungan-kaum>
- <https://www.sinarharian.com.my/article/65372/BERITA/Nasional/Perpaduan-kaum-negara-ini-perlu-dirawat>
- Nur Azuki Yusuff (2016), Modul Hubungan Etnik, Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan
- Nur Azuki Yusuff , (2007) *Pengajaran Pengalaman Konflik Hubungan Etnik di Malaysia: Sorotan Faktor Berdasarkan Penganalisisan Masyarakat*. Kursus Induksi Modul Umum Kumpulan Pengurusan dan Profesional: Universiti Utara Malaysia.



Kertas 5:
PERBEZAAN AMALAN EKONOMI MENGIKUT KAUM MENJADI RACUN PERPADUAN

P'ng Jia Qian, Muhammad Haziq Ismail, Nurul Syifa Shaid, Nurainun Sofea Najwa Hairun, Ilya Anaty Faiqah Ismail, Rishikesan A/L Vivekananth, Nurdiana Ab Halim

Abstrak

Umumnya masyarakat di Malaysia mengakui bahawa konflik ekonomi merupakan salah satu faktor yang menimbulkan perasaan tidak puas hati dan saling mencurigai antara kaum (Ibrahim Ahmad, 2019). Sehubungan dengan itu, satu kajian dijalankan untuk membincangkan tentang perbezaan amalan ekonomi mengikut kaum yang berakar umbi dari Dasar Pecah dan Perintah semasa penjajahan British yang dikatakan mampu menjelaskan perpaduan di Malaysia. Soal selidik secara atas talian ini melibatkan responden seramai 27 orang belia di UMK yang terdiri daripada 3 kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Kajian ini dijalankan untuk memerhati dan menganalisis pandangan dari mahasiswa universiti berkaitan topik ini. Berdasarkan hasil kajian, majoriti responden bersetuju bahawa perbezaan amalan ekonomi dapat menjelaskan perpaduan kaum di Malaysia. Ia perlu dilihat semula dari sisi yang mengharmonikan.

Kata kunci: Perbezaan ekonomi, kaum, Dasar Pecah dan Perintah

Latar Belakang Permasalahan

Perbezaan amalan ekonomi antara kaum wujud sejak zaman penjajahan British lagi. Dasar-dasar yang ditetapkan oleh British membahagikan kegiatan ekonomi kaum-kaum di Tanah Melayu pada ketika itu. Dasar Ekonomi British diwujudkan apabila British membawa masuk buruh asing dari negara China dan India ke Tanah Melayu supaya memaksimumkan keuntungan kewangan dalam sektor ekonomi komersial. Dalam Dasar Pecah dan Perintah setiap etnik mempunyai pekerjaan dan pemilikan ekonomi yang berbeza. Kaum Melayu menjadi petani di luar Bandar, kaum India di estet menjadi penoreh getah manakala kaum Cina menjadi pelombong di kawasan Bandar.

Dasar-dasar ini mengakibatkan jurang perbezaan ekonomi dan sosial dalam kalangan kaum di Malaysia. Pihak Inggeris berkemungkinan sengaja memisahkan kaum-kaum bagi menghalang atau menyekat sebarang usaha penyatuan yang berpotensi membawa risiko penentangan terhadap penjajahan. Kegiatan ekonomi berbeza mewujudkan jurang pendapatan berbeza antara kaum dan menimbulkan ketidakpuashatian dan persaingan ekonomi secara tidak sihat. Ketidakseimbangan ini menyebabkan setiap kaum saling mencemburui satu sama lain. Orang Melayu mencemburui kemewahan dan kejayaan orang Cina dan India mencemburui kelebihan orang Melayu yang mendapat peluang perkhidmatan dalam sektor pentadbiran. Selain itu, interaksi antara tiga kaum utama (Melayu, Cina dan India) tidak mampu diwujudkan oleh kerana penempatan dan kawasan tumpuan mereka yang berbeza. Melalui dasar ini British melahirkan perasaan prasangka dan memperkuuh keperibadian setiap kumpulan etnik yang terus menjarakkan jurang perpaduan antara kaum.

Selepas mencapai kemerdekaan, Rancangan Malaya 5 tahun diperkenalkan. Rancangan Malaya Pertama, kedua dan Rancangan Malaysia Pertama dirancang untuk menitikberatkan kepada segi pertumbuhan dan pembaharuan ekonomi. Rancangan ini menunjukkan kelemahan dari segi strategi di mana corak atau sistem semasa penjajahan masih berterusan. Rentetan daripada sejarah-sejarah tersebut, ketidakseimbangan ekonomi antara kaum masih wujud pada kini. Pengagihan peratusan ekonomi yang tidak adil dan seimbang antara kaum memustahilkan ikatan perpaduan antara kaum. Pengagihan peratusan ekonomi bukan sahaja perlu mengambil kira kedudukan peribumi asal malah nisbah peratusan antara kaum untuk menegakkan kesamarataan dan keadilan.

Objektif kajian

1. Mengkaji kesan ekonomi mengikut kaum terhadap perpaduan masyarakat di Malaysia.
2. Mengetahui pendapat masyarakat mengenai kesan segregasi kaum dahulu terhadap ekonomi Malaysia pada masa kini.
3. Mengenal pasti reaksi dan pendapat masyarakat mengenai ekonomi mengikut kaum.
4. Mengkaji adakah kesan ekonomi mengikut kaum menggugat perpaduan masyarakat di Malaysia.

Metodologi

Kaedah yang digunakan bagi diskusi ini adalah soal selidik yang di diwar-warkan di media sosial. Kajian ini bertujuan untuk melihat dan menerima pandangan berkenaan perpaduan dalam sektor ekonomi bagi pelbagai peringkat umur di Malaysia. Borang soal selidik ini diwar-warkan selama seminggu dan menerima responden hampir berjumlah 30 orang. Soal selidik yang dilakukan ini berjaya untuk mencapai objektif kajian yang dinyatakan. Berikut merupakan carta alir proses metodologi yang dilakukan.


Analisis Dapatkan

Dapatkan soal selidik ini dibahagikan kepada 9 bahagian iaitu latar belakang responden, pandangan responden terhadap ketidakseimbangan ekonomi antara kaum pada masa kini, perbezaan amalan ekonomi, Dasar Pecah dan Perintah yang dilaksanakan oleh British, isu sesetengah kaum memonopoli sektor ekonomi tertentu serta puncanya, peranan ibu bapa dalam pemilihan sektor ekonomi oleh anak muda, hubungan antara penglibatan kaum lain dalam sektor ekonomi yang dimonopoli oleh kaum lain dan cadangan responden sebagai wakil rakyat dalam mengelakkan berlakunya peristiwa 13 Mei sekali lagi.

Latar belakang Demografi Responden

Dapatkan kajian dalam aspek latar belakang responden meliputi aspek berikut:


1. Umur dan Jantina




Carta Pai 1: Umur Responden dan Jantina Responden

2. Kaum dan agama

Kaum
27 responses




Agama
26 responses



Carta Pai 2: kaum dan Agama Responden

3. Tahap pendidikan

Tahap pendidikan
27 responses




- Sekolah rendah
- Sekolah menengah
- Universiti
- Undergraduate
- most phd

Carta Pai 3: Tahap Pendidikan Responden

Carta Pai 4: Pandangan Responden Terhadap Kewujudan Ketidakseimbangan pada masa kini


Adakah anda merasakan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum masih wujud pada hari ini?
27 responses



- Ya
- Tidak
- Mungkin




Adakah perbezaan amalan ekonomi mampu merosakkan perpaduan?
27 responses




Ekonomi Antara Kaum Carta Pai 5: Pandangan Responden Terhadap Perbezaan Amalan Ekonomi Menjejaskan Perpaduan.

Pada pendapat anda, adakah segregasi perkauman di bawah Dasar Pecah dan Perintah yang dilaksanakan oleh British memberi kesan sehingga ke hari ini?
27 responses




Carta Pai 6: Pandangan Responden Terhadap Impak Segregasi Perkauman di bawah Dasar Pecah dan Perintah yang Dilaksanakan oleh British Sehingga Ke kini




Rajah 1: Pandangan Responden Terhadap Sesetengah Kaum yang Mememonopoli Sektor Tertentu






Rajah 2: Pandangan Responden Terhadap Faktor yang Menyebabkan Sesetengah Kaum Memonopoli Sektor tertentu

Pada pendapat anda, adakah ibu bapa mempengaruhi keputusan anak muda dalam memilih sektor ekonomi yang ingin diceburi?
27 responses



Carta Pai 7: Pandangan Responden Terhadap Pengaruhan Ibu Bapa Dalam Keputusan Anak Muda Dalam Memilih Sektor Ekonomi yang Ingin Diceburi


Adakah kewujudan kaum majoriti di dalam satu kegiatan ekonomi mengurangkan minat kaum lain untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi tersebut?
27 responses




Carta Pai 8: Pandangan Responden Terhadap Kewujudan Kaum Majoriti Di Dalam Satu Kegiatan Ekonomi Mengurangkan Minat Kaum Lain Untuk Terlibat Dalam Aktiviti Ekonomi Tersebut

Jika diberi peluang, adakah anda ingin menjadi rakan kongsi perniagaan di dalam sektor ekonomi tertentu dengan kaum lain?

27 responses



Carta Pai 9: Pandangan Responden Terhadap Menjadikan Rakan Kongsi Perniagaan di Dalam Sektor Ekonomi Tertentu Dengan Kaum Lain



Rajah 3: Pandangan Responden Terhadap Cara Mengelakkan Ketidakseimbangan Ekonomi Antara Kaum/Insiden Seperti Peristiwa 13 Mei Berlaku Sekali Lagi

Perbincangan

Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan pendapat serta pandangan sebenar responden terhadap masalah perpaduan yang disebabkan oleh perbezaan amalan ekonomi mengikut kaum berdasarkan penganalisisan data yang diperolehi.

Kesemua responden terdiri daripada pelajar universiti dengan jantina perempuan sebanyak 81.5% dan lelaki sebanyak 18.5%. Hal ini boleh dikaitkan dengan bilangan pelajar perempuan sebagai majoriti jantina di universiti ini. Majoriti responden juga berumur dalam lingkungan 21 hingga 23 tahun. Selain itu, 11.1% responden berumur 24 hingga 26 tahun dan 3.7% berumur dari 18 hingga 20 tahun. Ini adalah kerana data yang dikutip adalah di universiti yang menetapkan kemasukan di atas 19 tahun berdasarkan kelayakan akademik. Oleh itu, umur responden yang diperolehi adalah 18 tahun dan ke atas. Kaum majoriti responden adalah melayu dengan sebanyak 88.9%, India sebanyak 7.4% dan Cina sebanyak 3.7%. Keputusan peratusan ini dapat dikaitkan dengan bilangan pelajar melayu yang merupakan kaum majoriti di universiti ini. Majoriti

agama responden ialah islam dengan sebanyak 92.3% kerana majoriti pelajar Melayu di sini beragama islam. Pelajar universiti juga merupakan 100% responden yang terlibat di dalam kajian ini kerana universiti merupakan target responden pengkaji.

Sebanyak 77.8% responden berpendapat bahawa ketidakseimbangan ekonomi antara kaum masih wujud sehingga ke kini. Hanya dua orang responden (7.4%) merasakan ketiadaan ketidakseimbangan ekonomi pada masa kini. Dan responden tersebut merupakan perempuan India dan lelaki melayu. Manakala responden etnik cina dan majoriti responden etnik melayu merasakan kewujudan perbezaan ini. Hal ini dapat diperakui dengan hasil kajian perbandingan pendapatan isi rumah antara kaum dari 1970-2004 (Dr. Mansor Md Isa, Universiti Malaya, 2007) yang menunjukkan etnik cina mempunyai pendapatan isi rumah tertinggi dengan anggaran RM 4,437, RM 3,456 bagi etnik India dan RM2711 bagi etnik melayu. Terdapat jurang besar di antara etnik cina dan melayu dengan perbezaan sebanyak 39%. Data ini dikatakan bersifat perkauman namun ianya perlu diberi perhatian bagi mengelakkan tercetusnya ketegangan antara kaum pada masa akan datang.

Beralih kepada dapatan seterusnya adalah pandangan responden terhadap kesan perbezaan amalan ekonomi yang mampu menggugat perpaduan antara kaum di Malaysia. Hasil yang diperolehi menunjukkan terdapat lebih separuh responden dengan peratusan sebanyak 70.4% responden bersetuju bahawa perbezaan amalan ekonomi dapat menjelaskan perpaduan. Hal ini tidak dapat dipertikaikan kerana ketidakseimbangan ini dapat mewujudkan ketegangan antara kaum lebih-lebih lagi apabila rasa tidak puas terdapat jurang besar ketidaksamaan pendapatan. Rasa didiskrimasi akan terbit dalam kalangan kaum yang berpendapatan rendah akibat daripada jurang besar ini. Tragedi berdarah 13 Mei 1969 dapat dijadikan sebagai iktibar akibat daripada jurang besar pendapatan antara kaum. Oleh itu, kerajaan harus lebih proaktif dalam mengimbangi jarak dan ketidaksamaan dalam kalangan etnik.

Merujuk kepada pandangan responden terhadap kesan Dasar Pecah dan Perintah yang dilaksanakan British pada zaman penjajahan mereka kepada masyarakat Malaysia pada kini menunjukkan majoriti responden dengan bilangan peratus sebanyak 63% bersetuju bahawa Segregasi perkauman yang dilaksanakan penjajah masih lagi memberi impak kepada masyarakat pada masa kini. Tindakan British meletakkan kaum Melayu di perkampungan dan terlibat di dalam sektor yang kurang produktif seperti pertanian pada zaman penjajahan menyebabkan kaum Melayu hanya mampu menikmati sedikit sahaja hasil jika dibandingkan dengan kaum Cina. Hal ini kerana kaum Cina terlibat dengan sektor perkhidmatan berproduktif tinggi di kawasan bandar justeru mampu menikmati hasil dengan lebih banyak lagi.

Merujuk kepada pandangan yang diberikan oleh responden merujuk kepada kewujudan perbezaan ekonomi antara kaum pada masa kini menunjukkan 77.8% responden bersetuju bahawa ianya masih lagi wujud. Dr Mohamed Khalid (2012), menyatakan ketidaupayaan usahawan Melayu untuk menjalankan perniagaan kerana rantaian ekonomi tertutup akibat daripada penguasaan sepenuhnya sektor ini oleh kaum Cina. Perkara ini menyebabkan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum kerana terdapat satu kaum yang memonopoli sektor ekonomi tertentu. Merujuk kepada dapatan kajian, 67% responden mengaitkan kaum Cina dengan sektor perniagaan. Terdapat juga responden yang mengaitkan kaum Cina dengan perniagaan. Hal ini memberi makna bahawa majoriti responden bersetuju bahawa kaum Cina memonopoli sektor perniagaan melalui pengamatan mereka.

Beralih kepada faktor yang menyebabkan sesetengah kaum memonopoli sektor tertentu menunjukkan 30% responden mengaitkan hal ini dengan dasar pecah perintah yang dilaksanakan British suatu ketika dahulu merupakan faktor utama yang diberikan responden. Ini adalah kerana responden berpendapat, pada masa sekarang kaum Melayu masih menjadi kaum majoriti yang menetap di kawasan luar bandar dan juga kampung. Manakala faktor kedua pula ialah faktor latar belakang. Ini adalah kerana sesetengah keluarga memilih untuk mewariskan perniagaan atau sektor ekonomi yang dijalankan oleh generasi sebelumnya kepada generasi seterusnya. Hal ini dapat mempengaruhi taburan sesuatu kaum di dalam sektor ekonomi yang dijalankan.

Merujuk kepada persoalan adakah kewujudan kaum majoriti dalam satu kegiatan ekonomi mengurangkan minat kaum lain untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi tersebut menunjukkan sebanyak 44.4% responden merasakan kemungkinan berkurangnya minat kaum lain untuk menceburi sektor itu. Walaubagaimanapun, merujuk kepada analisis terakhir, 88.9% tidak mempunyai masalah untuk menjadi



rakan kongsi perniagaan dengan kaum lain. Hal ini menunjukkan bahawa responden tidak mempunyai masalah untuk menjalinkan hubungan dengan kaum berlainan dan mempunyai kepercayaan kepada mereka sehingga majoritinya bersetuju untuk menjadi rakan kongsi walaupun berlainan kaum. Namun, mungkin berasa kekok atau takut ingin menceburkan diri dalam dalam bidang yang dimonopoli kaum lain.

Rumusan

Berdasarkan hasil kajian yang dibuat, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan wujudnya perbezaan amalan ekonomi antara kaum yang boleh membawa impak negatif kepada perpaduan kaum. Menurut pandangan responden yang majoritinya terdiri daripada golongan mahasiswa yang dianggap sebagai insan yang berilmiah, mereka berpendapat bahawa Dasar Pecah dan Perintah yang diamalkan oleh pihak British pada zaman penjajahan sebelum kemerdekaan menjadi punca utama bagi segala faktor yang menunjuk kepada kesegregasian amalan ekonomi antara kaum masih wujud pada zaman ini. Hal ini wujud disebabkan masih lagi wujudnya monopoli sesetengah sektor oleh kaum tertentu yang berlaku sejak zaman Dasar Pecah dan Perintah dilakukan. Sebagai contoh dalam sektor ekonomi dan perniagaan pada zaman sekarang kebanyakannya dimonopoli oleh kaum Cina selaras dengan penempatan kaum Cina di sektor perlombongan dan perniagaan pada zaman penjajahan British yang membawa lebih banyak keuntungan serta kemewahan berbanding dengan sektor ekonomi yang dilakukan oleh kaum lain. Faktor-faktor lain seperti faktor keuntungan, latar belakang keluarga, pendidikan dan kerajinan dilihat sebagai faktor minoriti perbezaan amalan ekonomi antara kaum. Namun demikian, secara kontrasnya wujud sifat prasangka dan cemburu terhadap ketidakseimbangan amalan ekonomi antara kaum pada penjajahan British, kesediaan rakyat untuk menerima perubahan dan mengamalkan aktiviti ekonomi bersama-sama kaum lain pada zaman sekarang menunjukkan kematangan pemikiran rakyat bahawa sifat tolak ansur dan kesefahaman antara kaum merupakan nadi utama demi pembangunan negara ini dalam bidang bukan sahaja ekonomi tetapi juga dalam politik dan sosial. Rakyat juga masih berwaspada tentang impak peristiwa 13 Mei 1969 yang mengundang kepada banyak keburukan dari segi pembangunan negara akibat ketidakseimbangan amalan ekonomi antara kaum. Oleh itu, beberapa inisiatif perlu diambil bagi mengurangkan kesegregasian ekonomi antara kaum, antaranya dimulakan melalui pendidikan. Pendidikan menjadi suatu alat dijadikan anjakan paradigma dan akar umbi bagi mendidik golongan muda bagi menerapkan sifat keushawanan dan juga sikap bertoleransi antara kaum sejak kecil lagi. Selain itu, pihak pemerintah negara perlu memberi keutamaan dalam mewujudkan satu suasana ekonomi yang seimbang kepada semua kaum di negara ini dengan memperkasakan pemberian peluang dan pembahagian peratusan ekonomi secara sama rata serta mengelakkan perbincangan isu-isu sensitif yang boleh menyebabkan perbalahan kaum dan menjelaskan ekonomi negara.

Rujukan

- https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03DASAR_EKONOMI_BARU.pdf
- <https://www.sistemguruonline.my/2014/11/punca-serta-kesan-dasar-pecah-dan.htm>
- Nur Azuki Yusuff (2016), Modul Hubungan Etnik, Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan
- Nur Azuki Yusuff, Nik Yusri Musa, Wan Sopian Sori, (2012) *Faktor utama konflik etnik dan kemampuan gagasan 1Malaysia menurut perspektif mahasiswa*. Regional Conference on Values and Humanities (RECOVH) Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.



Kertas 6:
**SENTIMEN PERKAUMAN DALAM KALANGAN BELIA; KES STUDI MAHASISWA FAKULTI PERUBATAN
VETERINAR UMK**

*Amirul Syafiq Azmir, Muhammad Solehan Zakaria, Subashini Ratha Pukallenth, Iman Natasha Sofea
Mohd Jafri, Lim Chien Yee, Husna Athirah Hasaruddin, Shafiqah Syahirah Hanaf*

Abstrak

Golongan pelajar fakulti Perubatan Veterinar Universiti Malaysia Kelantan memang mewakili polarisasi kaum di Malaysia. Justeru pengkaji mengambil kesempatan untuk menilai dan mengukur tahap sensitiviti perkauman yang timbul dalam kalangan mahasiswa ini. Kaedah pengumpulan data melalui tinjauan secara atas talian kepada 50 orang mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai kaum. Dapatkan kajian yang dianalisa secara menyeluruh ternyata mencapai objektif bahawa wujud kerencaman dalam persepsi mahasiswa terutama mengambilkira kumpulan etnik dan latar keluarga. Pengurusan penyatupaduan kaum pun melalui pendekatan yang selari dengan dasar negara.

Kata kunci: sentimen, polarisasi, mahasiswa

Pendahuluan

Antara isu-isu sensitif yang terdapat di Malaysia adalah isu perkauman yang berpotensi untuk menggugat kesepakatan antara kaum serta menjadi ancaman kepada ketenteraman yang boleh mencetuskan konflik atau perselisihan kaum. Hal ini juga boleh menyebabkan pupusnya semangat toleransi dan menimbulkan suasana yang tidak aman. Jelaslah, isu perkauman sesuatu yang boleh memberi impak yang negatif kepada rakyat Malaysia.

Malaysia, dengan penduduknya yang berbilang etnik, tidak dapat lari dari cabaran menyelesaikan masalah perkauman. Sejauh ini, peristiwa 13 Mei 1969 merupakan permulaan bencana yang membawa kepada isu kritis mengenai perkauman yang melanda negara ini. Tragedi ini mengakibatkan kerugian dan kehilangan nyawa dan harta benda. Ia berkait rapat dengan "pilihan raya 1969" dan menjadi titik hitam dalam sejarah Malaysia.

Hubungan etnik yang kuat antara rakyat negara yang berbeza agama, bahasa, budaya dan bangsa sangat diperlukan. Isu hubungan kaum, penyatuan dan integrasi sangat penting untuk mewujudkan kestabilan politik, dan pembangunan negara seterusnya berjalan lancar tanpa gangguan. Perpaduan dan integrasi sangat penting, jadi tenaga negara dapat digunakan untuk memajukan negara dan bukannya menyelesaikan masalah yang disebabkan oleh kepelbagai etnik.

Latar Belakang Permasalahan

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri dari masyarakat berbilang etnik, pelbagai budaya dan bahasa, dan banyak kumpulan etnik di Malaysia mengekalkan identiti kebudayaan yang berbeza. Namun, isu perkauman merupakan antara isu yang sering dibangkitkan dikalangan rakyat dengan sengaja maupun tidak.

Antara sebab isu ini menjadi perkara hangat di Malaysia adalah apabila mereka berasa marah terhadap seseorang dari berlainan kaum. Lalu terlontarlah beberapa pernyataan stereotaip terhadap kaum tersebut dengan harapan untuk memalukan orang tersebut. Mereka juga turut mengungkit dan mempermudahkan isu-isu *sensitive* terhadap kaum tersebut, yang mungkin berkait rapat dengan agama yang dianuti.

Di Malaysia, masyarakat dapat melihat pelbagai aktiviti yang dapat membantu dalam membanteras sentimen perkauman dikalangan rakyat Malaysia, seperti 'kahwin campur' yang mengalakkan amalgamasi antara dua kaum, wujudnya komuniti perjiranan berbilang kaum dan sambutan perayaan yang diraikan oleh

masyarakat berbilang kaum. Walaubagaimanapun, masih terdapat beberapa pihak yang masih tidak sedar yang mereka melanggar sensitiviti kaum lain, malah menggunakan dan mengalakkan penggunaan isu tersebut untuk membuktikan bahawa mereka merupakan kaum yang lebih dominan. Masalah ini boleh dilihat sejak peringkat sekolah, dimana terdapat beberapa kes pelajar bergaduh dan dibuli kerana mereka bukan dari kaum yang sama. Isu perkauman juga antara perkara yang sering dijadikan permainan politik sebagai satu cara untuk meraih lebih banyak sokongan. Mereka merupakan golongan yang paling hampir dalam mengendali dan memacu negara ke arah yang lebih baik.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa, mengenal pasti dan memahami kewujudan sentimen perkauman dalam kalangan mahasiswa Fakulti Perubatan Veterinar di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Beberapa tinjauan dibuat terhadap mereka menggunakan borong tinjauan melalui medium “Google Forms”. Mengenal pasti kesedaran mahasiswa dalam isu ini amat penting kerana ini merupakan antara langkah penting dalam mematangkan mereka sebagai persediaan untuk melangkah ke dalam kehidupan selepas universiti dan berurusan dengan lebih ramai manusia dari berbagai kaum. Tidak boleh dinafikan juga bahawa toleransi terhadap kaum lain juga merupakan kemahiran insaniah yang diperlukan oleh mahasiswa di universiti.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti tahap sentimen perkauman antara belia iaitu mahasiswa Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Malaysia Kelantan.
2. Mengenal pasti faktor yang berpotensi menyumbang kepada penimbulan sentimen perkauman antara mahasiswa Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Malaysia Kelantan.

Metodologi







Dalam kajian ini, beberapa kaedah kajian yang sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang kajian ini, iaitu: Rujukan kepustakaan. Kajian ini merangkumi rujukan buku-buku ilmiah di perpustakaan, jurnal, artikel, surat khabar dan sebagainya. Ianya merupakan salah satu kaedah yang dipercayai dalam mendapatkan sumber atau data yang tepat dan sahih.

Soal selidik dijalankan melalui bincangan untuk mengumpul data dan maklumat berdasarkan pandangan pelajar veterinar UMK. Soal selidik ini diedarkan melalui Google Docs. Pertama, untuk mengkaji pandangan dan tahap kefahaman pelajar veterinar UMK terhadap sentimen perkauman dalam kalangan mahasiswa Fakulti Perubatan Veterinar. Kedua, untuk mengenal pasti faktor yang berpotensi menyumbang kepada penimbulan sentimen perkauman antara mahasiswa Fakulti Perubatan Veterinar.


Perbincangan Dapatan Kajian

Berikut adalah senarai dapatan berdasarkan item soalan yang dikemukakan kepada belia dalam kalangan mahasiswa fakulti. Komitmen dalam memberi pandangan boleh disahkan dengan baik atas faktor kebersamaan pengkaji bersama mereka.



<p>Adakah anda menerima pendidikan di sekolah vernakular pada peringkat rendah atau menengah atau kedua dua nya sekali?</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ya</td> <td>44%</td> </tr> <tr> <td>Tidak</td> <td>56%</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Persentase	Ya	44%	Tidak	56%	<p>Jika ya, adakah anda lebih selesa untuk bergaul dengan rakan rakan anda yang se kaum?</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Setuju</td> <td>43.5%</td> </tr> <tr> <td>Neutral</td> <td>34.8%</td> </tr> <tr> <td>Tidak setuju</td> <td>21.7%</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Persentase	Setuju	43.5%	Neutral	34.8%	Tidak setuju	21.7%		
Kategori	Persentase																
Ya	44%																
Tidak	56%																
Kategori	Persentase																
Setuju	43.5%																
Neutral	34.8%																
Tidak setuju	21.7%																
<p>Adakah anda berasa perbezaan agama boleh menyebabkan perselisihan faham antara mahasiswa?</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Setuju</td> <td>28%</td> </tr> <tr> <td>Neutral</td> <td>22%</td> </tr> <tr> <td>Tidak setuju</td> <td>50%</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Persentase	Setuju	28%	Neutral	22%	Tidak setuju	50%	<p>Adakah anda berasa lebih selesa untuk bergaul dengan rakan yang menganut agama yang sama?</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Setuju</td> <td>32%</td> </tr> <tr> <td>Neutral</td> <td>40%</td> </tr> <tr> <td>Tidak setuju</td> <td>28%</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Persentase	Setuju	32%	Neutral	40%	Tidak setuju	28%
Kategori	Persentase																
Setuju	28%																
Neutral	22%																
Tidak setuju	50%																
Kategori	Persentase																
Setuju	32%																
Neutral	40%																
Tidak setuju	28%																
<p>Pada pendapat anda, adakah wajar untuk menyokong pemimpin yang bukan daripada kaum anda?</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Setuju</td> <td>34%</td> </tr> <tr> <td>Neutral</td> <td>16%</td> </tr> <tr> <td>Tidak setuju</td> <td>50%</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Persentase	Setuju	34%	Neutral	16%	Tidak setuju	50%	<p>Adakah anda bersetuju bahawa kebanyakan mahasiswa lebih menjurus kepada pemilihan pemimpin berdasarkan kaum bukannya daripada segi sifat dan kebolehan?</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Setuju</td> <td>46%</td> </tr> <tr> <td>Neutral</td> <td>32%</td> </tr> <tr> <td>Tidak setuju</td> <td>22%</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Persentase	Setuju	46%	Neutral	32%	Tidak setuju	22%
Kategori	Persentase																
Setuju	34%																
Neutral	16%																
Tidak setuju	50%																
Kategori	Persentase																
Setuju	46%																
Neutral	32%																
Tidak setuju	22%																





Perbincangan

Berdasarkan analisa dapatan yang dirumuskan, terdapat pelbagai perbincangan yang dapat di ketengahkan dan ini juga secara tidak langsung dapat dicari solusi dan inisiatif terhadap segala permasalahan, jika ada.

Pertama sekali, sebanyak 56% pelajar di Fakulti Perubatan Verterinar tidak pernah menerima pendidikan di sekolah vernakular, manakala seramai 44% pelajar pernah menerima pendidikan di sekolah vernakular. Perkara ini menunjukkan bahawa kebanyakan atau majoriti pelajar tidak pernah mendapat pendidikan di sekolah vernakular, dan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar dan majoriti pelajar Fakulti Perubatan Verterinar sudah terbiasa bergaul dengan kaum yang berlainan agama dan bangsa. Perkara ini tidaklah dilihat sebagai satu permasalahan. Hal ini dapat diselesaikan sebagai contoh dengan keseimbangan pengambilan pelajar tidak kira kaum. Peratusan pengambilan pelajar seharusnya di ambil



secara sama rata serta adil. Selain itu, hal ini juga dapat diselesaikan atau dikurangkan kadar permasalahnya dengan cara menghubung kait kedua jenis sekolah kebangsaan serta sekolah vernakular dengan cara mengadakan aktiviti bersama. Sebagai contoh, Hari Sukan peringkat daerah yang mengumpulkan kedua-dua jenis sekolah. Perkara ini, dapat mengeratkan lagi perpaduan antara kaum. Dan ianya boleh dimulakan dari bangku sekolah, bak kata pepatah “Melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

Seterusnya, sebanyak lebih 48% pelajar bersetuju bahawa mereka lebih selesa bergaul dengan rakan yang sama kaum, manakala 20% pelajar tidak setuju dan sebanyak 32% pelajar memilih neutral sebagai jawapan. Perkara ini tidak dapat dinafikan hak nya, hampir kesemua pelajar dibesarkan serta diberi didikan oleh ibu bapa sejak kecil berkenaan etnik dan agama mereka tersendiri. Dan sudah semestinya, mereka sudah terbiasa dengan persekitaran yang sama serta pergaulan bersama rakan yang sekaum dengannya. Perkara ini menimbulkan sedikit keimbangan kerana ianya boleh menyumbang kepada timbulnya sentimen antara kaum. Hal ini kerana kurangnya pengetahuan umum terhadap asas-asas agama serta kaum yang lainnya. Tetapi usah dibimbangi, kerana setiap permasalahan di muka bumi ini pasti ada solusinya. Sebagai contoh, sambutan hari keagamaan yang melibatkan mahasiswa daripada pelbagai kaum dan aktiviti ini haruslah disertai oleh semua kaum. Hal ini dapat mengalakkan pelajar untuk bergaul dan merapatkan hubungan antara kaum.

Isi seterusnya, sebanyak 50% pelajar di Fakulti Perubatan Veterinar tidak setuju bahawa perbezaan agama boleh menyebabkan perselisihan faham antara mahasiswa dan hanya 28% pelajar sahaja yang tidak bersetuju untuk bergaul dengan rakan yang berlainan agama. Masyarakat sering di momok dengan sentimen perkauman, kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Perkara ini menunjukkan bahawa hanya minoriti rakyat atau pelajar sahaja yang kurang selesa bergaul dengan kaum atau agama yang lain, tetapi majoriti menunjukkan bahawa mereka selesa dan perbezaan agama tidak lah menyebabkan perselisihan faham antara mahasiswa. Kerana setiap perkara boleh dibawa berbincang dan sentimen perkauman atau agama tidaklah seharusnya dijadikan sebagai tumpuan permasalahan. Perkara ini juga boleh diatasi dengan implementasi nilai toleransi.

Selain itu, sebanyak hanya 34% sahaja yang bersetuju bahawa wajar untuk menyokong pemimpin yang bukan dari kaum sendiri dan yang lainnya tidak bersetuju dan memilih neutral sebagai jawapan. Perkara ini adalah wajar kerana kebanyakan masyarakat merasakan bahawa jika pemimpin itu datangnya daripada kaum sendiri, sudah pastinya mereka memperjuangkan hak hak serta keadilan terhadap kaum mereka sendiri. dan hal ini tidak dapat dinafikan lagi. Permasalahan ini dapat diselesaikan sebagai contoh, fakulti haruslah menubuhkan sebuah organisasi yang terdiri daripada pelbagai kaum dan setiap daripada mereka haruslah menyandang jawatan supaya isu hanya satu kaum yang boleh memimpin tidaklah dipermainkan lagi. Perkara ini juga dapat menjadikan ia sebagai satu organisasi pelbagai kaum dan sikap bekerjasama antara kaum dapat dipertingkatkan lagi.

Seterusnya, hanya 38% pelajar sahaja yang bersetuju bahawa mereka tidak selesa untuk bertutur dengan pelajar yang berbeza dalam tuturan bahasa dan kebanyakan yang lain adalah tidak setuju dan neutral. Bahasa jiwa bangsa, kepelbagaian dalam segi bahasa pertuturan merupakan satu anugerah dan ianya bukanlah satu bala bencana. Ia menunjukkan bahawa negara kaya dengan kepelbagaian bahasa dan etnik dan itu membuktikan istimewa Malaysia. Pelbagai etnik dan agama bermakna lebih pelbagai bahasa pertuturan yang digunakan di negara ini, apabila di kecilkkan skop nya, kepelbagaian bahasa pertuturan dalam kelangan pelajar mahasiswa, tidak sama sekali memecahkan ikatan perpaduan. Malahan ianya lebih mengeratkan lagi ikatan perpaduan pelbagai etnik. Solusi utama kepada permasalahan perpecahan kaum hanyalah dengan menanam benih nilai murni dan positif di dalam diri segenap masyarakat pelbagai kaum. Setiap pelajar, haruslah mempunyai nilai moral yang tinggi dengan menghormati setiap kaum dan menghormati bahasa pengantaraan mereka tanpa perlu adanya prejudis. Pelajar juga haruslah belajar untuk mempelajari bahasa kaum yang lain, agar masyarakat saling memahami dan melengkapi antara satu sama lain.

Kesimpulan awal, perbezaan bahasa, budaya dan agama tidaklah seharusnya dijadikan sebagai satu permasalahan. Sebaliknya hargai ia sebagai satu permata yang sukar di cari ganti.



Rumusan Hasilan

Secara keseluruhan, kajian yang dilakukan adalah berdasarkan pemerhatian terhadap beberapa permasalahan yang berlaku di Fakulti Perubatan Veterinar dan ianya dipercayai berkait rapat dengan isu sentimen perkauman. Antara punca permasalahan adalah kesan daripada perbezaan agama, pengaruh politik, polarisasi, penubuhan kelab mengikut kaum, perbezaan bahasa pertuturan dan juga keselesaan dalam pergaulan. Isu ini dianggap sebagai satu perkara yang serius kerana ia boleh menjelaskan persepsi masyarakat terhadap fakulti dan juga universiti. Oleh yang demikian, langkah yang proaktif diambil dengan melakukan kajian yang mendalam terhadap faktor berlakunya sentimen perkauman daripada pelbagai aspek melalui kajian kepustakaan dan juga soal selidik. Kajian mendapati kebanyakan pelajar adalah bersikap lebih terbuka dan dapat menerima perbezaan perkauman dan hanya segelintir sahaja yang masih lagi dibelenggu dengan pemikiran yang cetek dan tidak dapat menerima perbezaan kaum manakala sesetengah daripada pelajar pula bersifat neutral.

Beberapa inisiatif dapat dijalankan bagi mengurangkan masalah sentimen perkauman dalam kalangan pelajar mahasiswa Fakulti Perubatan Veterinar. Antara cadangan yang dapat diketengahkan adalah dengan menyeimbangkan pengambilan pelajar di setiap peringkat pengajian tanpa mengambil kira peratusan setiap kaum, memansuhkan sekolah vernakular, menambahkan ilmu pengetahuan umum berkaitan kaum yang berbeza supaya bersifat lebih terbuka, menyambut perayaan bersama serta kempen berkaitan perbezaan etnik agar dapat mengatasi masalah perkauman dan memberi keselesaan kepada para mahasiswa supaya dapat bergaul dengan semua rakan tanpa mengira kaum.

Secara konklusinya, masalah perkauman dalam kalangan mahasiswa Fakulti Perubatan Veterinar adalah wujud namun hanya melibatkan golongan yang kecil sahaja dan perkara ini dapat diatasi dengan beberapa langkah yang efektif. Mahasiswa hendaklah sentiasa seiring dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai pelajar serta rakyat Malaysia. Mereka juga haruslah sentiasa bekerjasama agar dapat menjamin keamanan dan keharmonian sesebuah institusi dan negara serta mencapai kegemilangan bersama. Mahasiswa cemerlang, Negara gemilang.

Rujukan

- Baharuddin dkk. (2014). Kajian Isu Dan Cabaran Hubungan Antara Penganut Agama Di Malaysia. *Isu Perkauman Dan Perpaduan* Retrieved December 18, 2020, diambil daripada: <http://kakiwriter96.blogspot.com/>
- Mohd Nadzri Kamsin. (2020, January 15). *Bahaya provokasi perkauman ibarat bom jangka*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/01/646879/bahaya-provokasi-perkauman-ibarat-bom-jangka>
- Osman, S. (1979). PERKAUMAN DAN PERPADUAN. *Akademika*, 53–68. <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/viewFile/617/2228>
- Nur Azuki Yusuff Abd Talib, Nur Syazwani, Kamarulzaman Abd Ghani (2016) Tahap Pengetahuan Dan Sikap Graduan IPT Serta Hubungannya Dengan Minat Terhadap Sejarah: Usaha Awal Memupuk Semangat Cinta Negara. *Jurnal Pemikir Pendidikan* 7: Universiti Malaysia Sabah
- Nur Azuki Yusuff, Nik Yusri Musa, Wan Sopian Sori, (2012) *Faktor utama konflik etnik dan kemampuan gagasan 1Malaysia menurut perspektif mahasiswa*. Regional Conference on Values and Humanities (RECOVH) Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Sentimen Perkauman Dalam Kalangan Mahasiswa Fakulti Perubatan Veterinar Umk.* (n.d.). Google Docs. Retrieved December 18, 2020, from <https://docs.google.com/forms/d/10iReqo9O3njzo94c6QpooM2x7KN9YW4Yf2yYCO7HyB4/edit#responses>



Kertas 7:
Interethnic Marriage in Malaysia: A New Perspective

Mohammad Firdaus Herman, Amin Mustaqim Mohamad Fauzi, Nur Alawiyah Mohd Awalluddin, Wong Sin Jia, Hussain Misfah Samee, Nazmi Bin Ma'som

Abstract

- Nur Azuki Yusuff, Tan Hong Cheng, Kevin Fernandez, Yohan Kurniawan (2016) *Perpaduan berpaksikan titik kesamaan fungsi pelbagai agama dengan mengambil kira Islam sebagai agama rasmi di Malaysia*. In: Persidangan Pemantapan CITRA Kenegaraan 4 (COSNA4) 'Mencorak Masa Hadapan': Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Nur Azuki Yusuff (2015) *Isu dan permasalahan hubungan antara agama di Malaysia kini dan jalan penyelesaiannya*. Kursus Perbandingan Agama, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur, Terengganu.
- Nur Azuki Yusuff (2009) *Pembangunan 1Malaysia: isu persaudaraan masyarakat Islam dan bukan Islam melalui aktiviti kerja sosial*.: Seminar Kemahiran Insaniah Dan Kerja Sosial 2009 (SKIKS 09): Universiti Teknikal Malaysia, Melaka
- Ramayah, U. (2020, July 14). *Kenyataan 'bedak', 'gelap': Kasthuri Patto mahu rujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kenyataan-bedak-gelap-kasthuri-patto-mahu-rujuk-ke-jawatankuasa-hak-dan-kebebasan-parlimen-251132>.
- Ridzuan, A. R., Bolong, J., Omar, S. Z., Osman, M. N., Yusof, R., & Abdullah, S. F. M. (2012). Social Media Contribution Towards Ethnocentrism. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 65, 517–522. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.158>
- Rosli, H.F, Wan Mahmud, W.A., & Mahbob, M.H. (2016). Peranan media sebagai alat kesedaran sosial dalam kalangan orang kurang upaya di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 32(2), 471-488
- Zainury, M. A. (2019, November 11). *Perselisihan kaum, agama: Ahli politik dan media sosial jadi punca?* Sinarharian. <https://www.sinarharian.com.my/article/56621/BERITA/Nasional/Perselisihan-kaum-agama-Ahli-politik-dan-media-sosial-jadi-punca>.



Kertas 9:

PERSPEKTIF BELIA BERKAITAN ISU PEMANSUHAN SEKOLAH VERNAKULAR DAN PELARASAN SEKOLAH KEBANGSAAN UNTUK SEMUA KAUM DI MALAYSIA

Muhammad Alif Syazwan Mohd Basree, Siti Nurashiqah Jurit, Nur Fatin Akmal Jenuwa, Thivashini Chandran, Dayangku Umi Aqilah Pengiran Isa, Muhammad Faiz Kamarul Zaman, Zakiah Binti Marzuki

Abstrak

Kertas ini diketengahkan bagi memahamkan beberapa isu dan masalah yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum tentang pelaksanaan sistem persekolahan tunggal. Penguasaan bahasa melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam kalangan para pelajar yang terlibat juga diukur. Begitu juga tahap kesedaran masyarakat terhadap isu-isu mengenai permasalahan sistem persekolahan tunggal di Malaysia yang melibatkan isu politik, ekonomi dan konsep 1 Malaysia. Soal selidik dilakukan melalui Google Form atas talian yang terdiri daripada dua bahagian dengan jumlah 11 soalan. Sebanyak 92 respons diperolehi. Berdasarkan data yang dikumpul, 97% daripada responden adalah dalam kalangan etnik Melayu. Sebanyak 81.5% mengatakan bahawa mereka tidak menghadapi kesukaran ketika bergaul dengan kaum lain semasa masih di sekolah. Juga dinyatakan bahawa 97.8% berpendapat bahawa penyelarasan sekolah kebangsaan dapat membantu dalam melahirkan suatu masyarakat majmuk di Malaysia. Selain itu, 90.2% bersetuju dengan pemansuhan sekolah vernakular. 90.2% responden berpendapat bahawa jurang antara kaum dapat diselesaikan dengan penyelarasan sekolah kebangsaan. Akhir sekali, 98.9% berpendapat bahawa pergaulan para pelajar dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dapat dipertingkatkan dengan penyelarasan sekolah kebangsaan di Malaysia. Kesimpulan awal, sebilangan besar responden melihat pelaksanaan sistem sekolah tunggal menyediakan persekitaran yang lebih baik untuk menanamkan perpaduan antara pelbagai kaum. Justeru, kerajaan dan rakyat perlu bekerjasama dalam memperbaiki sistem pendidikan bagi mengurangkan masalah kaum minoriti.

Kata kunci: sistem persekolahan tunggal, vernacular, minoriti

Latar Belakang Permasalahan

Kajian ini dilakukan untuk memahami tentang beberapa isu dan masalah yang sering diterbitkan oleh kebanyakan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum tentang pelaksanaan sistem persekolahan tunggal. Salah satunya ialah tentang isu perkauman yang dikaitkan dengan sistem persekolahan dan juga penguasaan bahasa melayu sebagai bahasa kebangsaan kepada para pelajar yang mungkin mempunyai perkaitan dengan sistem persekolahan di Malaysia iaitu secara kebangsaan atau vernakular.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara sistem persekolahan yang dihadiri oleh pelajar dan kesannya terhadap kemampuan pelajar tersebut untuk berkomunikasi dengan baik dengan kaum yang lain. Terdapat dua jenis sistem persekolahan di Malaysia yang tidak termasuk dengan sekolah bebas atau swasta iaitu sekolah kebangsaan (SK, SMK) iaitu medium persekolahan bahasa Melayu dan sekolah jenis kebangsaan (SJK, SMJK) yang merupakan medium persekolahan bagi bahasa aliran sekolah tersebut. Justeru, pengkaji ingin melihat adakah pelajar dari SMK atau SMJK mempunyai perlakuan atau sikap yang berbeza terhadap kaum yang lain pada tahun-tahun berikutnya dalam persekitaran masyarakat yang berbilang kaum.

Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk melihat sama ada pelajar dari sekolah vernakular akan bergaul baik dengan masyarakat dari pelbagai kaum ketika mereka meninggalkan sekolah mereka, kerana mereka dilihat jarang berkomunikasi dengan pelajar daripada etnik yang lain. Oleh sebab itu, pengkaji berusaha mengkaji sama ada sistem persekolahan tunggal akan membasmikan masalah pelajar yang hanya berkomunikasi dengan kelompok masyarakat dari kaum mereka sendiri. Melalui kajian ini juga, pengkaji mengharapkan agar pengkaji dapat memahami kemungkinan adakah sistem persekolahan tunggal dapat mengurangkan masalah perkauman dalam kalangan belia dan generasi akan datang.

Tambahan lagi, kajian ini juga dijalankan untuk mengkaji tentang hubungan antara sistem persekolahan dan penguasaan bahasa pelajar. Contohnya, dalam suasana sekolah kebangsaan, pengkaji berusaha melihat kesan yang boleh dilihat apabila sesebuah sekolah itu mempunyai pelajar dari pelbagai etnik terhadap penguasaan bahasa melayu mereka. Pengkaji juga turut mengkaji tentang kemampuan mereka untuk berkomunikasi dengan pelajar lain yang terdiri daripada pelbagai kaum. Oleh itu, peranan sekolah dalam membantu membina persekitaran yang harmoni dan saling memahami bagi pelajar yang mempunyai latar belakang berbilang kaum juga akan dilihat.

Kajian ini juga dijalankan untuk memahami pendapat masyarakat tentang pelaksanaan sistem persekolahan tunggal untuk menyelesaikan masalah perkauman yang semakin meningkat di Malaysia.

Objektif Kajian

Tiga objek utama ialah:

1. Melihat tahap kesedaran serta kefahaman mereka terhadap isu-isu perpaduan di Malaysia.
2. Mengkaji tahap kesedaran masyarakat yang terdiri daripada golongan pelajar terhadap isu-isu perpaduan kaum, politik, dan ekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbeza kaum dan pendapat.
3. Mengesan kaedah yang perlu digunakan oleh pihak tertentu untuk mencetuskan kesedaran pelajar tentang tanggungjawab mereka sebagai warganegara dan kepentingan perpaduan dalam kalangan kaum.

Dapatkan ini bakal membantu dalam memperlengkapkan diri mahasiswa dengan pelbagai ilmu kebudayaan kaum supaya ilmu tersebut dapat disampaikan kepada pelajar dengan tepat dan berkesan. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai pihak peneraju perlu sentiasa mengenal pasti kaedah yang paling efektif dan mengoptimumkan kelebihan perlaksanaan kajian di sekolah supaya matlamat melahirkan bangsa yang bersatu padu dapat dicapai.

Jika rakyat dalam sesebuah negara mempunyai semangat perpaduan yang kukuh, maka ekonomi dan politik negara itu tentu dapat mencapai tahap yang stabil dan maju. Kegagalan penerapan nilai-nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat dalam sesebuah negara boleh membawa kepada kemusnahan dalam pelbagai bentuk seperti pergolakan dalaman atau campur tangan pihak luar.

Metodologi

Sasaran Populasi; Responden mahasiswa Fakulti Veterinar UMK yang dipilih untuk kajian ini mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi etnik, agama, pendidikan, dan jantina

Kaedah Pengumpulan Data; Bagi memenuhi objektif kajian ini, kaedah kuantitatif digunakan untuk mengumpul segala maklumat daripada responden berkaitan pendapat peribadi mereka tentang Pemansuhan Sekolah Vernakular dan Pelarasan Sistem Pembelajaran Bagi Semua Kaum di Malaysia.

Metodologi kaji selidik ini merangkumi pelbagai instrumen atau prosedur yang menanyakan satu atau lebih soalan yang perlu dijawab. Untuk kajian ini, satu sistem iaitu aplikasi Google Form dihasilkan. Google form ini mempunyai dua bahagian iaitu bahagian 1 dan bahagian 2 dan mempunyai 11 jumlah soalan. Google form ini disebarluaskan melalui aplikasi media sosial bagi mendapatkan maklum balas daripada sasaran responden yang diinginkan. Soalan kaji selidik hanya menanyakan soalan dengan memerlukan jawapan Ya dan Tidak berkenaan dengan pendapat individu tersebut tentang isu yang di kaji. Soalan untuk soal selidik adalah seperti yang berikut:

Bahagian 1- Maklumat Am (Jantina, Umur, Etnik, Agama dan latar belakang sekolah; SMK atau SMJK)



Bahagian 2:

1. Adakah anda mempunyai kesukaran untuk bergaul dengan kaum lain semasa anda berada di zaman sekolah?
2. Pada pendapat anda, adakah penyelarasan sekolah kebangsaan dapat membantu dalam melahirkan sebuah masyarakat majmuk di Malaysia?
3. Adakah anda bersetuju dengan pemansuhan sekolah vernakular?
4. Pada pandangan anda adakah jurang antara kaum dapat diselesaikan dengan pemansuhan sekolah vernakular dan penyelarasan sekolah kebangsaan?
5. Pada pendapat anda adakah penyelarasan sekolah kebangsaan di Malaysia dapat meningkatkan pergaulan para pelajar dalam masyarakat pelbagai kaum?
6. Adakah anda fikir larangan bahasa akan tetap berlaku sebagai masalah walaupun pelaksanaan sistem sekolah tunggal dilakukan?

Jumlah responden yang menjawab kaji selidik ini ialah sebanyak 92 responden. Pihak pengkaji merujuk sumber seperti jurnal dan artikel yang boleh didapati dalam internet. Melalui sumber yang dirujuk, pengkaji memilih untuk menghasilkan satu google form dan menyebarkannya kepada orang awam untuk maklum balas. Tujuan penyebaran ini adalah bagi mendapatkan maklumat dan data yang mencukupi supaya kajian ini dapat disokong dengan info yang sahih.

Analisis Dapatan

Menerusi borang kaji selidik mengenai pemansuhan sekolah vernakular yang diedar kepada orang ramai secara atas talian melalui aplikasi media sosial seperti ‘Whatsapp’, sebanyak 92 responden menerima dan menjawab persoalan yang dikemukakan.

Berdasarkan bahagian 1 dari borang kaji selidik, 92 responden tersebut adalah terdiri daripada 66 orang lelaki dan 26 orang perempuan. Terdapat pelbagai lapisan umur yang memberikan jawapan iaitu dua orang dari kategori 13-18 tahun, sembilan belas orang dari kategori 19-25, empat orang dari kategori 26-30, lima puluh tiga orang adalah berusia dalam lingkungan 31-59 dan terdapat juga seramai empat belas orang yang berusia melebihi 60 tahun.

Majoriti masyarakat yang menjawab borang kaji selidik ini adalah daripada kalangan etnik Melayu iaitu seramai 90 orang dan juga seorang daripada kaum Cina dan Iban. 90 orang daripada responden adalah beragama Islam manakala 2 lagi adalah beragama Buddha dan Kristian.

Kebanyakkan daripada responden adalah berlatarkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) iaitu seramai 74 orang (80.4%) daripada 92 maklum balas yang diterima. Terdapat tiga orang dengan latar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) dan tiga orang dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). 12 orang responden adalah berlatar sekolah yang tidak dinyatakan di dalam pilihan jawapan seperti Sekolah Vokasional, Sekolah Menengah Inggeris dan lain-lain.

Di bahagian 2, soalan kaji selidik adalah tertumpu kepada isu pemansuhan sekolah vernakular dan penyelarasan sistem sekolah di Malaysia. Di soalan pertama, sebanyak 75 orang tidak mempunyai kesukaran untuk bergaul dengan kaum lain mana manakala seramai 17 orang berasa sukar untuk melakukan demikian semasa masih bersekolah. Majoriti daripada responden iaitu seramai 90 orang berpendapat bahawa penyelarasan sekolah kebangsaan dapat membantu dalam melahirkan suatu masyarakat majmuk yang kukuh di Malaysia.

83 orang bersetuju dengan pemansuhan sekolah vernakular manakala 9 lagi tidak setuju dengan perkara tersebut. Seramai 83 orang berpendapat bahawa jurang antara kaum dapat diselesaikan dengan pemansuhan sekolah vernakular dan penyelarasan sekolah kebangsaan dan 9 orang tidak bersetuju dengan pendapat tersebut. Pada soalan akhir, seramai 91 orang (98.9%) berpendapat bahawa pergaulan para pelajar dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dapat dipertingkatkan dengan penyelarasan sekolah kebangsaan di Malaysia.

Perbincangan

Sehingga kini, rakyat Malaysia masih mempunyai dua sisi yang berbeza iaitu berdebat untuk menentang atau memperjuangkan kegigihan sistem persekolahan vernakular. Sekolah vernakular ditentang terutamanya atas dakwaan bahawa sekolah-sekolah ini akan memecahbelahkan pelajar mengikut kaum dan menghalang pelajar mengekalkan identiti nasional mereka. Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang etnik, berbilang kaum, berbilang budaya dan berbilang agama. Dengan itu, sebahagian besar dasar di Malaysia cenderung ke arah domain yang paling banyak, termasuk pendidikan. Oleh itu, melalui sekolah vernakular, masyarakat Cina mendakwa bahawa mereka dapat memelihara budaya mereka, khususnya bahasa ibunda mereka. Akan tetapi, permasalahan yang timbul adakah sekolah vernakular diperlukan untuk menjaga setiap etnik di Malaysia?


Sistem persekolahan tunggal atau sekolah kebangsaan, dipercayai dapat memasukkan nilai dan perspektif positif untuk meraikan kepelbagaiannya dalam masyarakat. Sekolah kebangsaan akan menyediakan platform bagi pelajar untuk berkomunikasi antara satu sama lain dan memperoleh pengalaman lintas budaya yang, pada akhirnya, menghilangkan kekuatan segregatif dan kekuatan perpecahan yang akan ditunjukkan oleh sekolah vernakular.

Salah satu masalah sekolah vernakular merupakan halangan komunikasi kerana sekolah vernakular menerapkan bahasa ibunda sebagai bahasa yang digunakan sepanjang waktu persekolahan. Ini akan merumitkan pelajar daripada belajar bertutur dalam bahasa lain seperti bahasa kebangsaan, Bahasa Melayu dan juga bahasa sejagat, Bahasa Inggeris. Walaupun mempelajari bahasa-bahasa ini sebagai sebahagian daripada kurikulum mereka, mereka kurang berpeluang untuk berinteraksi dengan bahagian masyarakat yang lain. Oleh itu, pelajar-pelajar ini hanya dapat mengekspresikan diri melalui penulisan dan tidak terlalu banyak bertutur dalam bahasa-bahasa ini.

Selain itu, sekolah vernakular membataskan pelajar dari pengalaman antara budaya dengan kumpulan etnik yang lebih luas. Sistem persekolahan kebangsaan tunggal akan berfungsi sebagai 'platform' untuk masyarakat Malaysia yang lebih pelbagai etnik dan budaya. Pelajar juga dapat memperoleh lebih banyak pengalaman lintas budaya yang akan mempengaruhi kepercayaan dan tingkah laku mereka yang akhirnya membawa kepada pengembangan kemahiran untuk terlibat dalam komunikasi. "Bahasa membentuk jiwa bangsa." Dari sudut ini sekolah vernakular dengan bahasa ibunda atau bahasa minoriti sebagai bahasa pengantar bertentangan dengan aspirasi nasional.

Sekolah vernakular dianggap bersifat segregatif kerana kekurangan peluang bagi pelajar untuk berinteraksi dengan gabungan orang yang lebih luas bertindak sebagai penghalang perpaduan. Ini akan diperburukkan lagi jika pelajar berasal dari persekitaran tempat tinggal yang terpisah dan berakhir di sekolah menengah vernakular yang terpisah. Pelajar-pelajar ini mencapai pendidikan tinggi, akan menjadi halangan bagi mereka untuk sepenuhnya mengaitkan diri mereka dengan sekelompok orang yang berlainan etnik.





APAKAH LATAR SEKOLAH ANDA?

92 responses




▲ 1/2 ▼

Bahagian 2: Soalan kaji selidik berkaitan dengan kajian isu pemansuhan sekolah vernakular dan penyelarasan sistem sekolah di Malaysia


Adakah anda mempunyai kesukaran untuk bergaul dengan kaum lain semasa masih sekolah

91 responses




Pada pendapat anda, adakah penyelarasan sekolah kebangsaan dapat membantu dalam melahirkan suatu masyarakat majmuk di Malaysia?

92 responses




Adakah anda bersetuju dengan pemansuhan sekolah vernakular ?

91 responses




Pada pandangan anda adakah jurang antara kaum dapat diselesaikan pemansuhan sekolah vernakular dan penyelarasan sekolah kebangsaan.

92 responses



Pada pendapat anda adakah penyelarasan sekolah kebangsaan di Malaysia dapat meningkatkan pergaulan para pelajar dalam masyarakat pelbagai kaum.

92 responses



Rumusan

Kajian tahap kesedaran terhadap isu-isu mengenai perpaduan kaum, politik, dan ekonomi dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Topik seperti pemansuhan sekolah vernakular atau isu perlaksanaan sistem persekolahan tunggal dan kaedah yang perlu digunakan untuk mengkaji tahap kesedaran pelajar tentang tanggungjawab mereka sebagai warganegara dan kepentingan perpaduan dalam kalangan kaum dibincangkan.

Borang kaji selidik yang terdiri daripada dua bahagian dengan jumlah 11 soalan diedarkan melalui ‘platform’ sosial. Kaedah kuantitatif digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai sistem persekolahan yang mungkin mempunyai kaitan dengan isu perkauman, dan pendapat peribadi mereka mengenai sistem persekolahan yang sedang dilaksanakan di Malaysia. Sebanyak 92 maklum balas yang diperoleh melalui penyebaran tinjauan dalam talian. Rujukan dari platform dalam talian seperti Google serta jurnal dan artikel juga digunakan untuk mengkaji dan mendapatkan maklumat untuk memenuhi objektif penyelidikan ini untuk memberikan data tambahan untuk menyokong penyelidikan.

Hasil penemuan kajian yang diperoleh dari soal selidik dalam talian akan disimpulkan. Berdasarkan data yang dikumpulkan, 97% daripada responden adalah daripada kalangan etnik Melayu. Berdasarkan data yang dikumpulkan dari responden, 81.5% mengatakan bahawa mereka tidak menghadapi kesukaran ketika bergaul dengan kaum lain semasa masih di sekolah. Berdasarkan kajian daripada jawapan responden juga, 97.8% berpendapat bahawa penyelarasan sekolah kebangsaan dapat membantu dalam melahirkan suatu masyarakat majmuk khususnya di Malaysia. Selain itu, 90.2% bersetuju dengan pemansuhan sekolah vernakular. 90.2% berpendapat bahawa jurang antara kaum dapat diselesaikan dengan penyelarasan sekolah kebangsaan. 98.9% berpendapat bahawa pergaulan para pelajar dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dapat dipertingkatkan dengan penyelarasan sekolah kebangsaan di Malsysia.



Sekolah vernakular bertahan dan didukung oleh sebahagian warganegara, terutama untuk memelihara bahasa dan budaya masing-masing. Walau bagaimanapun, sebilangan besar masyarakat berpendapat bahawa pelaksanaan sistem sekolah tunggal menyediakan persekitaran yang lebih baik untuk menanamkan perpaduan antara pelbagai kaum. Walau bagaimanapun, lebih mustahak bagi pemerintah untuk memperbaiki sistem pendidikan dan menghapuskan segala ketidakadilan dalam sistem yang boleh meragukan kualiti pendidikan, iaitu dengan membenarkan masyarakat yang berlainan kaum mendapat akses yang lebih tinggi untuk pendidikan tinggi bagi mencegah dendam tertentu kaum minoriti terhadap kaum lain.

Rujukan

- <https://www.sinarharian.com.my/article/55848/BERITA/Nasional/Ubah-sekolah-vernakular-kepada-satu-aliran-Ahli-akademik>
- <https://www.malaysiakini.com/letters/540184>
- <https://www.utusanborneo.com.my/2020/08/28/usaha-mansuhkan-sekolah-vernakular-tidak-releven>
- <https://sadiqsalihoddin.wordpress.com/2020/07/28/hapuskan-sekolah-jenis-kebangsaan/>
- Nur Azuki Yusuff, Abd Talib, Nur Syazwani, Kamarulzaman Abd Ghani (2016) Tahap Pengetahuan Dan Sikap Graduan IPT Serta Hubungannya Dengan Minat Terhadap Sejarah: Usaha Awal Memupuk Semangat Cinta Negara. Jurnal Pemikir Pendidikan 7: Universiti Malaysia Sabah
- Nur Azuki Yusuff (2016), *Perpaduan etnik di Malaysia*. Kota Bharu: Penerbit UMK
- Nur Azuki Yusuff, Siti Bahiyah Saidi, Yohan Kurniawan (2014) *Keutamaan penerimaan bahasa berkomunikasi remaja 1Malaysia: adakah Bahasa Melayu (tinggi), Bahasa Inggeris atau selainya*. In: International Conference on Human Sustainability, INSAN 2014: UTHM, Johor
- Yohan Kurniawan, Nur Azuki Yusuff (2012) *1Malaysia = 1Bahasa: sebuah mediator pemersatu kaum di Malaysia*: Regional Conference on Cross-Culture Communication and National Integration, Hotel Palace of the Golden Horses, Mines: Kuala Lumpur



Kertas 10:
PEMUPUKAN PERPADUAN MELALUI IDEA SEKOLAH SATU ALIRAN MENURUT PERSEPSI BELIA

*Kirthekka Balachandran, Muhammad Izad Mohd Noor, Tan Bee Yann,
Nur Rahmah Binti Rusly, Iman Najla Thairun Aris*

Abstrak

Menjelang 2021 ini Malaysia telah merdeka 64 tahun. Namun, masih timbulnya isu-isu yang mengetengahkan betapa rakyat Malaysia sebenarnya, pada satu sudut, masih berpecah dan saling salah menyalahkan antara satu sama lain. Tidak lain, isu perkauman turut menghiasi ruangan berita semasa dan laman sosial saban hari. Walau bagaimanapun, harapan untuk bersatu adalah tidak mustahil untuk dilaksanakan secara sepenuhnya. Dengan mengimbau bagaimana Malaysia mencapai kemerdekaan pertama dengan usaha pimpinan dari pelbagai kaum dan etnik, pengkaji beranggapan bahawa adalah wajar kerajaan melaksanakan sesuatu untuk mencapai kesepadan tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kebolehlaksanaan sekolah satu aliran melalui pendapat individu dari pelbagai kaum. Seramai 57 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri dari pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan orang awam. Dari hasil kajian, sebahagian besar responden tidak bersetuju untuk pelaksanaan sekolah satu aliran, pengkaji melihat sebahagian besar mereka belum terdedah dengan sistem sekolah satu aliran. Mereka juga tidak beranggapan bahawa perpecahan antara kaum sebagai satu masalah besar, namun ia wajar diselesaikan dengan keterlibatan semua pihak termasuk individu itu sendiri.

Kata kunci: sekolah satu aliran, perpaduan, vernakular

Latar Belakang Permasalahan dan Teori

Pelaksanaan sekolah satu aliran mampu memupuk perpaduan etnik di negara ini. Berikut adalah isu yang dipilih bagi memulakan penulisan tugas esei berimpak ini. Isu ini dipilih kerana timbulnya persoalan dalam kalangan masyarakat tentang keperluan sekolah vernakular dimansuhkan demi mencapai perpaduan etnik. Persoalan ini timbul seMenteri Perpaduan Negara, Halimah Sadique berkata di dalam sidang parlimen bertarikh 25 Ogos 2020 bahawa kerajaan tidak akan memansuhkan sekolah vernakular bagi meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan masyarakat. Sebahagian besar masyarakat menyambut berita ini dengan hati yang gembira kerana menurut mereka atas sebab budaya dan bahasa ibunda mereka tidak akan hilang ditelan zaman. Namun, sebahagian besar masyarakat meluahkan kekecewaan mereka terhadap keputusan ini kerana mereka berpendapat bahawa masih ada lagi ruang untuk memperbaiki tahap perpaduan di negara ini.

Justeru, di dalam penulisan ini, pengkaji membincangkan mengapa pelaksanaan sekolah satu aliran adalah pilihan yang wajar, bermula dengan pengemukaan teori pilihan bagi menyokong esei ini. Teori interaksi simbolik dikemukakan oleh tokoh sosiologi Herbert Blumer dan George Herbert Mead (1863-1931). Teori ini membincangkan peranan individu dalam sistem sosial. Teori ini adalah salah satu kaedah kualitatif dan dianggap sesuai untuk menganalisis gejala sosial. Teori interaksi simbolik ini berasal dari idea bahawa realiti sosial adalah sebuah proses pembinaan dinamik. Ia didasarkan pada tiga premis Herbert Blumer dimana ia memfokuskan pada cara orang berinteraksi, menjelaskan dan bertindak mengikut kehendak mereka sendiri. Interaksionis menerangkan maksud tingkah laku manusia secara subjektif dan menerangkan bagaimana ia dikongsi dengan anggota masyarakat. Teori ini mempunyai dua aspek. Ia dapat menginterpretasikan tanda atau makna yang tersirat secara subjektif di samping meneroka cara menggunakan simbolisme dalam interaksi manusia.

Herbert Blummer (1969) mengembangkan teori interaktiviti simbolik ini dan menerangkan konsep makna dalam tiga cara. Yang pertama adalah kepentingan memahami makna simbol berdasarkan konteks di mana ia digunakan. Kedua, makna simbolik yang digunakan dalam interaksi menyebabkan hubungan yang semakin mesra. Ketiga, sesuatu makna dapat dipertimbangkan. Dengan kata lain, seseorang tidak semestinya menerima makna yang dikemukakan oleh pihak lain, tetapi mereka harus memberi sesuatu

makna yang sesuai. Makna simbol berasal dari bentuk simbol tertentu, seperti bahasa, objek, kata, dan tindakan. Sebagai contoh, bahasa adalah bahasa lisan yang digunakan oleh kaum atau etnik tertentu. Dalam masyarakat berbilang etnik, pelbagai jenis bahasa muncul. Sebaliknya, objek pula sebenarnya penglihatan. Kata-kata digunakan untuk mengekspresikan objek fizikal, perasaan, nilai, dan pemikiran, sementara tingkah laku merangkumi tingkah laku berdasarkan pemikiran dan niat seseorang. Dalam pada itu, simbol pula adalah bentuk perwakilan untuk sesuatu perkara lain, sama ada diwakili oleh benda yang nyata atau abstrak. Pengkaji dapat menginterpretasi simbol-simbol daripada orang lain seperti, apakah kemahuan mereka, apa yang mereka akan buat dan apa mereka ingin mengatakan. Hal ini hanya dapat dicapai apabila interaksi yang baik ditubuhkan.

Teori interaksionisme simbolik ini dijadikan rujukan kerana ia dapat memperlihatkan dengan lebih jelas bagaimana seseorang individu membentuk dan dibentuk oleh interaksinya dengan orang lain dalam golongan yang kecil. Ia memberi tekanan kepada peranan aktif seseorang dalam perhubungan sosial yang dibentuk oleh persekitaran sosialnya. Daripada ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa teori interaksionisme memerlukan proses interaksi sosial manusia yang dapat dipakai dalam konteks ini, iaitu interaksi antara kaum.


Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengenal pasti pandangan individu dari kaum berbeza-beza dalam perlaksanaan sekolah satu aliran di Malaysia. Hal ini dimulakan dengan mengenalpasti latar belakang persekolahan setiap individu itu sendiri, untuk melihat interaksi mereka dengan kaum-kaum lain.
2. Mengenal pasti kebolehlaksanaan sekolah satu aliran, dan juga penerimaan rakyat Malaysia jika sekolah satu aliran ini dilaksanakan. Hal ini adalah untuk melihat kesediaan dari aspek individual rakyat Malaysia untuk menerima pelaksanaan sekolah satu aliran.
3. Meneliti suasana atau iklim interaksi antara kaum dalam kalangan rakyat Malaysia dan secara amnya, penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT) dari kaum berbeza-beza yang menjadi subjek kajian lapangan.
4. Menganalisa perpaduan melalui pendidikan dan kesan yang bakal menimpa kepada generasi baru jika perpecahan antara kaum dibiarkan tanpa ada penyelesaian jangka panjang.

Metodologi kajian

Pengkaji melakukan satu kaji selidik melalui “Google Form” mengenai perbezaan dan pendapat tentang perlaksaan sekolah satu aliran berbanding dengan sekolah vernakular dan sekolah kebangsaan yang tersedia wujud di Malaysia. Soal selidik ini dilakukan dalam jangka masa 1 minggu. Pengkaji berjaya menerima seramai 57 responden dari pelbagai etnik yang berada dalam lingkungan 19 hingga 30 tahun.



Rajah 1: Umur Responden




Seramai 74.1% responden yang menuntut di Sekolah Kebangsaan (SK) dan seramai 22.3% yang menuntut di sekolah vernakular, dan selebihnya menuntut di kedua-dua jenis buah sekolah . Manakala di peringkat sekolah menengah pula seramai 90.9% menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan selebihnya menuntut di sekolah vernakular, MRSM dan sekolah aliran agama.

Jenis sekolah rendah yang pernah dituntut



Rajah 2: Jenis Sekolah rendah yang pernah dituntut oleh responden


Jenis sekolah menengah yang pernah dituntut



Rajah 3: Jenis Sekolah Menengah yang pernah dituntut oleh responden

Mengikut kaji selidik yang dilakukan seramai 70.4% setuju bahawa sekolah vernakular relevan untuk dilaksanakan dan selebihnya tidak bersetuju. Mereka bersetuju kerana mereka ingin mengekalkan kefasihan mereka dalam bahasa-bahasa ibunda mereka seperti Bahasa Melayu, Bahasa Tamil dan Bahasa Cina. Selain itu mereka juga bersetuju untuk mengekalkannya kerana mereka ingin fokus terhadap budaya setiap kaum dan kefahaman agama yang berbeza dengan lebih mendalam. Manakala yang tidak bersetuju pula menyatakan bahawa sekolah vernakular mampu menghasilkan jurang yang besar antara kaum yang berbeza kerana sekolah kebangsaan hanya akan dihadiri 70% etnik Melayu, manakala sekolah vernakular pula akan dihadiri 90% etnik Cina dan Tamil. Di sini, lahirnya perbezaan pendapat, membina prejudis terhadap sesuatu kaum kerana mereka tidak bersosial untuk bertukar pendapat dan menggalakkan persefahaman antara mereka.

Adakah sekolah vernakular atau sekolah sistem satu aliran relevan?




Rajah 4: Perbandingan antara Sekolah Vernakular dan Sekolah Satu Aliran

Analisis Dapatan

Bagi yang bersetuju, mereka percaya sekolah satu aliran mampu merapatkan jurang besar yang berlaku antara kaum di Malaysia. Selain itu, dengan adanya sekolah satu aliran, semua kaum diberi peluang untuk belajar kesemua bahasa dan tradisi dengan lebih mendalam daripada dua bahasa yang sering ditekankan di setiap sekolah vernakular iaitu bahasa Melayu, bahasa Tamil, bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Bagi yang merasakan sekolah satu aliran tidak relevan adalah kerana mereka percaya tiada institut pendidikan yang lain akan mengajar bahasa ibunda mereka dengan lebih mendalam terutama di peringkat universiti. Seterusnya mereka merasakan bahawa bahasa ibunda patut diterapkan oleh sekolah vernakular di peringkat kanak-kanak lagi kerana ia sangatlah tidak patut apabila seseorang individu itu tidak mahir dan fasih bahasa ibunda mereka sendiri. Sesungguhnya, daripada kaji selidik yang dilakukan, jelaslah kurang pendedahan dan fahaman oleh rakyat Malaysia terhadap sistem sekolah satu aliran tersebut. Berdasarkan kaji selidik itu juga 68.5% responden yang tidak setuju bahawa negara Malaysia ini masih tidak mencapai kesatuan bangsa dengan mengadakan sekolah vernakular.







16. Suggestion to boost national unity / Cadangan untuk memperkasakan kesatuan bangsa
39 responses

-

kawan dengan semua

People need to focus on Malaysia's economy instead of races and religions

Buat party kat kbmall

Stop quota system and treat all the races equally. That will automatically bring all the race together.

Younger generation learn from what they see, not by what you tell them to be. You can't possibly think that you can achieve unity by abolishing Chinese and Indian schools. If the government think vernacular school is the way, then they should open up MRSM, Sekolah Berasrama Penuh, MARA and etc to all races, to all competent Malaysians.

Hapuskan sekolah vernakular

Perbincangan: Cadangan Penyelesaian

Cadangan Pertama:

Menurut kaji selidik yang dilakukan, terdapat 70.4% responden percaya bahawa sekolah vernakular lebih relevan dalam membentuk perpaduan antara kaum berbanding sekolah satu aliran. Hal ini jelas menggambarkan bahawa majoriti daripada responden masih tidak menyedari tentang kebaikan perlaksanaan sekolah satu aliran ini.

Justeru, pelbagai langkah perlu diambil oleh pelbagai pihak bagi menyemai kesedaran terhadap masyarakat di negara ini, anak-anak muda terutamanya supaya mereka menyedari tentang kebaikan yang bakal diperoleh sekiranya perlaksanaan sekolah satu aliran dilakukan secara menyeluruh. Langkah yang paling senang tetapi amat berkesan adalah melalui pengajuran kempen kesedaran yang dapat dilakukan di mana-mana sahaja termasuk media sosial ataupun surat khabar. Sebagai contoh, pihak sekolah dapat memanfaatkan mesyuarat Perjumpaan Ibubapa dan Guru (PIBG) dengan menyelit pengisian berkaitan penyemaian kesedaran tentang kebaikan sekolah satu aliran ini. Semengetahui kebaikan yang ditawarkan sekolah satu aliran ini, golongan ibubapa dapat mempertimbangkan kebaikan dan keburukan setiap sekolah dengan rasional dan sudah pastinya mereka akan memilih sekolah satu aliran bagi memastikan interaksi antara kaum dapat dilakukan oleh anak-anak mereka. Selain golongan ibubapa, para tenaga pengajar dan pelajar harus dididik dan diinformasikan tentang kebaikan yang bakal mereka peroleh sekiranya mereka memilih untuk menghadiri sekolah satu aliran ini.

Cadangan Kedua

Menyemai kesedaran tentang kebaikan dan manfaat yang akan diperoleh sekiranya menghadiri sekolah satu aliran ke dalam masyarakat negara ini sahaja tidak cukup bagi merealisasikan impian untuk melaksanakan sekolah vernakular secara menyeluruh. Pihak berautoriti perlu menilai semula untuk mendirikan sekolah satu aliran secara menyeluruh. Interaksi sosial dapat dijamin bukan sahaja kerana mereka berkongsi satu corak masa yang sama tetapi juga berkongsi idea pemikiran dan isu yang berkaitan antara satu sama lain.



Cadangan Ketiga

Jambatan bagi mengukuh dan menjalin hubungan yang baik dengan kaum yang berlainan juga harus dicari demi perpaduan negara. Sistem pendidikan di negara Malaysia ini boleh dilihat kurang teratur, kerajaan perlu menyemak semula impak positif dan negatif sekolah vernakular dan sekolah kebangsaan agar lebih efisien sesuai dengan era kini. Oleh itu kerajaan Malaysia perlu membuat langkah yang muktamad iaitu dengan memujuk pihak berkepentingan di Malaysia ini supaya melihat contoh-contoh negara kelas pertama mengendalikan sistem pendidikan mereka seperti di Finland yang menduduki tangga pertama dunia dalam ranking sistem pendidikan terbaik. Sistem pembelajaran Finland haruslah dikaji, diteliti dan dianalisa supaya kerajaan dapat mengambil perkara-perkara yang terbaik yang boleh diasimilasikan ke dalam sistem pembelajaran Malaysia. Sekiranya sekolah masih lagi diasingkan mengikut kaum, budaya atau kepercayaan, sukar bagi anak muda sekarang untuk mencapai kapasiti pemikiran maksimum kerana sistem organisasi yang wujud di setiap sekolah adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Sekolah satu aliran bakal menyumbang kepada penghasilan graduan-graduan berkualiti tinggi yang mampu bersaing dengan graduan negara kelas pertama yang bisa meletakkan nama Malaysia di persada antarabangsa suatu hari nanti.

Rumusan

Bagi merumuskan tugas penulisan esei berimpak ini, perlu melihat kembali apakah isu yang diketengahkan sebelum memulakan penulisan dan juga teori yang dipilih bagi membimbing dan menyokong penulisan ini. Isu yang dipilih merupakan “Sekolah Satu Aliran Memupuk Perpaduan Kaum”, manakala teori yang digunakan adalah teori interaksi simbolik. Pelaksanaan sekolah satu aliran secara menyeluruh di negara ini dilihat sebagai tindakan yang paling wajar bagi menyelesaikan masalah perpaduan kaum di negara ini. Benar, masalah perkauman di negara adalah tidak ketara dan tidak berada pada aras yang membimbangkan kerana semua individu hidup bersama dengan harmoni dan tanpa sebarang pergaduhan, malah setiap individu bebas mengamalkan apa sahaja cara hidup yang mereka pilih asalkan tidak melanggar undang-undang.

Namun, harus diingatkan bahawa pelaksanaan sekolah satu aliran bukan satu proses asimilasi di mana satu etnik ingin menghapuskan latar belakang dan jati diri satu etnik yang lain. Malah, perlaksannya mampu menyumbang ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang lebih utuh dan bersepadan berbanding apa yang ada sekarang. Sesungguhnya, ketidak satuan rakyat Malaysia dari aspek perkauman ini adalah duri dalam daging yang mengancam pertumbuhan ekonomi negara dan hanya meningkatkan jurang pendapatan antara kaum jika dibiarkan dalam jangka masa yang panjang. Justeru, sebagai mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam yang menyedari, melihat dan merasai kebaikan dan manfaat yang terhasil daripada interaksi antara kaum, masyarakat tidak boleh mengharapkan usaha pihak tertinggi dan berkepentingan sahaja bagi melakukan perubahan. Perubahan hendaklah bermula daripada diri sendiri. Selain penyemaian kesedaran kepada masyarakat, adalah penting untuk masyarakat menunjukkan bagaimana aktiviti interaksi antara kaum dijalankan kepada mereka bagi menyokong teori interaksi simbolik ini.

Rujukan

- Azhari, M. (2020, August 26). SURAT: Wajarkah sekolah vernakular dihapuskan? Retrieved December 17, 2020, from <https://www.malaysiakini.com/letters/540184>
- Kok, S. T. (2013, June 21). 785) Artikel Pilihan: Sekolah Satu Aliran Tak Rugikan Sesiapa. Retrieved December 10, 2020, from <https://www.ppm.org.my/785-artikel-pilihan-sekolah-satu-aliran/>
- Nur Azuki Yusuff (2016), *Perpaduan etnik di Malaysia*. Kota Bharu: Penerbit UMK
- Nur Azuki Yusuff, Siti Bahiyah Saidi, Yohan Kurniawan (2014) *Keutamaan penerimaan bahasa berkomunikasi remaja 1Malaysia: adakah Bahasa Melayu (tinggi), Bahasa Inggeris atau selainya*. In: International Conference on Human Sustainability, INSAN 2014: UTHM, Johor
- Siregar, N. S. (2016). Kajian Tentang Interaksionisme Simbolik. Perspektif, 1(2). doi:10.31289/perspektif.v1i2.86



Yahaya, A. (2019, November 11). Sekolah satu aliran satukan kaum. Retrieved December 17, 2020, from <https://www.sinarharian.com.my/article/56632/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Sekolah-satu-aliran-satukan-kaum>



Kertas 11:
PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA BAGI MENINGKATKAN PERPADUAN DALAM KALANGAN BELIA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) DAN SWASTA (IPTS)

*Lye Yi Yan, Muhammad Afdhaluddin Hassan, Nur Diyana Mohd Rusuki, Nur Syaza Syazwani Mohd Azhar,
Zulfah Alawiah Abbas, Syamimi A.Jalalal*

Abstrak

Malaysia negara harmoni yang memiliki lebih daripada 70 kumpulan etnik. Namun masih terdapat insiden perkauman yang sering tular di media sosial dan masih terlihat segregasi perkauman mengikut bidang di Malaysia. Polarisaasi kaum wujud dalam hubungan sehari-hari terutama sekali di institusi pengajian tinggi (IPT). Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan pandangan para pelajar (IPT) di Malaysia terhadap cadangan bagi meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi. Dapatkan kajian diperolehi melalui soal selidik di platform *Google Form* dan melibatkan sebanyak 32 orang responden. Data diperoleh, dianalisis dan dibentangkan dalam bentuk peratusan dengan menggunakan carta pai. Secara keseluruhan, ramai pelajar masih mempunyai persepsi bahawa unsur polarisasi dan unsur perkauman masih wujud dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi. Dapatkan kajian mendapati pelajar sedar bahawa masih terdapat polarisasi perkauman di IPT dan mereka mahu dan bersedia mengambil tindakan meningkatkan perpaduan di IPT. Penerapan perpaduan dan toleransi perkauman penting di peringkat IPT kerana budaya dan sikap toleransi antara kaum yang dipelajari di IPT akan diguna pakai dalam alam pekerjaan nanti dan akan membentuk negara Malaysia yang lebih damai dengan pemimpin yang mengamalkan toleransi perkauman dan berjiwa rakyat.

Kata kunci: Sistem Pendidikan Tinggi Malaysia, institusi pengajian tinggi, perpaduan

Latar Belakang

Hubungan etnik berkait rapat dengan seluruh struktur sosial masyarakat. Hal ini demikian kerana, hubungan etnik dapat mencerminkan sifat sesuatu struktur sosial masyarakat, mencerminkan keadaan sosial dan ikatan sosial keseluruhan dalam masyarakat, memberi pemahaman mengenai darjah pluralisme sosial dan kebudayaan serta punca konflik, mencerminkan darjah dan sumber ketegangan sosial dalam sesebuah komuniti, memahami isu prasangka dan diskriminasi di sesebuah negara, menggambarkan peranan faktor personaliti dalam menentukan tingkah laku ahli masyarakat dan mempengaruhi dasar sosial serta perancangan sosial. Negara Malaysia mempunyai lebih daripada 70 kumpulan etnik. Ditambah dengan kelompok yang mewakili sub-etnik, kumpulan bahasa dan dialek maka jumlahnya melebihi 200 kumpulan. Meskipun berada dalam komposisi etnik, budaya dan bahasa yang begitu kompleks, Malaysia berjaya mengekalkan keharmonian dan kerukunan dalam kehidupan bermasyarakat serta pencapaian pembangunan negara. Justeru, keunikan tadbir urus negara dalam mengolah perpaduan dalam kepelbagaiannya merupakan suatu perkara yang amat penting. Ini kerana, aspek tadbir urus dalam kepelbagaiannya ini membawa kepada kefahaman terhadap proses kesepadan sosial dalam kehidupan masyarakat. Integrasi kaum ini secara relatifnya dapat direalisasikan kerana faktor keamanan dan pembangunan yang dikecap bersama secara adil berdasarkan kebolehan, kemampuan, peluang individu dan peranan kerajaan sebagai pemerhati. Kajian ini bertujuan untuk menyampaikan cadangan dan pendapat pelajar IPT terhadap inisiatif yang kerajaan harus lakukan untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelajar IPT.

Pelajar IPT adalah aset terbesar kerajaan kerana pembentukan dan nilai yang diterapkan kepada golongan pelajar IPT ini akan kemudiannya menentukan hala tuju negara ini. Jika dibentuk dan diterapkan nilai-nilai toleransi perkauman, pelajar-pelajar ini akan menerapkan nilai ini di alam pekerjaan. Persekutuanan pekerjaan yang penuh toleransi dan perpaduan akan meningkatkan produktiviti dan ekonomi negara ini.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti dan menganalisis persepsi tentang peranan institusi pendidikan tinggi dalam meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelajar.
2. Mengusulkan dan menghuraikan cadangan penambahbaikan peranan institusi pendidikan tinggi dalam meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelajar.
3. Membincangkan kepentingan perpaduan di peringkat pendidikan tinggi dalam melahirkan sebuah negara Malaysia yang bertoleransi dan harmoni tanpa mengira kaum dan agama.

Metodologi

Dalam menyediakan dan menyiapkan kajian ini para pengkaji menggunakan beberapa metodologi untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Kaedah yang digunakan adalah:

1. Soal selidik

Penggunaan kaedah soal selidik dapat meliputi sampel yang besar dan kos yang rendah, dan dapat memberikan persampelan yang tepat. Dalam era modenisasi ini, borang soal selidik di buat secara dalam talian lebih ekonomi dan menjimatkan masa. Soal selidik dibina menggunakan prinsip KISS (Keep it short and simple) iaitu dengan mengemukakan soalan yang ringkas dan mudah difahami. Pengkaji mengumpul data dan maklumat berdasarkan pandangan pelajar veterinary UMK. Soal selidik ini diedarkan melalui Google Forms. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pandangan pelajar tentang isu perpaduan dalam kalangan pelajar. Selain itu, soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui pandangan para pelajar tentang sistem pendidikan sekarang. Keputusan Soal Selidik. Jumlah responden adalah 32 yang terdiri daripada 31% lelaki dan 68.8% perempuan.

2. Rujukan dalam talian

Rujukan secara dalam talian memainkan peranan penting dalam mendapatkan info tentang sistem pendidikan. Oleh itu, kajian ini merangkumi rujukan dalam talian seperti jurnal, keratan akhbar dan artikel. Oleh itu dapat membantu pengkaji dalam melaksana kan kajian ini.


Analisis Dapatan

Data diperoleh secara soal selidik menggunakan aplikasi *Google Form* yang diedarkan kepada siswa Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan sebanyak 32 respons diperolehi. Item soal selidik adalah berkisar kepada tajuk kajian iaitu Isu Penambahbaikan Sistem Pendidikan Tinggi (IPTA/IPTS) Malaysia Bagi Meningkatkan Perpaduan Dalam Kalangan Pelajar. Data dianalisis menggunakan aplikasi *Google Form* dan hasilnya digambarkan dalam bentuk carta pai. Carta pai juga mempamerkan jumlah dan peratus responden berdasarkan pilihan jawapan yang dibuat. Hasil dapatan kajian dikelaskan kepada dua bahagian. Bahagian pertama merangkumi profil latar belakang responden dan bahagian kedua adalah mengenai soal selidik yang bertujuan bagi menjawab persoalan kajian seterusnya memenuhi objektif kajian.


Profil Latar Belakang Responden:

Profil latar belakang responden menerangkan taburan kekerapan dan peratus berdasarkan jantina, agama dan kaum. Perkara ini dimasukkan dalam soal selidik bersesuaian dengan objektif kajian.






Gambar rajah 1 mempamerkan taburan dan peratus responden mengikut jantina. Berdasarkan gambarajah tersebut daripada 32 responden, 22 adalah perempuan dengan peratus sebanyak 68.8% manakala selebihnya iaitu 10 responden atau 31.3% adalah dari pelajar lelaki.



Gambar rajah 2 menunjukkan taburan dan peratus responden berdasarkan agama yang dianuti. 28 (87.5%) daripada 32 responden adalah beragama Islam manakala Hindu dan Buddha masing-masing adalah 2 responden (6.3%). Tiada pelajar beragama Kristian yang menjawab soal selidik ini (0%).




Gambar rajah 3 menerangkan mengenai taburan dan peratus responden berdasarkan kaum pelajar. Pelajar kaum Melayu adalah 28 orang daripada 32 responden bersamaan dengan 87.5%. Pelajar kaum Cina dan India masing-masing adalah 2 orang dengan peratus sebanyak 6.3%.

Analisis Soalan Berdasarkan Objektif Kajian:

Berdasarkan soal selidik yang diedarkan, taburan dan peratus responden mengikut pendapat mereka akan dianalisis sejajar dengan tajuk kajian. Soalan soal selidik dibuat selaras untuk memenuhi kehendak objektif kajian ini.




4. Unsur perkauman masih lagi wujud dalam kalangan pelajar IPTS/IPTA.
32 responses




Gambar rajah 4 menggambarkan taburan dan peratus responden berdasarkan pernyataan di atas. 56.3% bersamaan 18 orang responden bersetuju dengan kenyataan tersebut diikuti dengan 13 orang responden dengan peratus sebanyak 40.6% berasa neutral. Hanya seorang responden tidak bersetuju iaitu dengan peratus 3.1%.

5. Adakah anda bersetuju mengenai penggunaan bahasa Malaysia (Melayu) dalam pengajian dan pembelajaran di IPTA/IPTS?
32 responses



Gambar rajah 5 mempamerkan taburan dan peratus responden berdasarkan soalan yang dinyatakan. Seramai 13 orang responden bersamaan 40.6% neutral akan soalan tersebut, diikuti dengan 11 orang responden dengan peratus sebanyak 34.4% tidak setuju dan diikuti dengan 8 orang bersetuju bersamaan 24%.


6. Adakah anda bersetuju mengenai penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam pengajian dan pembelajaran di IPTA/IPTS?
32 responses



Gambar rajah 6 menunjukkan taburan dan peratus responden berdasarkan soalan yang dinyatakan. 65.6% responden iaitu seramai 21 orang bersetuju manakala 28.1% bersamaan 9 orang responden neutral dengan soalan yang dinyatakan. Hanya 2 orang responden dengan peratus sebanyak 6.3% tidak bersetuju.

7. Adakah anda bersetuju kuota kemasukan orang bukan bumiputera ke program matrikulasi dan IPTA perlu ditingkatkan?


32 responses



Gambar rajah 7 menerangkan taburan dan peratus responden berdasarkan soalan yang dikemukakan di dalam soal selidik. 43.8 % responden iaitu 14 orang bersetuju diikuti dengan 37.5% responden bersamaan 12 berasa neutral. Minoriti daripada responden tidak bersetuju iaitu dengan peratus sebanyak 18.8% bersamaan 6 orang.

8. Adakah anda bersetuju penerimaan kemasukan pelajar ke IPTA adalah berlandaskan kecemerlangan akademik dan kurikulum tanpa mengira berbezaan kaum?


32 responses



Gambar rajah 8 menunjukkan taburan dan peratus responden berdasarkan soalan yang dikemukakan sebagai salah satu soalan dalam soal selidik. Majoriti daripada responden iaitu 68.8% (22 orang) bersetuju manakala selebihnya berasa neutral dengan peratus sebanyak 31.1% (10 orang). Tiada responden tidak bersetuju dengan soalan yang dinyatakan.

9. Sambutan hari kebangsaan harus diwajibkan di setiap IPTA/IPTS.


32 responses



Gambar rajah 9 menunjukkan taburan dan peratus responden berdasarkan kenyataan yang diutarakan. Seramai 27 orang (84.4%) bersetuju diikuti dengan 3 orang (9.4%) neutral dan 2 orang (6.3%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.




10. Setiap pelajar diwajibkan mengambil subjek bahasa kaum lain.
32 responses



Gambar rajah 10 membuktikan taburan dan peratus responden berlandaskan kenyataan di atas. Daripada 32 orang responden, 15 orang (46.9%) bersetuju manakala 12 (37.5%) adalah neutral. Minoriti adalah tidak setuju dengan kenyataan tersebut dengan jumlah hanya 5 orang responden (15.6%).

11. Penglibatan berbilang kaum dalam aktiviti kerja berkumpulan perlu diwajibkan di IPTA/IPTS.
32 responses



Gambar rajah 11 menunjukkan taburan dan peratus responden berpandukan daripada kenyataan yang dikemukakan. Majoriti responden iaitu seramai 26 orang (81.3%) bersetuju dan selebihnya dengan jumlah 6 orang (18.8%) adalah neutral. Tiada responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan di atas, dengan itu peratus adalah 0%.

Perbincangan

Berdasarkan keputusan soal selidik mengenai unsur perkauman dalam kalangan pelajar, perkauman bermakna prejudis, diskriminasi atau pertentangan yang ditujukan kepada seseorang atau kaum lain berdasarkan kepercayaan bahawa kaum mereka sendiri lebih tinggi statusnya. Kebanyakan responden bersetuju bahawa unsur perkauman masih lagi wujud dalam kalangan pelajar IPTA/IPTS. Tragedi rusuhan kaum 13 Mei jelas membuktikan bahawa masalah perkauman pernah menjadi satu titik hitam dalam sejarah negara Malaysia. Maka, tidak hairanlah sekiranya unsur perkauman ini masih lagi wujud pada masa kini. Aspek ini jelas dapat dibuktikan bahawa hubungan kaum dan agama semakin parah di Malaysia. Petanda yang tidak sihat ini berlaku di negara ini dek kerana kebangkitan satu isu hiasan tanglung di sebuah sekolah mendapat kecaman hebat dan diprotes oleh kaum lain. Isu ini mula menjadi bualan dari bibir ke bibir masyarakat sehingga Timbalan Perdana Menteri terpanggil untuk turun ke sekolah bagi mempertahankan tanglung tersebut. Seharusnya, isu tanglung ini tidak menjadi satu masalah lagi kerana sewaktu kecil, semua pernah bermain tanglung. Semua bersemangat membeli tanglung untuk menyambut bersama-sama kaum Cina. Namun kini ianya diibaratkan seperti senjata yang menjadi isu kepada perpecahan kaum di Malaysia.

Tidak dilupakan tentang isu pembelajaran tulisan Jawi yang turut menjadi bualan hangat. Isu ini memuncak apabila Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia menyerahkan memorandum penolakan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular. Penolakan tersebut seolah-olah mencabar ketuanan tulisan Jawi sebagai satu daripada tulisan bahasa Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Seharusnya, isu ini tidak perlu timbul jika rakyat memahami konsep, prinsip atau dasar negara. Selain itu, terdapat juga isu yang dikesan berlaku di universiti apabila segelintir pelajar kaum Cina cuba mengasingkan diri daripada kaum lain. Biarpun ianya dianggap satu isu terpencil, namun ia

merupakan satu unsur perkauman yang seharusnya langkah yang berkesan perlu diambil dengan segera sebelum ianya menjadi besar dan kronik.

Dalam pada itu, terdapat sesetengah responden yang tidak bersetuju bahawa unsur perkauman masih lagi wujud dalam kalangan pelajar IPTA/IPTS. Pendapat ini juga wajar kerana responden mungkin berfikiran bahawa unsur perkauman bukan lagi masalah utama dalam kalangan pelajar.

Aspek ini adalah jelas dibuktikan bahawa semangat perpaduan sememangnya bermula dari bangku sekolah lagi kerana sistem pendidikan memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara ini. Hal ini dapat dikukuhkan lagi apabila semua pelajar diwajibkan mempelajari subjek Sejarah di sekolah yang menjadi salah satu medium untuk mengukuhkan lagi jati diri para pelajar. Jelasnya, usaha untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi dapat disahut oleh setiap lapisan masyarakat termasuk daripada kalangan pelajar.

Kebanyakan responden menentang tentang penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian dan pembelajaran di IPTA/IPTS kerana mereka berpendapat bahawa penggunaan bahasa Inggeris adalah lebih wajar digunakan dalam sistem pendidikan tinggi. Hal ini dapat dibuktikan bahawa terdapat kajian dijalankan di sebuah institusi pendidikan mengenai isu bahasa ini. Lantasnya, dapatan kajian menunjukkan mahasiswa dan mahasiswi beranggapan bahawa bahasa Melayu hanya sesuai digunakan sebagai bahasa pengantar dalam mata pelajaran Agama Islam sahaja, manakala bahasa Inggeris paling sesuai berperanan sebagai bahasa ilmu dalam sistem pendidikan bagi mata pelajaran perubatan. Perkara ini dianggap wajar kerana sistem pendidikan terutamanya dalam bidang perubatan, pembelajaran dilihat lebih formal dalam penggunaan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Terdapat pelbagai istilah yang digunakan dalam bidang perubatan dan ianya berasal daripada bahasa Inggeris. Tambahan pula, isu ini menjadi semakin serius sekiranya bahasa Melayu ini menjadi bahasa utama dalam sistem pendidikan di IPTA/IPTS kerana ianya akan menyukarkan komunikasi antara para pelajar. Hal ini demikian kerana terdapat pelajar antarabangsa yang kurang fasih dalam pertuturan bahasa Melayu. Keadaan ini bukan sahaja menyukarkan tenaga pengajar untuk mengajar dalam berlainan bahasa, malahan ianya turut menyukarkan pelajar untuk memahami tentang topik pembelajaran. Jelasnya, bahasa Inggeris merupakan bahasa yang diakui penting dan diterima pakai oleh pelajar di semua IPTA/IPTS di Malaysia. Namun, terdapat segelintir responden yang masih menyokong tentang penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian dan pembelajaran di IPTA/IPTS. Tindakan ini adalah sangat baik kerana bahasa Melayu seharusnya diperkuatkan demi membuktikan bahawa ia mampu dan layak menjadi bahasa utama dalam semua bidang termasuk Sains dan teknologi. Hal ini dapat dikukuhkan lagi apabila Penyata Razak 1956 diperkenalkan yang bertujuan untuk menyatukan semua pelajar daripada pelbagai etnik dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Seterusnya, isu peningkatan kuota kemasukan orang bukan bumiputera ke institusi pendidikan mendapat persetujuan daripada ramai responden. Peningkatan kuota ini sewajarnya ditingkatkan dan isu ini mendapat perhatian daripada pihak kerajaan akan melaksanakan satu penyelidikan baru untuk menentukan kadar sebenar nisbah bumiputera dan bukan bumiputera dengan mengambil kira bukan sahaja universiti tempatan malahan akan merangkumi semua universiti di negara ini dan juga luar negara. Tambahan pula, kebanyakan responden bersetuju bahawa kemasukan pelajar ke IPTA seharusnya berlandaskan kepada kecemerlangan akademik dan kokurikulum, bukan berpaksikan kepada perbezaan kaum. Dalam konteks ini, konsep keadilan perlu diterapkan dengan mengambil kira kecemerlangan akademik sebagai mercu tanda kepada kejayaan pelajar ke institusi pengajian tinggi. Sikap prejudis harus dibendung dan jangan menjadikan isu perkauman sebagai faktor pemilihan pelajar ke IPTA. Hampir keseluruhan responden bersetuju untuk mengadakan sambutan hari kebangsaan di setiap IPTA/IPTS. Ianya wajar dilakukan kerana sambutan ini dapat menyemarakkan semangat patriotik dalam jiwa pelajar, selain dapat memupuk semangat perpaduan antara kaum dalam kalangan pelajar. Namun, terdapat segelintir yang tidak bersetuju tentang pelaksanaan ini kerana mereka berpendapat bahawa sambutan ini memerlukan kos dan agak membazir masa untuk penyediaan sambutan ini di universiti.

Isu pengambilan subjek bahasa kaum lain mendapat tentangan daripada segelintir responden. Hal ini kerana penambahan subjek ini akan membebankan mental dan fizikal pelajar. Pelajar perlu memberikan tumpuan yang lebih terhadap pembelajaran subjek ini kerana ianya sesuatu yang baru kepada sesetengah pelajar. Dari sudut positif pula, ramai responden bersetuju terhadap cadangan ini kerana ianya dapat menambahkan ilmu



pengetahuan yang baru kepada para pelajar. Selain itu, ia juga merupakan satu peluang kepada pelajar kerana diberi pendedahan untuk belajar tentang keunikan kaum lain.

Seterusnya, responden memberikan keputusan positif dan bersetuju tentang penglibatan berbilang kaum dalam aktiviti berkumpulan. Melalui penglibatan ini, pelajar dapat bergaul antara berlainan kaum dengan lebih akrab serta menjadi medium dalam mencapai keharmonian kaum. Semangat muhibbah juga dapat dipupuk dalam diri mereka seterusnya dapat menerapkan nilai 1Malaysia dalam kalangan pelajar di IPTA/IPTS.

Rumusan

Secara keseluruhan, kajian yang berkaitan isu penambahbaikan sistem pendidikan tinggi Malaysia bagi meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran kalangan pelajar IPTA dan PTS terhadap peranan institusi pendidikan tinggi dalam meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelajar adalah dikira tinggi. Dengan ini, kajian tersebut mendapati bahawa pelajar-pelajar memahami unsur perkauman masih berlaku dalam kalangan pelajar IPTA/IPTS dan setuju dengan kebanyakan fakta yang boleh mengukuhkan perpaduan antara pelajar IPTA/IPTS yang berbilang kaum, iaitu peningkatan kuota kemasukan orang bukan bumiputera ke program matrikulasi dan IPTA, sambutan hari kebangsaan perlu diwajibkan, setiap pelajar diwajibkan mengambil subjek bahasa kaum lain serta penglibatan berbilang kaum dalam aktiviti kerja berkumpulan diwajibkan.

Namun begitu, berdasarkan analisis dapatan, jelas sekali menunjukkan bahawa bahasa Melayu semakin ditolak oleh golongan pelajar IPTA/IPTS, maka mereka setuju dengan penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran IPTA/IPTS. Mereka masih kurang kesedaran dan pemahaman terhadap fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan dalam pelaksanaan Dasar Integrasi Nasional oleh pihak kerajaan. Lantaran itu, mereka tidak merasakan keperluan dan tanggungjawab untuk menggunakan, mempertahankan dan meningkatkan prestasi bahasa Melayu dalam kehidupan mereka. Hasilnya, bahasa Inggeris lebih menjadi pilihan sebagai bahasa penghubungan daripada bahasa Melayu.

Secara konklusinya, unsur perkauman dalam kalangan pelajar IPTA/ PTS masih wujud dan perkara ini boleh diatasi dengan fakta yang dikemukakan bagi menambahbaikkan sistem pendidikan tinggi Malaysia demi mengukuhkan perpaduan antara pelajar berbilang kaum. Justeru, sebagai warganegara Malaysia, setiap pelajar haruslah menunjukkan nilai toleransi antara satu sama lain dengan mencapai keberkesanan dan interaksi sosial demi menjamin kestabilan perpaduan negara.

Rujukan

- Arend Lijphart (1977). *Democracy in Plural Societies: A Comparative Exploration* New Haven: Yale University Press.
- Amini Amir Abdullah. (2012). *Isu sensitif dalam hubungan etnik di Malaysia*. Serdang, Malaysia: Universiti Putra Press
- Isahak Haron. (2002). Analisis penggunaan bahasa Melayu di institusi pendidikan di Malaysia. *Dewan Bahasa* 2(1): 56-63.
- Juriah Long, Khalid Abdullah, Raja Fauzi Raja Musa, Warnoh Katiman, Zaini Mahbar dan Puteh Mohamad. 2002. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi Memenuhi Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Pembangunan Sumber Manusia pada Abad ke-21. Projek IRPA 07- 02-02-0049. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Azuki Yusuff, Nik Yusri Musa, Wan Sopian Sori, (2012) *Faktor utama konflik etnik dan kemampuan gagasan 1Malaysia menurut perspektif mahasiswa*. Regional Conference on Values and Humanities (RECOVH) Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Azuki Yusuff (2016), *Perpaduan etnik di Malaysia*. Kota Bharu: Penerbit UMK



Nur Azuki Yusuff, Tan Hong Cheng, Kevin Fernandez, Yohan Kurniawan (2016) *Perpaduan berpaksikan titik kesamaan fungsi pelbagai agama dengan mengambil kira Islam sebagai agama rasmi di Malaysia*. In: Persidangan Pemantapan CITRA Kenegaraan 4 (COSNA4) ‘Mencorak Masa Hadapan’: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Yohan Kurniawan, Nur Azuki Yusuff (2012) *1Malaysia = 1Bahasa: sebuah mediator pemersatu kaum di Malaysia*: Regional Conference on Cross-Culture Communication and National Integration, Hotel Palace of the Golden Horses, Mines: Kuala Lumpur

Zainal Abidin Abdul Wahid. 2001. Bahasa Pendidikan dan Pembangunan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka



kertas 12:
PERSEPSI BELIA BERKAITAN; ADAKAH TULISAN JAWI AGENDA ISLAMISASI?

*Abdul Muhammin Simunir, Jeremy Tan Jianhao, Lak Ong'a Udom, Muhammad Shahin Kamarul-Anuar,
Rexzana Rose Henry, Subeinthiran Rinagasamy*

Abstrak

Kini, Malaysia dilanda dengan isu sosial yang sering menjadi buah mulut masyarakat Malaysia. Apa yang lebih merisaukan ialah bahawa isu tersebut menyebabkan ketegangan di Malaysia di antara kaum melayu yang beragamakan Islam dengan kaum-kaum lain yang berada di Malaysia. Isu merupakan kewujudan tulisan jawi yang tertera pada Jata negara, mata wang dan juga halaman hadapan buku teks bagi sekolah-sekolah di Malaysia. Tulisan jawi, agenda Islamisasi atau hanya sekadar bahasa? Mengapakah tulisan ini dinyatakan sebagai satu benteng dalam mengeratkan silatulrahim antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum? Ini kerana terdapat pendapat dari sebahagian netizen, terutamanya masyarakat yang bukan beragama Islam, menyatakan bahawa tulisan Jawi yang tertera di sekeliling mereka merupakan satu agenda besar yang bertujuan untuk mengIslamkan masyarakat Malaysia yang bukan beragama Islam. Kumpulan ini lalu melantangkan suara mereka dengan meminta supaya tulisan jawi ini dihapuskan. Demikian itu, sudah tentunya terdapat tentangan bagi permintaan tersebut dimana mereka menyatakan bahawa tulisan tersebut hanyalah sebagai simbol negara yang melambangkan sejarah Malaysia yang menggunakan tulisan jawi pada zaman dahulu. Tulisan jawi juga merupakan salah satu seni negara yang unik kepada Malaysia. Dengan dua pendapat yang berbeza daripada dua pihak, perbalahan dan debat tentang agenda Islamisasi ini menjadi buah perbualan harian. Kumpulan pengkaji menggunakan tugas ini sebagai satu peluang untuk menyelidik dan membincangkan tentang isu revelan tersebut yang melanda negara. Di dalam kertas ini, pengkaji menyatakan beberapa fakta dan teori mengenai topik yang dibincangkan serta nilai-nilai tersirat. Perspektif-perspektif juga dinyatakan bersama perspektif masyarakat Malaysia dimana pengkaji memperolehi melalui soal selidik dan sosial media. Tujuan perbincangan dan esei berimpak ini adalah untuk membincangkan, menyelesaikan isu dinyatakan, dan mencapai satu kesimpulan yang munasabah dan memuaskan bagi isu ini.

Kata kunci: Tulisan Jawi, Islamisasi, ancaman bukan muslim Malaysia

Latar Belakang/ Permasalahan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, tulisan Jawi didefinisikan sebagai abjad-abjad Arab dengan tambahan beberapa huruf lain yang digunakan untuk menulis dalam bahasa Melayu. Sejak tahun 1300 M lagi, penduduk di sekitar Kepulauan Melayu menggunakan tulisan Jawi di dalam penulisan harian.

Perkembangan penggunaan tulisan Jawi dikatakan berkaitan rapat dengan kedatangan orang Parsi yang beragama Islam. Orang Parsi memperkenalkan tulisan Arab dan ianya diubahsuai kepada tulisan Jawi supaya menjadi lebih sesuai dengan bahasa Melayu klasik lisan. Tulisan Jawi ditulis dari kanan ke kiri seperti tulisan Arab, namun terdapat beberapa huruf tambahan yang tiada di dalam tulisan Arab. Tulisan Jawi kemudiannya berkembang ke Kerajaan Melaka, Johor, dan juga Aceh. Kewujudan tulisan Jawi di Malaysia dibuktikan dengan penemuan Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 1303 M, di mana lebih awal berbanding penemuan artifak tulisan Rumi. Hal ini membuktikan bahawa tulisan Jawi sampai ke Tanah melayu jauh lebih awal berbanding tulisan Rumi. Tulisan Jawi digunakan sebagai tulisan rasmi oleh Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu semasa berada dibawah penguasaan British. Tulisan Jawi juga digunakan di dalam dokumen penting dalam urusan pentadbiran dan perjanjian di antara Raja-raja Melayu dan pihak British. Selain itu, tulisan ini juga digunakan dalam Pengisytiharan Kemedekaan 1957. Pada masa kini, tulisan Jawi digunakan masih giat digunakan dalam urusan berkaitan perihal agama Islam dan adat istiadat diraja Melayu di Malaysia.

Namun, konflik berkaitan tulisan Jawi tercetus di Malaysia apabila seni khat jawi diperkenalkan kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan) bagi subjek Bahasa Melayu tahun empat



sebagai pengisian tambahan. Maka, Dong Zong dan kaum minority membantah idea ini kerana menganggap tulisan jawi sebagai salah satu agenda islamisasi. Malah terdapat golongan yang menyokong idea ini kerana menganggap jawi sebagai salah satu kesenian, jadi ianya lebih sesuai dimasukkan ke dalam matapelajaran Pendidikan Seni menggantikan Bahasa Melayu. Pada hakikatnya, tulisan jawi dilaksanakan sebagai pengisian tambahan dalam aspek seni bahasa dan untuk memperkayakan murid dengan pengetahuan mengenai seni, warisan dan sejarah Bahasa Melayu. Sehubungan itu, ia bukan satu pembelajaran komprehensif untuk menguasai jawi. Jadi, pembelajaran tulisan khat sebenarnya diperlukan demi membina identiti nasional memandangkan tulisan jawi merupakan sistem yang digunakan masa lalu sebelum tulisan Rumi mengalami perubahan dan ia diterapkan dalam kaedah didik hibur.

Rentetan daripada itu, salah faham akan isu tulisan jawi tidak dihentikan sekadar di situ sahaja apabila terdapat sesetengah golongan yang mengatakan bahawa Bahasa Jawi ditawarkan oleh sekolah-sekolah di Malaysia sebagai subjek tambahan berbanding Ilmu am lain seperti pengkodan dan sebagainya. Sebilangan rakyat berpandangan bahawa ilmu pengkodan adalah lebih penting dan relevan untuk dipelajari pada masa kini berbanding tulisan Jawi. Namun begitu, menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), mereka memperkenalkan pengkodan kepada murid sekolah rendah dan menengah dalam pelaksanaan KSSR dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Semakan 2017. Di sekolah rendah ia melibatkan murid Tahap 2 (Tahun Empat, Lima dan Enam). Untuk sekolah menengah melibatkan Tingkatan Satu hingga Tiga. Aspek pengkodan ini dipelajari melalui mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi serta Asas Sains Komputer. Hal ini kerana, Kepentingan kedua-dua ilmu adalah sejarah tetapi tujuan pendidikan ilmu-ilmu tersebut adalah berlainan. Ilmu tulisan jawi bertujuan untuk mengukuhkan pengetahuan para pelajar tentang sejarah dan kesenian bahasa melayu, dan ilmu kod adalah bertujuan untuk menambah pengetahuan para pelajar tentang teknologi masa kini. Dengan ini, negara dapat melahirkan pemimpin yang lebih berkualiti untuk generasi yang akan datang.

Sehubungan dengan itu, tulisan Jawi juga dibuktikan kepentingannya melalui penggunaan tulisan Jawi dalam Jata Negara dan mata wang. Ini menggambarkan bahawa adalah mustahil untuk menggunakan tulisan jawi sebagai alat islamisasi. Ia menggambarkan bahawa kedudukan tulisan Jawi sangat tinggi dan berkait rapat dengan identiti dan jati diri negara. Jawi adalah satu tulisan untuk bahasa Melayu. Dalam perlumbagaan Perkara 152 menyebut bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan negara ini. Tulisan Jawi lebih awal digunakan untuk bahasa Melayu kerana ketika bahasa ini berkembang sebagai bahasa ilmu, tulisan pertama diperkenalkan ialah tulisan Jawi. Hal ini kerana, tulisan Jawi seperti yang ada pada Jata negara dan mata wang merupakan elemen rakyat Malaysia patut kenali kerana ia melambangkan salah satu daripada identiti negara dengan ini ia dapat mengelak daripada persepsi yang salah tentang Tulisan Jawi. Terdapat pelbagai reaksi daripada masyarakat mengenai isu ini dimana ada yang menganggap tiada masalah dalam menghargai dan mempelajari tulisan tradisional bagi bahasa kebangsaan kerana murid juga belajar kaligrafi Cina. Hanya dengan enam muka surat untuk memperkenal aspek artistik khat. Malah, terdapat banyak lagi cara untuk mempelajari tulisan sekiranya kaedah buku teks dilihat sebagai sesuatu yang tidak menarik. Selain itu, murid juga perlu tahu tentang tulisan Pallava yang lebih awal jika tujuannya untuk memupuk penghargaan bahasa dalam kelangan mereka.

Objektif Kajian

Tajuk ini dipilih kerana walaupun isu ini dilihat kecil, tetapi rakyat malaysia membesarlu perkara ini dengan tanggapan yang melampau. Persoalan tentang tujuan tulisan jawi dimasukkan ke dalam silibus pembelajaran oleh segelintir masyarakat Malaysia di mana tulisan ini tidak diamalkan tidak boleh dinafikan kerana mungkin mereka tidak pernah tahu cara tulisan ini dan maksudnya.

Tetapi kenapa sekarang baru hendak membicarakan tentang isu pembelajaran tulisan jawi dalam silibus bahasa malaysia. Isu ini boleh diselesaikan jika tidak dipolitikkan oleh golongan yang berpengaruh alangkah malangnya itu adalah masalah setiap isu yang dibicarakan di dalam negara ini. Dalam kajian ini pengkaji mengadakan tinjauan kepada orang ramai bertanyakan pendapat mereka tentang tulisan jawi.




Pada awalnya waktu itu tentang tulisan jawi dimasukkan ke dalam silibus Bahasa Melayu dibicarakan, terdapat banyak reaksi oleh rakyat Malaysia. Ada yang mempunyai reaksi yang menyambut dan ada juga reaksi yang tidak menyambut. Terdapat sebilangan rakyat Malaysia yang berpendapat kenapa perlu menambahkan sesuatu topik yang tidak akan memberi manfaat kepada pelajar sewaktu mereka melalui alam pekerjaan pada masa hadapan. Malah penambahan topik ini juga boleh membebankan pelajar yang sedang mempelajari silibus yang sedia ada. Terdapat juga rakyat Malaysia yang bersetuju bahawa penambahan tulisan jawi di dalam silibus Bahasa Malaysia akan memperkuatkan ilmu pengetahuan generasi Malaysia yang baharu tentang sejarah asal-usul tulisan Bahasa ibunda yang pada suatu masa dahulu yang menjadi lingua franca di antara para pedagang pada zaman kesultanan Melaka. Ini akan membuatkan generasi rakyat Malaysia yang baharu berasa bangga akan pencapaian negara sebelum ini dan berusaha membantu negara mengulanginya kini. Pembelajaran tulisan jawi adalah bukan sesuatu pembaziran kerana pelajar boleh mengaplikasikan tulisan ini dengan seni khat untuk menghasilkan karya yang unik dan klasik.

Penggunaan tulisan jawi pada Jata Negara dan juga mata wang ringgit melambangkan bahawa tulisan jawi masih dipakai walaupun bukan secara meluas. Ini kerana tulisan Jawi ini pada suatu masa dahulu merupakan cara penulisan Bahasa Melayu sebelum negara ini dijajah oleh orang barat dan dirumikan oleh mereka. Malah dokumen pengisytiharan kemerdekaan juga menggunakan tulisan Jawi. Dari sini dapat dilihat bahawa tulisan jawi memainkan peranan penting dalam simbol dan identiti negara. Jadi dengan mempelajari beberapa perkataan dalam jawi, semua dapat memahami maksud tulisan pada lambang tersebut.

Metodologi

Pengkaji membuat tinjauan atas talian melalui Google Form. Selepas berbincang bersama ahli kumpulan, sebanyak 9 soalan disediakan yang termasuk soalan tentang demografik responden, kesedaran mereka tentang tajuk ini dan pendapat mereka. Pengkaji membuat survey ini tanpa meminta nama atau informasi tentang responden agar mereka lebih berani menjawab dengan benar tanpa rasa bersalah. Tambahan pula, pengkaji cuba membuat soalan pengkaji senang untuk menjawab tanpa memerlukan banyak masa dari responden untuk memastikan responden menjawab dengan lebih serius dan bukan hanya menjawab dengan leka. Seterusnya, pautan yang pengkaji sediakan dikongsikan melalui laman-laman sosial seperti Whatsapp, Instagram dan Facebook; dikongsikan dengan ahli keluarga dan pensyarah untuk mendapat jawapan yang luas dari demografik yang berbeza. Pengkaji menetapkan waktu survey pengkaji dibuka selama dua minggu dan menganalisis data yang diterima dari tinjauan tersebut.


Analisis



Daripada 60 responden yang menjawab Google Form ini, 85% daripada responden-responen berikut adalah daripada golongan umur 21 hingga 24 tahun. 6.7% pula adalah daripada kategori 25 hingga 29 tahun dan juga 15 hingga 20 tahun. 1.7% adalah daripada 30 tahun dan ke atas.




2. Agama
60 responses




Selain itu, daripada 60 responden yang menjawab Google Form ini, 55% daripada responden-responden berikut adalah penganut agama Islam. 18.3% pula adalah penganut agama buddha. 15% daripada responden-responden berikut adalah penganut agama Hindu. Jumlah penganut agama Kristian yang menjawab soal selidik ini adalah 10.1%.

3. Golongan:
60 responses



Seterusnya, daripada 60 responden yang menjawab Google Form ini, 98.3% daripada responden-responden berikut adalah daripada golongan pelajar manakala 1.7% pula adalah daripada golongan guru & Professor.

5. Adakah anda sedar tentang Isu Tulisan Jawi?
60 responses




Tambahan pula, daripada 60 responden yang menjawab soal selidik ini, 81.7% daripada responden-responden berikut sedar mengenai isu tulisan jawi manakala 20% pula tidak sedar mengenali tulisan jawi.



4. Adakah anda kenal Tulisan Jawi?


60 responses



Bukan itu sahaja, daripada 60 responden yang menjawab soal selidik ini, 80% daripada responden-responden berikut mengenali tulisan jawi manakala 20% pula tidak mengenali tulisan jawi.

6. Adakah anda setuju dengan menambahkan Tulisan Jawi dalam Silibus Pelajaran Malaysia?


60 responses



Di samping itu, daripada 60 responden yang menjawab soal selidik ini, 63.3% daripada responden-responden berikut bersetuju dengan menambahkan tulisan jawi dalam silibus pelajaran malaysia, tetapi 36.7% pula tidak bersetuju.


7. Jika tidak, apakah sebab anda?

25 responses




Soal selidik seterusnya adalah mengenai punca-punca responden yang tidak bersetuju untuk menambahkan tulisan jawi dalam silibus pelajaran malaysia. Daripada 25 responden, 48% mengatakan tulisan jawi tidak penting. 32% pula mengatakan tulisan jawi akan membuatkan kaum minoriti tidak senang hati manakala 16% mengatakan tulisan jawi hanya membuangkan masa.

8. Adakah anda rasa Tulisan Jawi ini salah satu punca pecah belahan antara kaum?
60 responses



Selain daripada itu, daripada 60 responden yang menjawab soal selidik ini, 80% daripada responden-responden berikut merasa bahawa Tulisan Jawi adalah salah satu punca pecah belahan antara kaum di Malaysia, tetapi 20% pula tidak bersetuju dimana tulisan jawi tidak membawa pecah belahan antara kaum.

9. Adakah anda setuju bahawa Tulisan Jawi merupakan agenda Islamisasi?
60 responses



Lebih-lebih lagi, daripada 60 responden yang menjawab soal selidik ini, 35% daripada responden-responden berikut bersetuju bahawa tulisan jawi merupakan agenda Islamisasi manakala 65% pula menentang pernyataan tersebut.

Berikut disertakan gambar-gambar penemuan tulisan Jawi dalam sejarah negara:



Batu Bersurat Terengganu



Tulisan Jawi Di Jata Negara





Dokumen pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957 ditulis menggunakan tulisan Jawi.



Surat khabar Melayu pertama yang dinamakan Jawi Peranakkan ditulis dalam tulisan Jawi



Tulisan Jawi pada mata wang

Perbincangan

Mengikut soal selidik, terdapat percanggahan pendapat mengenai isu yang dinyatakan. Merujuk kepada statistik hasil soal selidik, sejumlah besar responden bersetuju bahawa pembelajaran tulisan jawi di dalam silibus Bahasa Malaysia adalah digalakkan. Hal ini kerana, mereka percaya bahawa tulisan jawi dapat mendedahkan generasi muda tentang tulisan tersebut dan signifikasinya dalam sejarah Malaysia. Pelajar-pelajar dari pelbagai kaum juga dapat meluaskan penguasaan bahasa. Tetapi, terdapat sebanyak 36.7 peratus responden menyatakan bahawa mereka tidak setuju dengan penambahan tulisan jawi dalam silibus Bahasa Malaysia. Mereka berasa bahawa bahasa dan tulisan jawi tidak diperlakukan secara umum oleh masyarakat Malaysia. Secara tidak langsung juga, pelajar yang mengambil subjek tambahan ini akan lebih terbeban dalam pelajaran.

Persoalan lain yang timbul adalah persoalan tentang kepentingan tulisan Jawi jika di bandingkan dengan ilmu pengkodan. Berdasarkan soal selidik, 36.7% responden berasa bahawa tulisan Jawi tidak memberikan impak yang signifikan pada kerjaya dan kehidupan sehari-hari jika dibandingkan dengan ilmu pengkodan. Anak-anak muda akan menjadi seperti ketinggalan zaman jika tidak sekurang-kurangnya mempunyai pengetahuan asas tentang ilmu seperti pengkodan yang lebih diperlukan pada masa ini. Namun begitu, majoriti responden masih merasakan bahawa tulisan Jawi adalah bukan perkara yang sia-sia. Ini kerana tulisan Jawi memberikan pelajar peluang untuk mempertingkatkan diri dan membezakan diri sendiri daripada orang lain kerana menguasai suatu tulisan yang lain.

80% responden dari soal selidik bersetuju bahawa tulisan jawi ini bukan salah satu punca antara masalah pemecah-belahan antara kaum di Malaysia kerana mereka berpendapat bahawa tulisan Jawi yang tertera pada Jata Negara dan mata wang Malaysia hanya sekadar tulisan semata-mata dan ia tidak dapat digunakan sebagai alat untuk memecah-belahan kaum. Rentetan daripada itu, golongan yang bersetuju juga berpandangan bahawa tulisan Jawi pada Jata Negara dan mata wang adalah penting untuk melambangkan identiti negara dan memartabatkan kedudukan tulisan jawi di kedudukan yang tinggi. Walau bagaimanapun, 20 peratus responden merasakan salah satu punca pemecah-belahan kaum di Malaysia kerana mereka berfikir bahawa adanya tulisan Jawi pada jata negara dan mata wang merupakan sebuah agenda Islamisasi.

Rumusan

Kaji selidik yang dilakukan menyimpulkan bahawa terdapat banyak salah faham tentang tulisan jawi ini lalu menimbulkan ketegangan di antara kaum-kaum di Malaysia. Ini berpunca oleh masyarakat negara yang enggan memahami maksud sebenar dan tersirat pada tulisan jawi tersebut. Tulisan ini tidak bertujuan sebagai sesuatu agenda islamisasi tetapi merupakan salah satu simbol unik Malaysia sebagai sebuah negara yang majmuk. Negara Malaysia mempunyai hubungan sejarah dengan bahasa jawi sehingga terdapat tulisan jawi pada jata negara dan mata wang Malaysia. Mungkin anak-anak muda akan lebih menghayati tulisan jawi yang ada pada jata negara dan mata wang jika mereka mempelajari tulisan tersebut. Dan ini juga akan membuat mereka menghargai sejarah bahasa Malaysia kerana ia juga berkait rapat dengan bahasa jawi.

Selain itu, pendidikan tulisan jawi ini hanya disertakan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia yang mempunyai struktur pembelajaran yang sama seperti subjek bahasa yang lain seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan lain-lain. Para pelajar hanya diajar untuk menulis tulisan jawi dengan cara yang betul. Unsur-unsur yang berkaitan dengan islamisasi atau pengajian keagamaan tentang agama Islam tidak termasuk dalam pelajaran tulisan jawi. Oleh hal yang demikian, sesetengah pihak mungkin merasakan bahawa adalah lebih sesuai jika ilmu tentang tulisan jawi hanya disertakan dalam mata pelajaran pendidikan seni dan visual. Hal ini kerana, mata pelajaran Bahasa Melayu adalah mata pelajaran yang teras penambahan tulisan jawi dalam pendidikan ini menyebabkan para pelajar terutama mereka yang tidak berminat dengan tulisan ini akan merasa terbeban dan merasa susah untuk menguasai mata pelajaran ini. Disebabkan



pendidikan tulisan Jawi ini lebih dipandang dari sudut keseniannya, ia lebih sesuai jika disertakan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni dan Visual. Dengan ini, para pelajar kurang rasa terbeban kerana mata pelajaran Pendidikan Seni dan Visual bukanlah mata pelajaran yang teras.

Dengan ini, jelaslah bahawa pendidikan tulisan Jawi di sekolah bukanlah salah satu agenda Islamisasi tetapi hanyalah sekadar seni penulisan sahaja yang bertujuan untuk mendidik para pelajar tentang sejarah Bahasa Melayu. Isu ini hanya timbul oleh kerana pemikiran yang cetek oleh beberapa pihak yang tidak tahu untuk menghayati sejarah dan kesenian yang terdapat dalam negara ini.

Rujukan

- Affandi, O. (2019, Ogos 09). *Sejarah dan Evolusi Tulisan Jawi di Tanah Melayu*. Dalam Iluminasi.com Januari 2021.
- Hassan, H. (2019, Ogos 15). *Merungkai Sejarah Asal-Usul Tulisan Jawi*. Hasrul Hassan. <https://www.hasrulhassan.com/2019/08/sejarah-asal-usul-tulisan-jawi.html>
- Moain, A. J. (1996). *Sejarah Askara Jawi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Azuki Yusuff, Tan Hong Cheng, Kevin Fernandez, Yohan Kurniawan (2016) *Perpaduan berpaksikan titik kesamaan fungsi pelbagai agama dengan mengambil kira Islam sebagai agama rasmi di Malaysia*. In: Persidangan Pemantapan CITRA Kenegaraan 4 (COSNA4) ‘Mencorak Masa Hadapan’: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Yohan Kurniawan, Nur Azuki Yusuff (2012) *1Malaysia = 1Bahasa: sebuah mediator pemersatu kaum di Malaysia*: Regional Conference on Cross-Culture Communication and National Integration, Hotel Palace of the Golden Horses, Mines: Kuala Lumpur
- Sulaiman, Z. (2020, Mac 14). Dr. Mazlee Perjelas Isu Tulisan Jawi. *Sinar Harian*. Tulisan Jawi adalah Identiti Negara. (2020, Januari 08). *Harian Metro*.





JAWATANKUASA PELAKSANA

Penasihat:

YBrs. Dr. Burhan bin Che Daud

YBrs. Dr. Marwan bin Ismail

Pengarah Program:

Prof. Madya Dr. Nur Azuki bin Yusuff

Setiausaha Program:

Prof. Madya Dr. Yohan Kurniawan

Jawatankuasa Pemudahcara Program:

Dr. Ateerah binti Abdul Razak

Nurul Iman binti Mohd Zain

Siti Fathihah binti Abd Latif

Dr. Zaleha binti Embong

Dr. Fairus A'dilah binti Rusdi

Dr. Nawi bin Ismail

Shahriman bin Abu Bakar

Jawatankuasa Penerbitan:

Dr. Asmaa Lailee binti Mohd Noor

Alia Nadhirah binti Ahmad Kamal

Prof. Madya Dr. Nik Yusri bin Musa

En. Ruzaini bin Ijon

Pembantu Penyelenggara e-prosiding:

En. Muhammad Hafizuddin bin Huji

Jawatankuasa Pelarasan Aktiviti:

Dr. Azahah binti Abu Hassan Shaári

Dr. Noorhisham bin Md. Nawi

PM. Dr. Ali bin Salman

Dr. Azman bin Bidin

Jawatankuasa Teknikal:

Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak

Dr. Mohd Kamil bin Ahmad

Jawatankuasa Tugas-tugas Khas:

Pn. Zuriati binti Mohd Rashid

Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail



PERJALANAN PROGRAM

Diadakan dalam dua sesi iaitu pada 1 Mac dan 18 April 2021. Program dilakukan secara *online* dengan pusat operasi di UMK Bachok.

- i. Sesi pertama ialah pengumpulan dan pembentangan kertas kerja sidang 1. Peserta dan Pembentang sidang 1 seramai 75 Pelajar veterinar tahun 3 dan 4 terlibat secara wajib dan jemputan semua pelajar UMK lainnya. Sebanyak 12 kertas penyelidikan disediakan bagi tujuan pembentangan.
- ii. Peserta dan Pembentang Sesi 2 seramai lebih kurang 2,000 Pelajar UMK tahun 1 terlibat secara wajib dan jemputan semua pelajar UMK lainnya. Sebanyak 2 kertas penyelidikan disediakan bagi tujuan pembentangan. 12 kertas pembentangan sebelum ini akan disiarkan dalam sesi ini.

Tentatif Program Program Wacana Perpaduan Kalangan Belia Era PKP 2.0 2021

Sidang Pertama: 1 Mac 2021

09.00 pagi	:	Pendaftaran pelajar dan urusetia program
09.05 pagi	:	Ucapan Alu-aluan daripada pengarah program
09.10 pagi	:	Pembentangan kertas kerja
11.00 pagi	:	Ulasan dan rumusan
11.05 pagi	:	Bersurai

Sidang kedua : 18 April 2021

Perasmian Program (Kampus Bachok/Online Facebook FBI)

09.30 pagi	:	Pendaftaran pelajar, panel dan urusetia
09.40 pagi	:	Alu-Aluan pengarah program
10.00 pagi	:	Pembentangan Ucaptama oleh Ketua Jabatan Sains Kemanusiaan Pembentangan kertas kerja (tambahan kertas atau tayangan Video daripada sidang 1)
11.00 pagi	:	Ucapan penutup/perasmian oleh YBrs. Dekan FBI
11.30 pagi	:	Ulasan dan rumusan penganjur
11.40 pagi	:	Majlis bersurai



C
M
Y
CM
MY
CY
CMY
K

C
M
Y
CM
MY
CY
CMY
K

